# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

## Akta 333

# AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

*Sebagaimana pada 1 Februari 2013*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

Tarikh Perkenan Diraja ... … … … 30 Ogos 1987

Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … … 24 September1987

Kali terakhir dipinda melalui
Akta A1440 yang mula
berkuat kuasa pada ... … … … 15 September 2012

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... ... ... ... 2006*

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 333

## AKTA PENGANGKUTAN 1987

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelantikan
3A. Pemberikuasaan kepada Datuk Bandar dan pegawai Majlis Bandaraya
4. Kuasa Dato Bandar dan warden lalu lintas
4A. Kuasa pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan
4B. Kuasa Menteri untuk melantik pegawai lain

BAHAGIAN II

PENGELASAN, PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN-KENDERAAN MOTOR DAN PEMANDU

*Pengelasan Kenderaan-Kenderaan Motor*

5. Pengelasan kenderaan-kenderaan motor
6. Larangan bagi kenderaan motor yang tidak mematuhi kaedah-kaedah

*Pendaftaran Kenderaan-kenderaan Motor*

7. Pendaftaran kenderaan motor dan pemunya

Seksyen

8. Penyimpanan daftar
9. Penyimpanan akaun oleh pendaftar berlesen
10. Permohonan untuk pendaftaran
11. Nombor pendaftaran
12. Pemeriksaan kenderaan motor dan pemberian maklumat kepada Ketua Pengarah
13. Tatacara mengenai pertukaran milikan kenderaan motor
14. Memperagakan nombor pendaftaran

*Pelesenan Kenderaan Motor*

15. Lesen kenderaan motor
16. Kehendak bagi permohonan
17. Pengarah boleh enggan mengeluarkan lesen kenderaan motor dalam hal tertentu
18. Efek mengubah kenderaan ke atas lesen
19. Penyerahan balik lesen kenderaan motor
20. Memperagakan lesen kenderaan motor
21. Lesen pelawat
22. Lesen perdagangan kenderaan motor
23. Kesalahan lain berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor

*Pelbagai*

24. Mendapat kembali fi
25. Perakuan antarabangsa

*Pelesenan Pemandu Motor*

26. Lesen memandu
27. Permohonan bagi lesen memandu

27A. Daftar pemegang lesen memandu

Seksyen

28. Pengiktirafan lesen memandu negara lain

29. Ujian kekompetenan memandu

30. Peruntukan mengenai kesihatan jasmani pemohon bagi lesen memandu dan pemegangnya

31. Hilang kelayakan kerana kesalahan

32. Penggantungan lesen memandu apabila hilang kelayakan

33. Permohonan untuk menghapuskan hilang kelayakan

34. Pengendorsan pada lesen memandu

34A. Pengendorsan jika lesen memandu terkandung dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna

35. Kuasa Ketua Pengarah menggantung atau membatalkan lesen memandu

35A. Kuasa Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu percubaan

36. Kuasa untuk menggantung lesen memandu penagih dadah

37. Pemegang lesen boleh menunjukkan sebab mengapa lesen memandu tidak patut digantung atau dibatalkan

38. Pengendorsan penggantungan, pembatalan atau hilang kelayakan

*Memandu dan Kesalahan yang Berkaitan Dengannya*

39. Sekatan ke atas pemanduan oleh orang muda

40. Melebihi had laju

41. Menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan

42. Memandu secara melulu dan membahayakan

43. Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa

44. Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah

45. Keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah

45A. Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan

45B. Ujian nafas

45C. Pengadaan spesimen bagi analisis

Seksyen

45D. Perlindungan pesakit hospital

45E. Penahanan

45F. Keterangan dalam prosiding bagi kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan dan seksyen 45A

45G. Tafsiran seksyen 44 dan 45B hingga 45F

46. Memandu semasa menghidap penyakit atau ketidakdayaan

47. Menunggang di atas injak-injak dan menghalang pemandu

48. Galangan disebabkan kenderaan di jalan

49. Menunggang di belakang pemandu

50. Gangguan dan desakan yang menyalahi undang-undang

51. Mengambil kenderaan motor tanpa izin pemunya berdaftar

52. Kewajipan berhenti jika berlaku kemalangan

53. Kuasa memerintahkan kehadiran di mahkamah

53A. Notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera

53B. Kewajipan untuk mengemukakan nama dan alamat pemandu

53C. Kewajipan untuk tidak memberikan, menyiarkan atau mendedahkan maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera

54. Pemakaian kepada penunggang sikal kayuh dan basikal elektrik akan peruntukan berhubungan dengan kesalahan memandu yang tertentu

55. Kewajipan memberhentikan kenderaan apabila diminta

*Pelesenan Pemandu dan Konduktor Kenderaan Perkhidmatan Awam, Kenderaan Pekerja dan Kenderaan Barangan*

56. Lesen vokasional

57. Lesen vokasional bagi kenderaan barangan dan kenderaan pekerja

*Pelbagai*

58. Kewajipan mengemukakan lesen memandu dan perakuan insurans

58A. Pertukaran alamat

59. Kuasa menguji dan melarang penggunaan kenderaan

60. Kuasa menahan kenderaan untuk pemeriksaan

61. Kuasa memerintahkan pengemukaan kenderaan motor dan lesen

Seksyen

62. Kuasa memasuki dan menggeledah premis
63. Penimbangan kenderaan
64. Kuasa menyita kenderaan motor
65. Memindahkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan
66. Kaedah-kaedah

BAHAGIAN IIA

PEMERIKSAAN BERKALA KENDERAAN MOTOR

66A. Perakuan Pemeriksaan dikehendaki bagi kenderaan motor tertentu
66B. Kenderaan yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala
66C. Pengeluaran dan penolakan perakuan pemeriksaan
66D. Mempamerkan perakuan pemeriksaan
66DA. Pengiktirafan perakuan pemeriksaan negara lain
66E. Hanya orang yang dilesenkan boleh memeriksa
66F. Pengambilan kerja pemeriksa
66G. Kaedah-kaedah

BAHAGIAN IIB

KENDERAAN MOTOR ASING

66H. Permit masuk kenderaan motor asing
66I. Pengecualian
66J. Perkara yang belum selesai berhubung dengan motor kenderaan asing
66K. Tafsiran seksyen 66H, 66I dan 66J

BAHAGIAN III

JALAN

67. Tafsiran
68. Kod lebuh raya
69. Had laju
70. Kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu

Seksyen

71. Kuasa untuk mengehadkan kenderaan

72. Mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian

73. Perizaban tempat letak kereta bagi Perutusan Diplomatik

74. Tempat letak kereta bagi orang tidak upaya

75. Lintasan pejalan kaki

76. Kewajipan pejalan kaki mematuhi arahan lalu lintas

76A. Belok kiri dibenarkan

77. Mendirikan isyarat lalu lintas

78. Kuasa mengadakan sekatan jalan

79. Penalti kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas

80. Tali, dsb., melintangi jalan

81. Sekatan ke atas pertandingan dan ujian kelajuan

82. Pelucuthakan kenderaan yang digunakan dalam pertandingan atau ujian kelajuan

83. Kuasa mendirikan perlindungan, jalan bawah tanah dan titian

84. Kuasa mengalihkan struktur daripada jalan

85. Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan yang ada

85A. Pembinaan struktur bagi iklan, dsb.

86. Sekatan bagi kenderaan di atas jambatan

87. Peruntukan mengenai lalu lintas luar biasa

88. Kaedah-kaedah

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN TERHADAP RISIKO PIHAK KETIGA YANG TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN KENDERAAN MOTOR

89. Tafsiran

90. Pembawa kenderaan motor hendaklah diinsuranskan terhadap risiko pihak ketiga

91. Kehendak berkenaan dengan polisi

92. Pemberian penyata dan maklumat oleh penanggung insurans

93. Kehendak berkenaan dengan jaminan

94. Syarat tertentu dalam polisi atau jaminan tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa

Seksyen

95. Pengelakan pengehadan ke atas bidang polisi risiko pihak ketiga
96. Kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga
97. Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans
98. Kewajipan untuk memberi maklumat yang perlu kepada pihak ketiga
99. Penyelesaian di antara penanggung insurans dan orang yang mengambil insurans
100. Kebankrapan, dll., tidak menjejaskan tuntutan pihak ketiga
101. Hak lanjut pihak ketiga terhadap penanggung insurans
102. Penyerahan balik perakuan disebabkan pembatalan polisi
103. Pengemukaan perakuan
104. Penanggung insurans hendaklah diberitahu mengenai apa-apa kejadian
105. Deposit
106. Pemakaian Bahagian ini kepada jaminan
107. Kaedah-kaedah

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PELBAGAI PERUNTUKAN

108. Pernyataan palsu
109. Liabiliti pemunya berdaftar dan lain-lain
110. Penalti kerana galangan dan gangguan
110A. (*Dipotong*)
111. Bersubahat melakukan kesalahan
112. Kuasa bagi penangkapan, pemberhentian dan penahanan
113. Kuasa polis dalam penyiasatan
114. Kuasa pegawai pengangkutan jalan dalam penyiasatan
115. Kewajipan memberi maklumat dan penggunaan pernyataan sebagai keterangan
115A. Kewajipan untuk memberikan maklumat dan kuasa memerintahkan kehadiran di mahkamah
116. (*Dipotong*)
116A. Bidang kuasa mahkamah Majistret Kelas Satu

Seksyen

117. Peruntukan mengenai keterangan

117A. Keterangan dan rekod sabitan dahulu

118. Penyampaian notis

119. Kesalahan am dan penalti

119A. Kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

119B. Kuasa Pengarah untuk menolak atau menggantung urusan atau transaksi

120. Kuasa untuk mengkompaun

121. Akuan bersalah melalui surat dan kompaun tidak menjejaskan peruntukan polisi insurans

122. Ketua Pengarah hendaklah diberitahu mengenai sabitan dan kompaun

123. Pegawai tidak berpakaian seragam hendaklah mengemukakan kad pengenalan

124. Pembayaran fi lesen

124A. Perisytiharan badan awam

125. Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk menjalankan fungsi Pengarah

126. Kuasa Menteri untuk memberi kuasa atau memberi lesen

126A. Pembatalan

127. Kaedah-kaedah

127A. Kuasa Menteri untuk meminda jadual

128. Pemansuhan, peralihan dan kecualian

129. Kuasa Menteri untuk membuat peruntukan peralihan tambahan, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 333

## AKTA PENGANGKUTAN 1987

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas di jalan-jalan dan perkara lain yang berkenaan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya; bagi membuat peruntukan mengenai perlindungan pihak ketiga terhadap risiko yang berbangkit daripada penggunaan kenderaan-kenderaan motor; bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan bagi pengangkutan; bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan bagi pembinaan dan penyesuaian kenderaan-kenderaan motor; dan bagi membuat peruntukan mengenai maksud yang berkaitan.

[*1 Januari 1988, P.U. (B) 694/1987*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

**Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya Bahagian dan peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

(3) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"alat tanah" ertinya apa-apa alat atau jentera yang digunakan bersama dengan traktor tanah berkaitan dengan maksud di mana traktor tanah boleh digunakan di bawah Akta ini;

"anggota Angkatan" ertinya—

*(a)* seorang anggota Angkatan Tentera;

*(b)* seorang pegawai polis;

*(c)* seorang anggota angkatan pelawat dalam erti mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa bagi mengawal selia angkatan pelawat yang berada dengan sah di sisi undang-undang di Malaysia;

"badan awam" ertinya suatu badan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai suatu badan awam;

"barangan" ertinya apa-apa benda, termasuk ternakan, yang dibawa atas atau di dalam suatu kenderaan motor bagi maksud apa-apa perdagangan atau perniagaan tetapi tidak termasuk—

*(a)* kelengkapan yang biasanya digunakan dengan kenderaan itu;

*(b)* barang-barang dagangan yang dibawa oleh seseorang di atas atau di dalam kenderaan itu semata-mata bagi maksud dipertunjukkan sebagai sampel;

*(c)* barang-barang yang dibawa oleh seseorang di atas atau di dalam kenderaan itu untuk digunakan dalam menjalankan

perdagangan, perniagaan atau profesionnya dan bukan untuk jualan;

"basikal elektrik" ertinya sikal dengan bantuan kayuh yang dilengkapi dengan motor elektrik sokongan yang mempunyai kuasa berkadar berterusan yang maksimum 0.25 kW, dengan outputnya berkurangan secara beransur-ansur dan akhirnya terhenti apabila kenderaan mencapai kelajuan 25 km/j atau sebelumnya jika penunggang sikal berhenti mengayuh;

"berat tanpa muatan" ertinya berat sesuatu kenderaan termasuk badan dan semua bahagian (yang lebih berat diambil kira jika badan atau bahagian alternatif digunakan) yang perlu bagi, atau biasanya digunakan dengan, kenderaan itu apabila digunakan di atas suatu jalan tetapi tidak termasuk perkakas curai;

"beroda", berhubungan dengan sesuatu kenderaan motor atau treler, ertinya keseluruhan berat kenderaan itu dipindahkan ke jalan dengan menggunakan roda;

"berunut", berhubungan dengan sesuatu kenderaan, ertinya kenderaan itu direka bentuk dan dibina sedemikian supaya beratnya dipindahkan ke permukaan jalan sama ada dengan cara runut berterusan atau dengan gabungan roda dan runut berterusan;

"binatang" ertinya mana-mana kuda, kuda kecil, baghal, keldai, kerbau, lembu, kambing biri-biri, babi, kambing atau anjing;

"Dato Bandar" ertinya Dato Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*] dibaca bersama seksyen 4 Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1971 [*Akta 59*] dan termasuklah mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi kuasa secara bertulis oleh Dato Bandar untuk menjalankan kuasa yang diberi, atau untuk melaksanakan tugas yang dikenakan kepada Dato Bandar oleh Akta ini;

"had berat maksimum dengan muatan yang dibenarkan" ertinya berat seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai berat dengan muatan yang sesuai bagi sesuatu kenderaan tertentu yang menggunakan jalan;

"hari ditetapkan" ertinya hari yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1 bagi mula berkuat kuasanya mana-mana Bahagian atau peruntukan Akta ini;

"imej yang dirakamkan" ertinya mana-mana tampak (sama ada pegun atau bergerak) yang dirakamkan, diungkapkan, digambarkan atau tidak kira bagaimana jua sekali pun dilambangkan, termasuk apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalamnya;

"isyarat lalu lintas" termasuklah segala isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau menunjukkan arahan kepada orang yang menggunakan jalan;

"Jabatan Pengangkutan Jalan" ertinya Jabatan yang ditadbirkan oleh Ketua Pengarah;

"jalan" ertinya—

*(a)* mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya;

*(b)* bagi maksud seksyen 70 dan 85, adalah juga termasuk sesuatu jalan yang sedang dalam pembinaan; dan

*(c)* bagi maksud seksyen 41, 42, 43, 44, 45 dan 45A, termasuk juga tempat letak kereta;

"kebankrapan" termasuklah ketidaksolvenan yang akibatnya suatu perintah mentadbirkan pemakan gaji telah dibuat di bawah undang-undang yang berhubungan dengan kebankrapan;

"kegunaan" ertinya kegunaan di atas mana-mana jalan;

"kemalangan" ertinya suatu kemalangan atau kejadian di mana kerosakan atau kecederaan dilakukan terhadap mana-mana orang, harta, kenderaan, struktur atau binatang;

"kenderaan" ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

"kenderaan barangan" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan tersebut dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*];

"kenderaan motor elektrik" ertinya kenderaan motor yang dipacu oleh sumber elektrik dan tidak termasuk basikal elektrik;

"kenderaan motor" ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler;

"kenderaan perdagangan" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan tersebut dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987;

"kenderaan perkhidmatan awam" hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;

"kesalahan berjadual" ertinya suatu kesalahan yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama;

"kesalahan yang dirakamkan melalui kamera" ertinya suatu kesalahan yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua;

"Ketua Pegawai Polis" ertinya mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara untuk mengawal Polis Di Raja Malaysia berkenaan dengan mana-mana kawasan atau negeri di

bawah seksyen 6 Akta Polis 1967 [*Akta 344*] dan dinamakan sedemikian oleh Ketua Polis Negara;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan yang dilantik di bawah seksyen 3;

"konduktor" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 56 untuk bertindak sebagai konduktor bagi sesuatu kenderaan perkhidmatan awam;

"lalu lintas" termasuklah basikal, basikal elektrik, trisikal, kenderaan motor, kereta trem, kenderaan daripada setiap jenis, pejalan kaki, perarakan, kumpulan polis atau tentera dan segala binatang yang ditunggang, digembala atau diheret;

"lapangan terbang" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*];

"Lembaga Lebuhraya" ertinya pertubuhan yang diperbadankan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [*Akta 231*];

"lesen belajar memandu" ertinya lesen memandu yang diberikan kepada mana-mana orang untuk belajar memandu dari segi teori dan amali dan kemudiannya diuji mengikut ujian kekompetenan yang ditetapkan;

"lesen memandu" ertinya lesen untuk memandu kenderaan-kenderaan motor yang diberi atau disifatkan sebagai diberi di bawah Bahagian II dan termasuklah lesen belajar memandu dan lesen memandu percubaan yang diberi di bawah seksyen 29;

"lesen memandu percubaan" ertinya lesen bagi suatu tempoh percubaan selama dua tahun yang diberikan kepada mana-mana orang yang telah lulus ujian kekompetenan yang ditetapkan;

"lesen vokasional" ertinya lesen untuk memandu atau bertindak sebagai konduktor bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan;

"meletak kereta" ertinya membawa suatu kenderaan motor ke keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkannya menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barangan atau bagasi;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

“mesin penimbang” termasuklah mesin penimbang mudah alih, mesin penimbang statik dan sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer;

“pegawai pengangkutan jalan” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik menjadi pegawai pengangkutan jalan di bawah seksyen 3;

“pegawai polis” termasuklah seorang pegawai polis tambahan, pegawai polis simpanan sukarela atau pegawai polis pembantu yang dilantik di bawah Akta Polis 1967;

“pemandu” ertinya orang yang pada masa itu sedang memandu sesuatu kenderaan motor dan, dalam hal sesuatu kenderaan motor yang tidak bergerak, termasuklah orang yang pada masa itu bertanggungjawab bagi memandu kenderaan motor itu;

“pembawaan barangan” termasuklah penghelaan barangan;

“pemunya”—

*(a)* berhubungan dengan sesuatu kenderaan motor yang didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini, ertinya pemunya berdaftar kenderaan tersebut; dan

*(b)* berhubungan dengan apa-apa kenderaan motor yang lain, ertinya orang yang memiliki atau sedang mengguna atau yang berhak mengguna kenderaan motor itu;

“pemunya berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya kenderaan motor di bawah perenggan 11(1)*(b)*;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“Pengarah” ertinya Pengarah bagi Pengangkutan Jalan yang dilantik di bawah seksyen 3;

"penumpang"—

*(a)* berhubungan dengan seseorang yang dibawa dengan sesuatu kenderaan perkhidmatan awam, tidak termasuk pemandu atau konduktor atau mana-mana pemeriksa tiket yang berada di atas kenderaan itu dalam menjalankan tugasnya;

*(b)* berhubungan dengan orang yang dibawa dengan kenderaan barangan tidak termasuk pemandu atau mana-mana kelindan yang dikehendaki oleh undang-undang supaya dibawa dengan kenderaan tersebut; dan

*(c)* berhubungan dengan sesuatu kereta persendirian, tidak termasuk pemandu;

"perakuan insurans" termasuklah nota perlindungan;

"perakuan pendaftaran" termasuklah buku pendaftaran;

"Perbadanan Putrajaya" ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;

"Pesuruhjaya Polis" ertinya Pesuruhjaya yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Polis 1967;

"Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat" ertinya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 714*];

"Presiden" ertinya Presiden Perbadanan Putrajaya yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

"syarikat" termasuklah mana-mana syarikat sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, mana-mana perbadanan yang diperbadankan menurut undang-undang, dan mana-mana firma atau perkongsian;

"tempat letak kereta" ertinya suatu tempat yang diasingkan sebagai tempat di mana kenderaan motor atau mana-mana kelas atau perihalan kenderaan motor yang dinyatakan diletak;

"Timbalan Ketua Pengarah" ertinya Timbalan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan yang dilantik di bawah seksyen 3;

"Timbalan Pengarah" ertinya Timbalan Pengarah bagi Pengangkutan Jalan yang dilantik di bawah seksyen 3;

"treler" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam subseksyen 5(1);

"traktor tanah" ertinya suatu traktor motor yang direka bentuk dan digunakan terutamanya bagi mengusahakan tanah berkaitan dengan pertanian, penanaman atau perhutanan, meratakan tanah, pengaliran, mengorek atau kerja-kerja yang seumpamanya, yang dipandu di atas jalan hanya apabila berulang-alik dari dan ke tempat kerja dan apabila dipandu sedemikian tidak menarik apa-apa selain alat tanah;

"warden lalu lintas" ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai warden lalu lintas oleh Dato Bandar atau Perbadanan Putrajaya di bawah seksyen 3.

**Pelantikan**

**3.** (1) Seorang Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan beberapa orang sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, Timbalan Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan pegawai pengangkutan jalan yang lain hendaklah dilantik sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan dan arahan am bagi segala perkara berhubungan dengan pengangkutan jalan di seluruh Malaysia.

(3) Ketua Pengarah boleh menetapkan pakaian seragam bagi pegawai pengangkutan jalan.

(4) Dato Bandar boleh melantik beberapa orang dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur sebagaimana difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini untuk menjadi warden lalu lintas dan boleh, setelah berunding dengan Ketua Polis Negara, menetapkan pakaian seragam bagi pegawai tersebut.

(4A) Perbadanan Putrajaya boleh melantik apa-apa bilangan orang dalam perkhidmatan Perbadanan Putrajaya sebagaimana difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini untuk menjadi warden lalu lintas dan boleh, setelah berunding dengan Ketua Polis Negara, menetapkan pakaian seragam bagi pegawai tersebut.

(5) Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan tugas dan menjalankan hak dan kuasa yang dipertanggungkan dan diberikan kepadanya oleh Akta ini.

(6) Ketua Pengarah, semua pegawai pengangkutan jalan, dan semua warden lalu lintas yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Bab X Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(7) Ketua Pengarah hendaklah mempertugaskan seorang Pengarah bagi tiap-tiap kawasan pendaftaran atau tiap-tiap bahagian Jabatan Pengangkutan Jalan.

(8) Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan seseorang pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang tersebut telah dilantik sedemikian.

(9) Mana-mana pegawai yang dilantik di bawah mana-mana Ordinan yang dimansuhkan oleh Akta ini dan memegang jawatan pada tarikh sebelum hari ditetapkan, hendaklah terus memegang jawatan itu dan hendaklah disifatkan sebagai pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah seksyen ini.

**Pemberikuasaan kepada Datuk Bandar dan pegawai Majlis Bandaraya**

**3A.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, apabila dibuat permohonan oleh Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya, memberi kuasa Datuk Bandar dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Akta ini

ke atas Dato Bandar atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengehadkan kuasa yang akan diberikan kepada dan tugas yang akan dilaksanakan oleh Datuk Bandar dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu.

(3) Apabila dibuat pemberikuasaan di bawah subseksyen (1), Datuk Bandar dan pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu boleh menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Akta ini ke atas Dato Bandar atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah—

*(a)* sebutan mengenai "Dato Bandar" ialah sebutan mengenai Datuk Bandar Majlis Bandaraya itu;

*(b)* sebutan mengenai "pegawai dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur" dan "orang dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur" ialah sebutan mengenai pegawai atau orang dalam perkhidmatan Majlis Bandaraya itu masing-masingnya;

*(c)* sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" ialah sebutan mengenai Bandaraya itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

"Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya" termasuklah Datuk Bandar sesuatu Bandaraya dan "Datuk Bandar" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Majlis Bandaraya" termasuk Majlis sesuatu Bandaraya dan sesuatu Bandaraya.

**Kuasa Dato Bandar dan warden lalu lintas**

**4.** Kuasa Dato Bandar atau Perbadanan Putrajaya dan warden lalu lintas di bawah Akta ini tidak boleh dijalankan di luar, atau

berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Kuasa pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan**

**4A.** Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan hendaklah menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini di atas mana-mana jalan.

**Kuasa Menteri untuk melantik pegawai lain**

**4B.** Menteri boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini untuk menjalankan kuasa pegawai pengangkutan jalan.

## BAHAGIAN II

## PENGELASAN, PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN-KENDERAAN MOTOR DAN PEMANDU

### *Pengelasan Kenderaan-Kenderaan Motor*

**Pengelasan kenderaan-kenderaan motor**

**5.** (1) Bagi maksud Akta ini, kenderaan-kenderaan motor hendaklah dibahagikan kepada kelas yang berikut:

*(a)* kenderaan-kenderaan orang cacat; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang berat tanpa muatannya tidak melebihi tiga ribu lima ratus kilogram, yang direka bentuk dan dibina khas atau disuaikan, bagi kegunaan seseorang yang mengalami kecacatan atau ketidakdayaan jasmani dan semata-mata digunakan oleh orang itu;

*(b)* motosikal; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang mempunyai kurang daripada empat roda, dan yang berat

tanpa muatannya tidak melebihi empat ratus lima puluh kilogram;

*(c)* traktor berat; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang tidak dibina untuk membawa apa-apa muatan (selain air, bahan api, akumulator dan kelengkapan dan bahan lain yang digunakan bagi maksud rejanan, perkakas curai dan kelengkapan curai), yang berat tanpa muatannya melebihi lima ribu kilogram;

*(d)* traktor ringan; iaitu, kenderaan-kenderaan motor, yang berat tanpa muatannya tidak melebihi lima ribu kilogram dan jika sebaliknya, tergolong di dalam takrif "traktor berat";

*(e)* motokar berat; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang dibina untuk membawa muatan atau penumpang dan yang berat tanpa muatannya tidak melebihi tiga ribu lima ratus kilogram;

*(f)* motokar; iaitu, kenderaan-kenderaan motor (tidak tergolong di dalam takrif "motosikal"), yang dibina untuk membawa muatan atau penumpang dan yang berat tanpa muatannya tidak melebihi tiga ribu lima ratus kilogram;

*(g)* jentera bergerak berat; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang direka bentuk sebagai mesin lengkap terkandung sendiri, didorongkan dengan cara mekanisme yang terkandung di dalam badannya sendiri dan yang berat tanpa muatannya melebihi lima ribu kilogram dan boleh digunakan di atas jalan;

*(h)* jentera bergerak ringan; iaitu, kenderaan-kenderaan motor, yang berat tanpa muatannya tidak melebihi lima ribu kilogram dan jika sebaliknya, tergolong di dalam takrif, "jentera bergerak berat";

*(i)* kenderaan-kenderaan yang dikawal oleh pejalan kaki; iaitu, kenderaan-kenderaan motor yang dibina bagi maksud membawa muatan atau penumpang dan dikawal oleh seseorang yang tidak duduk atau naik di atas kenderaan tersebut;

*(j)* kenderaan-kenderaan troli; iaitu, kenderaan-kenderaan yang mendapat kuasanya daripada kabel atau rel atas dan mempunyai sambungan dengan sumber kuasa tersebut secara takal atau peranti yang lain;

*(k)* treler; iaitu, kenderaan-kenderaan selain alat-alat tanah yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor, sama ada atau tidak sebahagian daripada treler itu diletakkan di atas kenderaan yang menariknya.

(2) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi memecah bahagikan mana-mana kelas yang dinyatakan dalam subseksyen (1), sama ada mengikut berat, pembinaan, jenis tayar, kegunaan atau selainnya dan membuat peruntukan yang berlainan berkenaan dengan tiap-tiap satu pecah bahagian dan mengubah berkenaan dengan mana-mana kelas berat maksimum atau minimum yang ditentukan oleh seksyen ini.

(3) Apa-apa rujukan di dalam Bahagian ini kepada sesuatu kelas kenderaan motor hendaklah termasuk rujukan kepada mana-mana pecah bahagian kelas itu.

(4) Bagi maksud Bahagian ini, sesuatu kereta samping yang dipasangkan kepada motosikal hendaklah, jika ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, dianggap menjadi sebahagian daripada kenderaan di mana ia dipasang dan bukan sebagai suatu treler.

**Larangan bagi kenderaan motor yang tidak mematuhi kaedah-kaedah**

**6.** (1) Adalah tidak sah di sisi undang-undang untuk mengguna sesuatu kenderaan motor yang tidak mematuhi kaedah-kaedah mengenai pembinaan, berat, kelengkapan, kegunaan dan usia yang terpakai kepada kelas atau perihalan kenderaan motor dalam mana kenderaan motor tersebut tergolong:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, melalui pemberitahuan di dalam *Warta*, membenarkan (tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu) penggunaan kenderaan motor khas, atau kenderaan motor jenis khas, yang dibina sama ada bagi maksud khas atau bagi maksud dugaan

atau percubaan dan kenderaan motor jenis baru atau jenis yang diperbaiki, sama ada beroda atau tidak beroda.

(2) Menteri boleh membatal, mengubah atau meminda apa-apa pemberitahuan yang dibuat di bawah seksyen ini.

(3) Tertakluk kepada seksyen ini, tidak sah di sisi undang-undang untuk menjual atau membekalkan, atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan, sesuatu kenderaan motor untuk dihantar dalam apa-apa keadaan yang menyebabkan penggunaannya dalam keadaan sedemikian menjadi tidak sah di sisi undang-undang menurut seksyen ini.

(4) Tertakluk kepada seksyen ini, adalah tidak sah di sisi undang-undang untuk mengubah sesuatu kenderaan motor hingga menjadikan sebegitu keadaannya yang mana penggunaannya dalam keadaan tersebut menjadi tidak sah di sisi undang-undang menurut seksyen ini.

(5) Jika sesuatu kenderaan motor telah digunakan, dijualkan atau dibekalkan atau ditawarkan untuk jualan atau diubahkan dengan melanggar seksyen ini, mana-mana orang yang menggunakan kenderaan motor itu atau menyebabkan atau membenarkannya digunakan sedemikian dan mana-mana orang yang menjualkan atau membekalkan atau menawarkan untuk jualan sedemikian atau mengubah kenderaan motor tersebut atau menyebabkan atau membenarkannya dijualkan, dibekalkan untuk jualan atau diubahkan, melakukan suatu kesalahan:

Dengan syarat bahawa seseorang tidak boleh disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah subseksyen ini berkenaan dengan penjualan, pembekalan, penawaran untuk jualan atau pengubahan sesuatu kenderaan motor jika dibuktikannya bahawa kenderaan motor itu telah dijualkan, dibekalkan, ditawarkan untuk jualan atau diubahkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk dieksport dari Malaysia atau bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan motor itu tidak akan digunakan di Malaysia atau tidak akan digunakan sedemikian sehingga kenderaan itu telah dibaiki keadaannya di mana ia boleh digunakan sedemikian dengan tidak menyalahi undang-undang dan bahawa menjadi satu syarat bagi penjualan, pembekalan, penawaran untuk jualan atau pengubahan itu bahawa kenderaan motor itu tidak

akan digunakan sedemikian sehingga ia telah dibaiki keadaannya sehingga boleh digunakan sedemikian dengan tidak menyalahi undang-undang di bawah seksyen ini.

*Pendaftaran kenderaan motor*

**Pendaftaran kenderaan motor dan pemunya**

**7.** (1) Tiada seorang pun boleh memiliki atau mengguna sesuatu kenderaan motor melainkan kenderaan itu telah didaftarkan mengikut Bahagian ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai dalam hal—

*(a)* sesuatu kenderaan motor yang tidak berdaftar yang dipunyai oleh dan di dalam milikan seseorang peniaga bagi maksud jualan;

*(b)* sesuatu kenderaan motor yang digunakan dengan sah di sisi undang-undang menurut kuasa sesuatu lesen perdagangan kenderaan motor yang diberi kepada pembuat atau pembaiki atau peniaga kenderaan motor di bawah seksyen 22;

*(c)* sesuatu kenderaan motor yang dipandu ke suatu tempat atau dari sesuatu tempat yang dinyatakan oleh pegawai pengangkutan jalan bagi maksud pemeriksaan atau ujian, atau semasa diuji oleh seorang pegawai pengangkutan jalan, atau semasa dipandu ke suatu tempat atau dari sesuatu tempat yang dinyatakan oleh pegawai pengangkutan jalan bagi maksud pendaftaran, dan semasa dipandu atau diuji sedemikian membawa suatu tanda pengenalan mengikut Akta ini;

*(d)* sesuatu kenderaan motor yang dengan sah di sisi undang-undang dibawa masuk ke dalam Malaysia mengikut seksyen 21 atau dengan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 25;

*(e)* sesuatu kenderaan motor yang didaftarkan di mana-mana negara asing, yang menurut kuasa mana-mana perjanjian antarabangsa dibenarkan untuk dikendalikan di Malaysia

di bawah suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

**Penyimpanan daftar**

**8.** Tiap-tiap Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi segala kenderaan motor yang didaftarkan di bawah Akta ini dalam kawasan pendaftaran yang mana dia menjadi Pengarah. Daftar itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat, perincian dan butir-butir sebagaimana diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah.

**Penyimpanan akaun oleh pendaftar berlesen**

**9.** Tiap-tiap Pengarah yang ditugaskan bagi sesuatu kawasan pendaftaran hendaklah menyimpan apa-apa akaun dan membuat apa-apa penyata berhubungan dengan jumlah wang yang kena dibayar kepadanya di bawah Akta ini, dan apa-apa penyata kewangan dan perangkaan mengikut apa-apa bentuk dan pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.

**Permohonan untuk pendaftaran**

**10.** (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendaftarkan sesuatu kenderaan motor hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran, dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang pada masa itu berhak memiliki kenderaan motor itu.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1), mana-mana orang yang memuaskan hati Pengarah bahawa dia telah benarkan secara bertulis bagi maksud itu oleh seseorang yang tidak berada dalam Malaysia, boleh membuat permohonan bagi pihak orang itu untuk mendaftarkan sesuatu kenderaan motor, dan dalam

mana-mana hal sedemikian permohonan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah ditandatangani dan dibuat oleh orang itu.

(3) Tiada suatu pun kenderaan motor boleh didaftarkan kecuali—

*(a)* kenderaan itu mempunyai nombor enjin dan casis yang terang, jelas dan tidak terusik; dan

*(b)* fi yang ditetapkan telah dibayar:

Dengan syarat bahawa perenggan *(a)* tidak terpakai bagi kenderaan motor elektrik yang tidak ada nombor enjin.

(4) Tiada kenderaan motor boleh didaftarkan jika ia tidak mematuhi Akta ini mengenai pembinaan, berat, kelengkapan, kegunaan dan usia melainkan kenderaan motor itu telah dikecualikan daripada pematuhan sedemikian di bawah kuasa yang diberi oleh Akta ini.

(5) Suatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu kenderaan motor yang menjadi harta Kerajaan atau suatu badan awam hendaklah menetapkan, dengan rujukan kepada jawatannya, seorang pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan atau badan awam, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam jagaan siapa kenderaan motor itu berada dan orang yang pada masa itu memegang jawatan itu hendaklah, bagi maksud apa-apa kesalahan, disifatkan sebagai pemunya berdaftar kenderaan motor itu.

(6) Tiada seorang pun pegawai boleh disifatkan, semata-mata oleh sebab subseksyen (5), sebagai melakukan suatu kesalahan yang dilakukan sebelum tarikh dia memegang jawatan itu.

**Nombor pendaftaran**

**11.** (1) Apabila sesuatu kenderaan motor didaftarkan, seseorang Pengarah hendaklah—

*(a)* menguntukkan bagi kenderaan motor itu tanda indeks yang ditetapkan bagi menunjukkan kawasan pendaftaran di mana kenderaan itu didaftarkan atau status pemunya kenderaan motor itu dan suatu nombor berasingan (di dalam Akta ini tanda dan nombor itu disebut sekali

sebagai nombor "pendaftaran"), dan nombor pendaftaran itu hendaklah terus menjadi nombor pendaftaran bagi kenderaan motor itu sehingga kenderaan itu dicuraikan, dibinasakan atau dihantar keluar dari Malaysia untuk selama-lamanya dan nombor pendaftaran itu tidak boleh diuntukkan kepada mana-mana kenderaan motor yang lain:

Dengan syarat selalunya bahawa seseorang yang telah didaftar sebagai pemunya sesuatu kenderaan boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditetapkan, dan dengan membayar fi yang ditetapkan, mendapatkan nombor yang diuntukkan kepada kenderaan motor tersebut diuntukkan kepada kenderaan motor yang lain yang dia memohon untuk menjadi pemunya berdaftar dan yang sebelum itu belum pernah didaftarkan, dan Pengarah hendaklah sesudah itu menguntukkan suatu nombor pendaftaran yang baru kepada kenderaan motor yang pertama disebut tadi dan membuat segala pindaan yang perlu dan berbangkit kepada daftar dan perakuan pendaftaran;

*(b)* mendaftarkan orang yang membuat permohonan untuk pendaftaran itu sebagai pemunya kenderaan motor itu; dan

*(c)* mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan pendaftaran mengikut bentuk yang ditetapkan.

(1A) Walau apa pun perenggan (1)*(a)*, Pengarah boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan, menguntukkan semula kepada pemunya berdaftar nombor pendaftaran mana-mana kenderaan motor yang telah dilaporkan hilang, dicuri, rosak, binasa, atau dihantar keluar dari Malaysia untuk selama-lamanya:

Dengan syarat bahawa nombor pendaftaran itu hendaklah diuntukkan semula kepada kenderaan yang belum pernah didaftarkan.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1)*(a)*, Pengarah boleh menukar nombor pendaftaran mana-mana kenderaan motor berdaftar yang berkenaan dengannya fi di bawah Akta ini tidak kena dibayar

(tidak termasuk kenderaan motor yang dipunyai oleh Kerajaan) dan boleh menguntukkan nombor pendaftaran kenderaan motor itu kepada mana-mana kenderaan motor yang lain.

(3) Jika dua atau lebih orang mempunyai atau menuntut milikan dan kegunaan sesuatu kenderaan motor, Pengarah hendaklah mendaftarkan sebagai pemunya kenderaan motor—

*(a)* salah seorang daripada mereka sebagaimana dinamakan oleh mereka mengikut cara yang ditetapkan bagi maksud pendaftaran tersebut; atau

*(b)* jika berlaku apa-apa pertikaian di antara mereka, salah seorang daripada mereka yang dipilih oleh Pengarah bagi maksud itu, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu.

(4) Dalam mana-mana hal yang disebut dalam perenggan (3)*(a)*, Pengarah boleh juga mencatatkan dalam daftar dan perakuan pendaftaran nama-nama pihak menuntut yang lain tentang pemunyaan kenderaan motor itu, tetapi tiada apa-apa catatan nama mana-mana pihak menuntut itu boleh disifatkan sebagai menjejaskan apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh orang yang didaftarkan sebagai pemunya di bawah Akta ini, atau meletakhakkan pada pihak menuntut apa-apa hak atau kuasa yang diberi oleh Akta ini kepada pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor.

(5) Keputusan Pengarah di bawah perenggan (3)*(b)* adalah muktamad dan konklusif bagi maksud Akta ini, tetapi tidak boleh disifatkan sebagai menjejaskan atau menyentuh dengan apa-apa cara hak mana-mana pihak menuntut yang lain terhadap pemunyaan kenderaan motor itu untuk menyebabkan haknya ditentukan oleh Mahkamah, dan Pengarah hendaklah meminda daftar itu mengikut apa-apa perintah terakhir yang dibuat oleh mahkamah itu.

**Pemeriksaan kenderaan motor dan pemberian maklumat kepada Ketua Pengarah**

**12.** (1) Ketua Pengarah atau seseorang Pengarah boleh pada bila-bila masa sebelum pendaftaran sesuatu kenderaan motor menghendaki supaya kenderaan motor itu dibawa ke mana-mana tempat yang

sesuai yang dinyatakan olehnya dan diperiksa dan, jika perlu, ditimbang dan diukur dan selepas didaftarkan boleh pada bila-bila masa menghendaki supaya kenderaan motor itu dibawa seperti yang tersebut dahulu jika dia mempunyai sebab bagi mempercayai—

*(a)* bahawa kenderaan motor itu tidak mematuhi kehendak Akta ini;

*(b)* bahawa apa-apa maklumat yang diberi kepadanya berkenaan dengan kenderaan motor itu palsu, tidak betul atau mengelirukan;

*(c)* bahawa kenderaan motor itu tidak berada dalam keadaan boleh guna; atau

*(d)* bahawa berat, dimensi, ciri-ciri, pembinaan, warna, butir-butir pengenalan atau tempat duduk telah diubah selepas pendaftarannya.

(2) Pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran secara bertulis akan apa-apa hal keadaan atau kejadian yang menyentuh ketepatan apa-apa catatan dalam daftar berhubungan dengan kenderaan motor, dan hendaklah pada masa yang sama menyampaikan atau menyerahkan kepada Pengarah akan perakuan pendaftaran yang berhubungan dengan kenderaan motor itu.

(2A) Pemunya berdaftar hendaklah, dalam hal pertukaran casis sesuatu kenderaan motor, mendapatkan kelulusan terdahulu Ketua Pengarah sebelum pertukaran itu.

(3) Pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor hendaklah, apabila dikehendaki oleh Pengarah berbuat demikian—

*(a)* dengan serta-merta memberikan kepada Pengarah segala maklumat yang diperlukan bagi maksud menentusahkan catatan berhubungan dengan kenderaan motor itu di dalam daftar; dan

*(b)* dengan serta-merta mengemukakan atau menyerahkan kepada Pengarah akan perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor itu.

(4) Selepas sesuatu kenderaan motor diperiksa, ditimbang atau diukur di bawah subseksyen (1), atau setelah menerima apa-apa maklumat atau bukti yang diberi berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor di bawah subseksyen (2) atau (3), Pengarah boleh membuat apa-apa pindaan di dalam daftar dan perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor itu sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan hendaklah mengembalikan perakuan pendaftaran itu kepada pemunya berdaftar.

(5) Mana-mana orang yang tanpa sebab munasabah gagal mematuhi apa-apa kehendak Ketua Pengarah atau seseorang Pengarah di bawah subseksyen (1) atau di bawah subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

**Tatacara mengenai pertukaran milikan kenderaan motor**

**13.** (1) Apabila sesuatu kenderaan motor ditukar milikan secara pindah milik secara sukarela yang dibuat oleh pemunya berdaftar—

*(a)* pemunya berdaftar hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pertukaran milikan itu, mengemukakan kepada Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran, suatu penyata dalam borang yang ditetapkan, dan hendaklah menyerahkan kepada pemilik baru atau pemunya baru perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor itu dan, melainkan jika dia menyerahkan balik lesen di bawah seksyen 19, lesen tersebut;

*(b)* pemilik baru atau pemunya baru hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pertukaran milikan itu, mengemukakan kepada Pengarah itu suatu penyata dalam borang yang ditetapkan bersama dengan perakuan pendaftaran dan fi yang ditetapkan; dan

*(c)* kenderaan motor itu tidak boleh digunakan selama lebih dari tujuh hari selepas pertukaran milikan itu melainkan pemilik baru atau pemunya baru itu didaftarkan sebagai pemunyanya dan, jika lesen telah diserahkan balik oleh pemunya berdaftar, kenderaan itu tidak boleh digunakan sehingga pemilik baru atau pemunya baru itu telah mengambil suatu lesen yang baru:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai dalam hal di mana pertukaran milikan itu adalah berikutan daripada suatu kontrak penyewaan dan tempoh penyewaan itu tidak melebihi sebulan.

(2) Apabila sesuatu kenderaan motor ditukar milikan selain pindah milik secara sukarela yang dibuat oleh pemunya berdaftar—

*(a)* pemunya berdaftar kenderaan motor itu hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pertukaran milikan itu, menyerahkan perakuan pendaftaran yang berhubungan dengan kenderaan motor itu kepada orang dalam milikan siapa kenderaan itu telah berpindah, dan hendaklah secara bertulis memberitahu Pengarah bagi sesuatu kawasan pendaftaran akan pertukaran milikan itu;

*(b)* jika perakuan pendaftaran itu diserahkan demikian, orang yang dalam milikannya kenderaan motor itu telah berpindah hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pertukaran milikan itu, mengemukakan kepada Pengarah akan perakuan pendaftaran yang berhubungan dengan kenderaan motor itu dan hendaklah memohon kepada Pengarah tersebut untuk didaftarkan sebagai pemunya baru yang menggantikan pemunya berdaftar itu;

*(c)* jika seseorang Pengarah berpuas hati bahawa perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor itu belum diserahkan di bawah perenggan *(a)* kepada orang yang dalam milikannya kenderaan motor itu telah berpindah, dan orang tersebut adalah berhak memiliki kenderaan motor itu, Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat oleh orang tersebut dan setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada orang itu suatu salinan pendua perakuan pendaftaran itu; dan

*(d)* orang yang dalam milikannya sesuatu kenderaan motor itu telah berpindah hendaklah, setelah membuat permohonan yang ditetapkan dan setelah dibayar fi yang ditetapkan dan juga setelah mengemukakan kepada Pengarah akan perakuan pendaftaran atau salinan penduanya, berhak supaya didaftarkan sebagai pemunya baru bagi kenderaan motor itu.

(3) Apabila seseorang pemunya baru bagi sesuatu kenderaan motor didaftarkan, Pengarah hendaklah membuat perubahan yang perlu dalam daftar dan perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor itu, dan hendaklah menyerahkan perakuan pendaftaran yang telah diubah itu kepada pemunya barunya:

Dengan syarat bahawa Pengarah boleh, jika difikirkannya suai manfaat untuk berbuat demikian, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran baru sebagai ganti perakuan pendaftaran yang telah diubah itu.

**Memperagakan nombor pendaftaran**

**14.** (1) Nombor pendaftaran yang diuntukkan bagi sesuatu kenderaan motor apabila didaftarkan atau sesuatu nombor pendaftaran baru yang diuntukkan di bawah seksyen 11 hendaklah diperagakan dan disuarkan pada plat nombor mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(3) Jika sesuatu treler sedang ditarik di atas suatu jalan oleh sesuatu kenderaan motor, selain nombor pendaftaran yang diuntukkan bagi treler itu apabila didaftarkan maka hendaklah diperagakan mengikut cara yang disebutkan dalam subseksyen (1), nombor pendaftaran bagi kenderaan motor yang menarik treler itu, dan seksyen ini hendaklah terpakai berhubungan dengan memperagakan nombor pendaftaran itu pada sesuatu treler sebagaimana peruntukan itu dipakai berhubungan dengan memperagakannya pada kenderaan motor itu.

(4) Jika sesuatu nombor pendaftaran tidak diperagakan mengikut seksyen ini, pemandu atau orang yang menjaga kenderaan itu semasa kenderaan itu digunakan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada tiga ribu ringgit.

*Pelesenan Kenderaan Motor*

**Lesen kenderaan motor**

**15.** (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya tiada sesuatu lesen kenderaan motor yang berkuat kuasa diberi di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa sesuatu kenderaan motor yang dibawa masuk ke dalam Malaysia secara sah di sisi undang-undang mengikut seksyen 21 atau 25 atau mengikut mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, hendaklah disifatkan sebagai suatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya ada berkuat kuasa suatu lesen yang diberi di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai kepada sesuatu kenderaan motor yang telah tidak digunakan:

Dengan syarat bahawa suatu pengisytiharan telah dibuat kepada Pengarah, dalam borang ditetapkan, bahawa kenderaan itu telah tidak digunakan.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor yang disebut dalam subseksyen (2) kemudiannya didapati digunakan atau disebabkan atau dibenarkan digunakan, maka kenderaan itu tidak boleh, bagi maksud seksyen ini, disifatkan sebagai telah tidak digunakan.

(4) Seseorang yang menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan untuk digunakan suatu kenderaan motor setelah mengisytiharkan bahawa ia telah tidak digunakan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “telah tidak digunakan” ertinya untuk menyimpan dan untuk memberhentikan daripada digunakan di atas jalan.

**Kehendak bagi permohonan**

**16.** (1) Suatu lesen kenderaan motor hendaklah diberi, bagi suatu tempoh sebagaimana ditetapkan, apabila permohonan dibuat kepada pendaftar berlesen mana-mana kawasan pendaftaran.

(2) Tiap-tiap pemohon bagi lesen kenderaan motor hendaklah memberi apa-apa butir dan mengemukakan apa-apa keterangan yang ditetapkan dan khususnya bahawa sama ada—

*(a)* semasa tempoh kesahan lesen yang dipohon itu akan ada berkuat kuasa apa-apa polisi insurans atau apa-apa jaminan, yang berhubungan dengan kenderaan motor yang baginya lesen itu dikehendaki, yang mematuhi kehendak Bahagian IV; atau

*(b)* kenderaan motor itu adalah suatu kenderaan yang, oleh sebab subseksyen 90(5), seksyen 90 tidak terpakai baginya.

(3) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dengan seksyen ini, mana-mana orang yang memuaskan hati pendaftar berlesen bahawa dia telah diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor yang tidak berada di dalam Malaysia boleh membuat permohonan bagi pihak pemunya berdaftar tersebut untuk suatu lesen bagi kenderaan motor itu, dan dalam mana-mana hal sedemikian permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dan ditandatangani oleh pemunya berdaftar itu.

**Pendaftar berlesen boleh enggan mengeluarkan lesen kenderaan motor dalam hal tertentu**

**17.** (1) Seseorang pendaftar berlesen adalah tidak dikehendaki memberi sesuatu lesen kenderaan motor bagi permohonan yang dibuat melainkan jika—

*(a)* perakuan pendaftaran berhubungan dengan kenderaan motor yang dinyatakan dalam permohonan itu dikemukakan dan butir-butir yang terkandung di dalam permohonan itu adalah serupa dengan butir-butir

bersamaan yang terkandung dalam perakuan pendaftaran itu;

*(b)* butir-butir pengenal kenderaan motor itu, termasuk nombor enjin dan casis, kekal terang, jelas dan tidak diusik dan adalah serupa dengan butir-butir bersamaan yang terkandung dalam perakuan pendaftaran itu;

*(bb)* dalam hal permohonan melalui cara elektronik, perincian yang berkenaan dengan perakuan pendaftaran kenderaan motor itu dikemukakan dengan sewajarnya atas talian;

*(bc)* berhubung dengan suatu kelas atau kategori kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala di bawah Bahagian IIA, perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 66C dikemukakan;

*(c)* fi yang ditetapkan telah dibayar; dan

*(d)* dia berpuas hati bahawa pemohon tidak mempunyai perkara atau hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis berhubungan dengan apa-apa perlanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987:

Dengan syarat bahawa perenggan *(b)* tidak terpakai bagi kenderaan motor elektrik yang tidak ada nombor enjin.

*(e)* (*Dipotong oleh Akta A891*).

(1A) (*Dipotong oleh Akta A891*).

(2) Seseorang Pengarah boleh enggan memberi suatu lesen kenderaan motor atau suatu lesen perdagangan motor atau boleh membatalkan atau menggantung bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan suatu lesen kenderaan motor atau suatu lesen perdagangan motor yang telah diberi jika, selepas memberi pemunya peluang membuat apa-apa representasi yang dia mungkin hendak membuat, Pengarah itu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa kenderaan motor yang tersebut dalam lesen itu atau yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat telah digunakan atau dicadang hendak digunakan bagi sesuatu maksud yang menyalahi undang-

undang atau dengan cara yang menyalahi undang-undang, dan apabila berbuat demikian hendaklah mengendorskan perakuan pendaftaran bagi kenderaan motor itu dengan sewajarnya.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), penggunaan mana-mana kenderaan motor yang mengakibatkan perlanggaran mana-mana syarat yang dikenakan pada sesuatu lesen di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 atau mana-mana syarat berkanun yang dinyatakan di dalamnya hendaklah disifatkan sebagai menggunakan kenderaan itu dengan cara yang menyalahi undang-undang.

(4) Kecuali jika tempoh penggantungan lesen itu tidak melebihi satu bulan, mana-mana orang yang menjadi pemegang sesuatu lesen kenderaan motor atau lesen perdagangan motor yang terkilan dengan penggantungan lesen itu oleh Pengarah di bawah subseksyen (2) boleh, dalam masa empat belas hari dari penggantungan itu oleh Pengarah, merayu kepada Ketua Pengarah dan atas rayuan itu Ketua Pengarah, selepas apa-apa siasatan, jika ada, yang difikirkannya patut, boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil dan mana-mana perintah yang dibuat sedemikian hendaklah mengikat Pengarah dan perayu.

(5) Jika Pengarah enggan memberi sesuatu lesen atau membatalkan sesuatu lesen di bawah subseksyen (2), dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah tentang keengganan atau pembatalan itu dan menyatakan alasan mengenainya; dan Ketua Pengarah hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan atau keengganan itu, memberitahu pemunya berdaftar kenderaan motor itu bahawa dia mengesahkan atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pembatalan atau keengganan itu.

(6) Mana-mana orang yang menjadi pemohon atau pemegang suatu lesen kenderaan motor yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah kerana enggan memberi atau membatalkan lesen itu, boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh pengesahan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (5), merayu kepada Menteri, dan atas rayuan itu Menteri, selepas menjalankan apa-apa siasatan, jika ada, yang difikirkan perlu, boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut, dan apa-apa perintah yang dibuat sedemikian hendaklah mengikat Ketua Pengarah dan perayu.

(7) Subseksyen (6) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang memperoleh sesuatu kenderaan motor selepas perakuan pendaftaran kenderaan itu telah diendorskan mengikut subseksyen (2).

(8) Jika lesen berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor telah ditolak atau dibatalkan di bawah subseksyen (2), Pengarah boleh enggan memberi suatu lesen lagi bagi kenderaan itu selama tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh pembatalan itu, dan subseksyen (5) dan (6) tidak terpakai dalam keadaan keengganan itu.

**Efek mengubah kenderaan ke atas lesen**

**18.** Apabila sesuatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya suatu lesen kenderaan motor telah diberikan diubah, selepas lesen itu diberikan, dengan apa-apa cara yang menyebabkan kenderaan motor itu menjadi suatu kenderaan motor yang berkenaan dengannya suatu lesen dengan fi yang lebih tinggi atau suatu lesen daripada kelas yang lain dikehendaki, lesen itu, sebelum kenderaan yang diubah itu digunakan, adalah tidak sah tetapi pemegang lesen, apabila menyerahkan balik lesen dan memberi butir-butir yang ditetapkan, adalah berhak menerima suatu lesen baru bagi kenderaan motor itu, dan lesen itu hendaklah berkuat kuasa selama tempoh lesen yang diserahkan itu sepatutnya berkuat kuasa jika lesen itu tidak diserahkan, apabila dibayar apa-apa amaun, jika ada, yang merupakan perbezaan antara amaun yang kena dibayar bagi lesen yang baru dengan amaun yang dibayar balik, jika ada, yang kena dibayar di bawah seksyen 19 bagi lesen yang diserahkan balik itu.

**Penyerahan balik lesen kenderaan motor**

**19.** (1) Pemegang sesuatu lesen kenderaan motor boleh pada bila-bila masa menyerahkan balik lesen itu kepada Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran dan adalah, melainkan jika diperuntukkan selainnya, berhak dibayar oleh Pengarah dengan cara rebet apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pembayaran balik kena dibayar bagi sesuatu lesen yang dibatalkan atau digantung oleh Pengarah di bawah seksyen 17.

(2) Tiada seorang pun boleh membawa prosiding dengan tujuan mendapatkan suatu rebet di bawah seksyen ini atau pembayaran balik berkenaan dengan apa-apa bayaran lebih bagi apa-apa fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen kenderaan motor yang diberi di bawah seksyen 16, melainkan jika prosiding dibawa sebelum habis tempoh satu tahun dari tarikh habisnya tempoh lesen itu.

**Memperagakan lesen kenderaan motor**

**20.** (1) Tiap-tiap lesen kenderaan motor yang diberikan di bawah seksyen 16 selain lesen kenderaan motor yang diberikan berkenaan dengan sesuatu motosikal atau kenderaan orang cacat, hendaklah dilekatkan dan dipamerkan pada kenderaan yang berkenaan dengannya lesen itu dikeluarkan mengikut cara dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.

(2) Tiada seorang pun boleh (sama ada dengan tulisan, lukisan atau dengan apa-apa cara lain) mengubahkan, mencacatkan, merosakkan atau menambahkan apa-apa jua kepada sesuatu lesen kenderaan motor, dan juga tiada seorang pun boleh mempamerkan pada sesuatu kenderaan motor apa-apa lesen kenderaan yang telah diubahkan, dicacatkan, dirosakkan atau ditambahkan seperti tersebut di atas, atau yang angka atau butir-butir di atasnya telah menjadi sukar dibaca atau yang warnanya telah berubah kerana pudar atau selainnya dan juga tiada seorang pun boleh mempamerkan apa-apa tiruan serupa bagi sesuatu lesen itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Lesen pelawat**

**21.** (1) Tertakluk kepada apa-apa kaedah yang boleh dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 66, seseorang Pengarah boleh memberi suatu lesen pelawat berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor yang dibawa masuk ke dalam Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia, jika Pengarah berpuas hati bahawa kenderaan motor itu akan dieksportkan dari Malaysia dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh kenderaan motor itu tiba di Malaysia.

(2) Sesuatu lesen pelawat—

*(a)* hendaklah dinyatakan sebagai habis tempohnya tidak lewat dari sembilan puluh hari dari tarikh kenderaan itu tiba di Malaysia dan tidak boleh diperbaharui;

*(b)* tidak boleh diberi bagi sesuatu traktor berat, kenderaan barangan atau kenderaan perkhidmatan awam;

*(c)* tidak boleh diberi melainkan Pengarah berpuas hati bahawa perhubungan dengan penggunaan kenderaan motor itu terdapat suatu perakuan, polisi insurans atau perakuan jaminan yang mematuhi kehendak Bahagian IV;

*(d)* tidak boleh diberi bagi sesuatu kenderaan motor yang baginya seksyen 25 terpakai.

(3) Sesuatu lesen pelawat yang diberi di bawah peruntukan bersamaan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Republik Singapura hendaklah, selagi lesen itu masih berkuat kuasa di negara itu, disifatkan sebagai suatu lesen pelawat yang diberi di bawah seksyen ini.

(4) Fi bagi suatu lesen yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

(5) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor masuk ke Malaysia tanpa lesen pelawat yang sah melakukan suatu kesalahan.

**Lesen perdagangan kenderaan motor**

**22.** (1) Jika mana-mana orang yang menjadi pembuat atau pembaiki atau peniaga kenderaan motor, membuat suatu permohonan mengikut cara yang ditetapkan kepada Pengarah bagi kawasan pendaftaran dalam mana premis perniagaannya itu terletak menyatakan bahawa dia mungkin, sebagai ganti daripada mengambil suatu lesen di bawah Bahagian ini bagi tiap-tiap kenderaan motor yang digunakan olehnya, berhak mengambil suatu lesen am bagi semua kenderaan motor yang digunakan olehnya, maka Pengarah boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, memberi kepada orang itu suatu lesen (di

dalam Akta ini disebut "lesen perdagangan motor") setelah dibayar fi yang ditetapkan.

(2) Pemegang sesuatu lesen perdagangan motor yang diberi di bawah seksyen ini tidak berhak menurut lesen itu—

*(a)* menggunakan lebih daripada satu kenderaan motor pada sesuatu masa, kecuali bagi sesuatu kenderaan motor yang menarik treler dan digunakan bagi maksud yang ditetapkan; atau

*(b)* menggunakan mana-mana kenderaan motor bagi apa-apa maksud selain apa-apa maksud yang ditetapkan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa untuk mengelakkan seseorang yang berhak mengambil suatu lesen perdagangan motor daripada memegang dua atau lebih lesen sedemikian.

(4) Sesuatu lesen perdagangan motor tidak boleh diberi sehingga pemohon telah mengemukakan keterangan, hingga memuaskan hati Pengarah, bahawa dalam tempoh kesahan lesen itu ada berkuat kuasa sesuatu polisi insurans atau sesuatu jaminan yang mematuhi kehendak Bahagian IV berkenaan dengan penggunaan kenderaan motor mengikut lesen itu.

(5) Sesuatu lesen perdagangan motor tidak boleh diserah hak atau dipindah milik.

(6) Subseksyen 17(2) dan (5) terpakai bagi sesuatu lesen perdagangan motor sebagaimana peruntukan itu dipakai bagi sesuatu lesen kenderaan motor.

(7) Pemegang sesuatu lesen perdagangan motor boleh pada bila-bila masa menyerahkan balik lesen itu kepada Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran dan setelah lesen itu diserahkan balik adalah berhak dibayar balik dengan cara rebet apa-apa amaun yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa prosiding bagi mendapatkan rebet itu atau pembayaran balik apa-apa bayaran lebihan bagi sesuatu lesen

hendaklah dibawa sebelum habisnya tempoh satu tahun dari tarikh habisnya tempoh lesen itu.

(8) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan lain berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor**

**23.** (1) Jika mana-mana orang menggunakan sesuatu kenderaan motor semasa tiada berkuat kuasa berkenaan dengannya sesuatu lesen kenderaan motor yang diberi di bawah Akta ini, atau menyebabkan atau membenarkan sesuatu kenderaan motor digunakan sedemikian atau, sebagai pemegang sesuatu lesen perdagangan motor yang diberi di bawah seksyen 22, menggunakan pada bila-bila masa, kenderaan motor yang lebih daripada bilangan yang dibenarkannya menggunakan menurut lesen itu, maka dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(2) Jika sesuatu lesen telah diberi berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor untuk digunakan bagi sesuatu maksud tertentu, dan kenderaan motor itu pada bila-bila masa dalam tempoh lesen itu berkuat kuasa digunakan bagi suatu maksud yang lain, orang yang menggunakan kenderaan motor itu atau yang menyebabkan atau membenarkan penggunaannya melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana mahkamah, yang di hadapannya pemegang sesuatu lesen kenderaan motor atau sesuatu lesen perdagangan motor yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Bahagian ini, boleh menggantung lesen itu bagi tempoh kesahannya atau bagi suatu tempoh yang lebih singkat dan lesen itu, bersama-sama dengan, dalam hal suatu lesen perdagangan motor, plat yang dikeluarkan berhubungan dengannya, hendaklah kemudiannya diserahkan kepada mahkamah oleh

pemegang lesen itu, dan mahkamah hendaklah menghantarkan lesen dan juga plat perdagangan motor itu, jika ada, kepada Pengarah yang mengeluarkan lesen itu, bersama-sama dengan salinan perintah yang dibuat oleh mahkamah itu.

(4) Tiada apa-apa rebet boleh dibayar oleh seseorang Pengarah berkenaan dengan apa-apa tempoh yang mana sesuatu lesen kenderaan motor atau sesuatu lesen perdagangan motor telah digantung sedemikian.

(5) Tiada mahkamah yang boleh ambil tahu mengenai apa-apa prosiding di bawah seksyen ini melainkan jika prosiding itu bermula dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh berlakunya kesalahan itu.

*Pelbagai*

**Mendapat kembali fi**

**24.** (1) Jika apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Bahagian ini masih belum dibayar selepas satu bulan dari tarikh fi itu patut dibayar, atau jika fi yang telah dibayar kurang daripada amaun yang sepatutnya, maka Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu notis menghendaki orang yang ingkar itu supaya membayar amaun yang kena dibayar itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak notis itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit, dan mahkamah yang di hadapannya orang itu disabitkan, selain denda itu, boleh memerintahkan orang itu supaya membayar amaun apa-apa fi yang kena dibayar dan yang masih belum dibayar pada masa sabitan itu, dan apa-apa amaun yang diperintahkan supaya dibayar sedemikian boleh didapatkan kembali menurut undang-undang yang berhubungan dengan mendapat kembali denda; dan apa-apa amaun yang didapatkan kembali sedemikian hendaklah diremitkan oleh mahkamah kepada Pengarah berlesen yang sesuai.

(3) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen ini, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seseorang Pengarah yang menyatakan bahawa—

(*a*) pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan suatu notis yang menghendaki tertuduh membayar apa-apa amaun fi yang kena dibayar olehnya sebagaimana dinyatakan dalam perakuan itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya menurut subseksyen (1); dan

(*b*) tertuduh telah gagal mematuhi kehendak itu,

hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya.

**Perakuan antarabangsa**

**25.** Apabila mana-mana perjanjian antarabangsa bagi memudahkan peredaran antarabangsa kenderaan motor atau bagi melepaskannya daripada cukai telah dipakai di Malaysia, Menteri, bagi maksud menguatkuasakan sesuatu perjanjian sedemikian, boleh membuat kaedah-kaedah—

(*a*) bagi pemberian dan pengesahan apa-apa pas perjalanan, perakuan, lesen memandu atau apa-apa kuasa lain yang mungkin berguna kepada orang yang bermastautin di Malaysia apabila membawa sementara kenderaan motor ke luar negeri, atau kepada pemandu yang ke luar negeri dan berhasrat memandu kenderaan motor;

(*b*) bagi mengubah suai peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor bagi kenderaan motor yang dibawa sementara ke dalam Malaysia oleh orang yang bermastautin di luar negeri dan bercadang untuk tinggal sementara sahaja di Malaysia, dan berhubungan dengan pelesenan pemandu yang memasuki Malaysia bagi maksud memandu mana-mana kenderaan itu;

(*c*) bagi membuat peruntukan bahawa mana-mana peruntukan Akta ini, berhubungan dengan kenderaan motor yang dibawa ke dalam Malaysia oleh orang yang tinggal sementara sahaja di Malaysia, hendaklah berkuat kuasa

tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana ditetapkan;

*(d)* bagi membuat peruntukan untuk pengecualian sepenuh atau sebahagiannya, bagi suatu tempoh yang terhad, daripada apa-apa duti import yang kena dibayar mengenai pengimportan sesuatu kenderaan motor, atau daripada apa-apa fi pendaftaran atau apa-apa fi lain yang dikenakan bagi apa-apa kelas atau perihalan kenderaan motor tertentu yang dibawa masuk ke dalam Malaysia oleh orang yang tinggal sementara sahaja di Malaysia; dan

*(e)* pada amnya bagi menguatkuasakan apa-apa perjanjian itu.

*Pelesenan Pemandu Motor*

**Lesen memandu**

**26.** (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, tiada seorang pun boleh memandu sesuatu kenderaan motor daripada apa-apa kelas atau perihalan, di sesuatu jalan melainkan jika dia adalah pemegang sesuatu lesen memandu yang membenarkannya memandu sesuatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan itu, dan tiada seorang pun boleh mengambil kerja atau membenarkan seseorang lain memandu sesuatu kenderaan motor di jalan melainkan jika orang yang diambil kerja atau dibenarkan memandu itu adalah pemegang sesuatu lesen memandu sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “pemegang sesuatu lesen memandu” termasuklah seseorang yang memiliki dan memandu suatu kenderaan motor mengikut suatu lesen yang dikeluarkan dengan sewajarnya oleh atau bagi pihak suatu pihak berkuasa yang sepatutnya yang membenarkan orang itu pada masa menjalankan tugasnya sebagai seorang anggota Angkatan memandu suatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan yang dinyatakan dalam lesen itu dan kenderaan itu adalah suatu kenderaan yang

menjadi harta Kerajaan atau harta mana-mana Kerajaan yang Angkatannya berada dengan sah di sisi undang-undang di Malaysia di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa mengawal selia Angkatan pelawat yang berada dengan sah di sisi undang-undang di Malaysia.

**Permohonan bagi lesen memandu**

**27.** (1) Suatu permohonan bagi sesuatu lesen memandu hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan kepada Pengarah sesuatu kawasan pendaftaran.

(2) Tertakluk kepada Bahagian ini mengenai ujian-ujian kekompetenan memandu dan juga mengenai kesihatan jasmani pemohon-pemohon bagi lesen memandu, Pengarah hendaklah, kecuali dalam hal seseorang pemohon yang hilang kelayakan oleh sebab umur atau selainnya sebagaimana disebutkan kemudian daripada ini, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberi suatu lesen memandu kepada mana-mana orang yang memohon mendapatkannya mengikut Akta ini.

(3) Sesuatu lesen memandu boleh membenarkan pemegangnya memandu apa-apa kelas atau kelas-kelas atau apa-apa jenis atau jenis-jenis dalam apa-apa kelas kenderaan motor, sebagaimana dinyatakan di dalam lesen itu oleh Ketua Pengarah atau Pengarah.

(4) Jika di bawah Bahagian ini, pemohon tertakluk kepada apa-apa sekatan berkenaan dengan hal memandu sesuatu kelas kenderaan motor, maka had sekatan itu hendaklah dinyatakan mengikut cara yang ditetapkan pada lesen memandu itu.

(5) Tertakluk kepada Akta ini berkenaan dengan lesen belajar memandu, sesuatu lesen memandu hendaklah, melainkan jika terdahulunya telah dibatalkan atau diserahkan balik, terus berkuat kuasa bagi sesuatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh lesen itu diberikan.

(6) Tertakluk kepada mana-mana kaedah di bawah Akta ini, seseorang hendaklah dihilangkan kelayakannya daripada mendapatkan suatu lesen memandu—

*(a)* semasa suatu lesen memandu lain yang diberikan kepadanya di Malaysia atau di Republik Singapura masih berkuat kuasa, sama ada atau tidak lesen itu digantung;

*(b)* jika dengan sabitan di bawah Bahagian ini atau dengan suatu, perintah mahkamah di Malaysia atau di Republik Singapura, dia telah dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu;

*(c)* selama tempoh dua belas bulan dari tarikh pembatalan lesen memandu di bawah seksyen 35, 35A, 41, 42, 43, 44, 45, 45A, 45B atau 45C.

(7) Dalam apa-apa prosiding, hakikat bahawa sesuatu lesen memandu telah diberikan kepada seseorang hendaklah menjadi keterangan bahawa orang itu bagi maksud memperoleh lesen memandu tersebut telah membuat suatu akuan bahawa dia tidak dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu.

(8) Jika mana-mana orang terkilan dengan keengganan seseorang Pengarah untuk memberi suatu lesen memandu, atau dengan pembatalan sesuatu lesen memandu di bawah subseksyen 30(4), dia boleh, selepas memberi Pengarah empat belas hari notis tentang cadangannya hendak berbuat demikian, merayu kepada Menteri, dan atas apa-apa rayuan sedemikian Menteri boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan apa-apa perintah yang dibuat sedemikian hendaklah mengikat Pengarah.

**Daftar pemegang lesen memandu**

**27A.** (1) Tiap-tiap Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar bagi pemegang lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Daftar itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat, perincian dan butir-butir sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

**Pengiktirafan lesen memandu negara lain**

**28.** Sesuatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah peruntukan yang bersamaan dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana negara yang menjadi pihak dalam sesuatu triti yang mana Malaysia juga menjadi pihak dan berupa sebagai mengiktiraf lesen memandu domestik yang dikeluarkan oleh negara pejanji hendaklah, selagi lesen tersebut masih berkuat kuasa di negara itu, disifatkan sebagai lesen memandu yang diberikan di bawah Bahagian ini.

**Ujian kekompetenan memandu**

**29.** (1) Sesuatu lesen memandu tidak boleh diberikan kepada mana-mana pemohon melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah bahawa dia telah—

*(a)* memegang lesen memandu percubaan selama tempoh dua tahun dan membuat permohonan dalam tempoh satu tahun selepas habis tempoh itu;

*(b)* dalam tempoh tiga tahun sebelum tarikh dia membuat permohonan itu memegang sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa kompeten di Malaysia atau di Republik Singapura yang membenarkannya memandu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu, mengikut lesen memandu yang dipohonnya itu untuk memandu; atau

*(c)* dalam tempoh tiga tahun sebelum tarikh dia membuat permohonan itu memegang suatu lesen yang dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa kompeten di mana-mana negara lain yang membenarkannya memandu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu, mengikut lesen memandu yang dipohonnya itu untuk memandu, dan bahawa ujian kekompetenan memandu yang setanding dengan ujian yang ditetapkan di bawah Akta ini ada berkuat kuasa di negara itu:

Dengan syarat bahawa perenggan *(a)*, *(b)* atau *(c)* tidak terpakai bagi mana-mana anggota Angkatan Malaysia, yang ada memiliki

suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan dengan sewajarnya oleh atau bagi pihak suatu pihak berkuasa yang sepatutnya yang membenarkan pada masa menjalankan tugasnya memandu kenderaan-kenderaan motor daripada kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu; dan orang itu berhak mendapat suatu lesen memandu bagi kelas atau perihalan kenderaan itu apabila membuat permohonan dan dengan membayar fi yang ditetapkan.

(1A) Walau apa pun yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada lesen memandu boleh diberikan kepada mana-mana pemohon melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah bahawa pada tarikh dia memohon dia tidak mempunyai perkara atau hal yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis berhubungan dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini atau Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

(2) Bagi maksud membolehkan seseorang belajar memandu sesuatu kenderaan motor dengan tujuan hendak lulus sesuatu ujian di bawah seksyen ini, Pengarah boleh, tertakluk kepada seksyen 27, memberikannya suatu lesen belajar memandu.

(3) Sesuatu lesen belajar memandu hendaklah mengikut borang yang ditetapkan, hendaklah diberikan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan sah selama tempoh yang ditetapkan.

(4) Jika mana-mana orang yang telah diberikan suatu lesen belajar memandu gagal mematuhi mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya lesen itu diberikan dia melakukan suatu kesalahan.

(4A) Jika seseorang yang memegang lesen belajar memandu lulus ujian kekompetenan yang ditetapkan, Pengarah hendaklah memberinya lesen memandu percubaan dan lesen itu hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan hendaklah sah selama dua tahun.

(4B) Subseksyen (4A) tidak terpakai kepada pemohon yang memegang lesen memandu, selain lesen belajar memandu, daripada kelas atau perihalan yang lain.

(4C) Jika mana-mana orang yang kepadanya lesen memandu percubaan diberikan gagal mematuhi mana-mana syarat yang

tertakluk kepadanya lesen itu diberikan, dia melakukan suatu kesalahan.

(5) Mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 42 atau 43 boleh, sama ada atau tidak dia dahulunya telah lulus ujian kekompetenan yang ditetapkan, dan sama ada atau tidak mahkamah itu membuat suatu perintah menghilangkan kelayakan orang itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen untuk memandu suatu kenderaan motor, memerintahkan supaya orang itu dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu, selain suatu lesen belajar memandu, sehingga dia, sejak tarikh perintah itu, lulus suatu ujian kekompetenan memandu.

(6) Peruntukan Akta ini yang berkuat kuasa jika suatu perintah menghilangkan kelayakan seseorang daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu dibuat hendaklah berkuat kuasa berhubungan dengan suatu kehilangan kelayakan menurut suatu perintah di bawah seksyen ini tertakluk kepada pengubahsuaian yang berikut:

*(a)* walau apa pun terkandung dalam subseksyen 27(6) atau subseksyen 32(3), orang yang dihilangkan kelayakan itu (melainkan jika dia dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu, selain menurut suatu perintah di bawah seksyen ini) adalah berhak mendapat dan memegang suatu lesen belajar memandu yang akan diberikan (jika orang yang dihilangkan kelayakan itu adalah pemegang sesuatu lesen memandu, oleh Pengarah yang memberikan lesen memandu itu) di bawah subseksyen (2), dan memandu sesuatu kenderaan motor mengikut syarat yang tertakluk kepadanya lesen belajar memandu itu diberikan;

*(b)* kehilangan kelayakan itu hendaklah disifatkan sebagai telah habis tempohnya apabila Pengarah berpuas hati bahawa orang itu, semenjak perintah itu dibuat, telah lulus ujian yang ditetapkan;

*(c)* apabila seseorang yang dihilangkan kelayakan dikembalikan kepadanya sesuatu lesen memandu yang dipegang olehnya, atau apabila sesuatu lesen diberikan

kepadanya, maka hendaklah ditambahkan kepada butir-butir yang diendorskan suatu pernyataan bahawa orang yang dihilangkan kelayakan itu, sejak perintah itu dibuat, telah lulus ujian yang ditetapkan.

**Peruntukan mengenai kesihatan jasmani pemohon bagi lesen memandu dan pemegangnya**

**30.** (1) Dalam sesuatu permohonan untuk pemberian suatu lesen memandu oleh pemohon yang disebut dalam subseksyen 27(1), pemohon hendaklah membuat suatu akuan dalam borang yang ditetapkan sama ada atau tidak dia menghidap apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani sebagaimana dinyatakan dalam borang itu atau menghidap apa-apa penyakit atau ketidakdayaan jasmani lain yang mungkin menyebabkan pemanduannya akan suatu kenderaan motor iaitu suatu kenderaan daripada sesuatu kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu mengikut lesen memandu itu menjadi suatu punca bahaya kepada orang awam.

(2) Jika daripada akuan itu didapati bahawa pemohon menghidap suatu penyakit atau ketidakdayaan seperti yang tersebut dahulu, Pengarah boleh enggan memberikan lesen memandu kepadanya:

Dengan syarat bahawa—

*(a)* suatu lesen memandu yang terhad kepada pemanduan sesuatu kenderaan orang cacat boleh diberikan kepada pemohon jika Pengarah berpuas hati bahawa dia layak memandu kenderaan itu;

*(b)* pemohon boleh kecuali dalam hal apa-apa penyakit dan ketidakdayaan yang ditetapkan, setelah dibayar fi yang ditetapkan, menuntut supaya dikenakan suatu ujian oleh seorang pengamal perubatan berdaftar tentang kelayakan atau kebolehannya memandu kenderan motor daripada apa-apa kelas atau perihalan yang dia boleh dibenarkan memandu menurut lesen memandu itu, dan jika dia lulus ujian yang ditetapkan itu dan selainnya tidak hilang kelayakannya, maka lesen memandu itu tidak boleh ditolak semata-mata oleh sebab peruntukan subseksyen ini dengan syarat, bahawa jika ujian itu membuktikan

kelayakannya untuk memandu hanya kenderaan motor daripada pembinaan atau reka bentuk tertentu atau dalam hal keadaan tertentu lesen memandu itu hendaklah terhad kepada pemanduan kenderaan itu atau kepada pemanduan kenderaan motor daripada pembinaan dan reka bentuk itu atau dalam hal keadaan itu.

(3) Jika pemegang sesuatu lesen memandu, berikutan dengan pengeluarannya dan dalam masa tempoh-sah lesen itu, mengetahui yang dia menghidap sesuatu penyakit atau ketidakdayaan sebagaimana ditetapkan atau jika dia mengetahui yang dia akan menghidap sesuatu penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya akan sesuatu kenderaan motor, iaitu sesuatu kenderaan daripada apa-apa kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu menurut lesen memandu itu, menjadi suatu punca bahaya kepada orang awam, maka pemegang itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik lesen memandunya kepada Pengarah untuk pembatalan.

(4) Jika Pengarah mendapati ada sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana pemegang lesen memandu menghidap sesuatu penyakit atau ketidakdayaan jasmani yang mungkin menyebabkan pemanduannya akan suatu kenderaan motor, iaitu suatu kenderaan daripada apa-apa kelas atau perihalan yang dia dibenarkan memandu menurut lesen memandu itu, menjadi suatu punca bahaya kepada orang awam dan, selepas menjalankan apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, Pengarah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu sebenarnya menghidap sesuatu penyakit atau ketidakdayaan seperti yang tersebut dahulu sama ada atau tidak pemegang lesen yang menghidap penyakit sedemikian seperti tersebut dahulu telah terdahulunya lulus suatu ujian di bawah seksyen ini, Pengarah boleh, selepas memberikan kepada pemegang lesen itu notis tentang cadangannya hendak berbuat demikian, membatalkan lesen memandu itu dan pemegang lesen itu hendaklah, setelah menerima notis tersebut, menyerahkan lesen memandu itu kepada Pengarah untuk pembatalan:

Dengan syarat bahawa pemegang lesen boleh, kecuali dalam hal apa-apa penyakit dan ketidakdayaan sebagaimana ditetapkan, menuntut dikenakan suatu ujian tentang kesihatan atau ketidakdayaannya memandu sesuatu kenderaan motor, dan jika dia lulus ujian itu lesen memandu itu tidak akan dibatalkan atau, jika

lesen itu telah pun dibatalkan, hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen dan pembatalan lesen itu hendaklah dihapuskan.

**Hilang kelayakan kerana kesalahan**

**31.** (1) Mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan—

*(a)* boleh dalam apa-apa hal, kecuali jika diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Bahagian ini, dan hendaklah jika dikehendaki sedemikian oleh Bahagian ini, memerintahkan supaya orang itu dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi seumur hidup atau selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah; dan

*(b)* boleh dalam apa-apa hal, dan hendaklah jika menurut kuasa sesuatu sabitan, seseorang itu hilang kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau jika suatu perintah yang menghilangkan kelayakan seseorang sedemikian dibuat, atau jika dikehendaki sedemikian oleh Bahagian ini, memerintahkan supaya butir-butir mengenai sabitan itu dan apa-apa hilang kelayakan yang baginya orang yang disabitkan itu tertakluk hendaklah diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh pesalah itu:

Dengan syarat bahawa, jika difikirkan patut oleh mahkamah, apa-apa hilang kelayakan yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh dihadkan kepada pemanduan sesuatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan yang sama seperti kenderaan motor yang mengenainya kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang yang menurut kuasa suatu perintah mahkamah di bawah Bahagian ini dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu boleh merayu terhadap perintah itu mengikut cara yang sama seperti rayuan terhadap sesuatu sabitan, dan mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, sementara

menantikan keputusan rayuan itu, menggantung kuat kuasa perintah itu.

**Penggantungan lesen memandu apabila hilang kelayakan**

**32.** (1) Jika seseorang yang dihilangkan kelayakan menurut kuasa suatu sabitan atau perintah ialah pemegang suatu lesen memandu, maka lesen memandu itu hendaklah digantung selagi hilang kelayakan itu terus berkuat kuasa.

(2) Sesuatu lesen memandu yang digantung menurut kuasa Bahagian ini tidak boleh berkuat kuasa dalam tempoh penggantungan itu.

(3) Jika mana-mana orang yang dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu di bawah Bahagian ini memohon atau mendapatkan suatu lesen memandu semasa dia dihilangkan kelayakan sedemikian, atau jika mana-mana orang itu semasa dia dihilangkan kelayakan sedemikian, memandu sesuatu kenderaan motor atau, jika hilang kelayakan itu dihadkan kepada pemanduan sesuatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan tertentu, memandu sesuatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan tersebut, maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

*(a)* dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun; atau

*(b)* didenda tidak melebihi lima ribu ringgit jika mahkamah, setelah memberikan perhatian tentang hal keadaan khas kes itu, memikirkan bahawa tidak perlu dipenjarakan bagi kesalahan itu.

(4) Sesuatu lesen memandu yang didapatkan oleh orang yang dihilangkan kelayakan seperti tersebut dahulu adalah tidak berkuat kuasa.

(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan kepada sesuatu sabitan atau perintah termasuk rujukan mengenai sabitan atau perintah di bawah Bahagian ini dan mengenai apa-apa sabitan atau perintah di bawah

peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bersamaan di Republik Singapura.

**Permohonan untuk menghapuskan hilang kelayakan**

**33.** (1) Mana-mana orang yang menurut kuasa suatu sabitan atau perintah di bawah Bahagian ini dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen boleh, bila-bila masa selepas habis tempoh satu tahun dari tarikh sabitan atau perintah itu atau, jika suatu rayuan dibuat terhadap sabitan atau perintah tersebut, dari tarikh keputusan rayuan itu, dan dari semasa ke semasa (tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh permohonannya yang terakhir yang dibuat di bawah seksyen ini) memohon kepada mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan atau yang membuat perintah itu bagi menghapuskan hilang kelayakan itu.

(2) Apabila suatu permohonan seperti tersebut dahulu dibuat, mahkamah boleh setelah memberikan perhatian tentang watak pemohon, kelakuannya berikutan daripada sabitan atau perintah itu, jenis kesalahan dan apa-apa hal keadaan lain, sama ada dengan perintah menghapuskan hilang kelayakan itu dari tarikh sebagaimana dinyatakan oleh mahkamah dalam perintah itu atau menolak permohonan tersebut.

**Pengendorsan pada lesen memandu**

**34.** (1) Sesuatu perintah supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai apa-apa hilang kelayakan yang baginya orang yang disabitkan itu tertakluk diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh pesalah, sama ada pesalah itu pada masa itu adalah pemegang suatu lesen memandu atau tidak, hendaklah berkuat kuasa sebagai suatu perintah bahawa mana-mana lesen memandu yang dipegang olehnya pada masa itu atau yang akan didapati kemudian hendaklah diendorskan sedemikian sehingga dia berhak di bawah seksyen ini memiliki suatu lesen memandu yang dikeluarkan kepadanya yang bebas daripada apa-apa pengendorsan.

(2) Jika sesuatu mahkamah memerintahkan supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai apa-apa kehilangan

kelayakan yang kepadanya orang yang disabitkan itu tertakluk diendorskan—

*(a)* dalam hal orang yang disabitkan itu pada masa itu ialah pemegang sesuatu lesen memandu, pengendorsan itu hendaklah disifatkan telah dibuat jika butir-butir yang dikehendaki supaya diendorskan pada lesen memandu itu telah dimasukkan ke dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah mengenai lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini dan pemegang lesen memandu itu; dan

*(b)* dalam hal orang yang disabitkan itu pada masa itu bukan seorang pemegang lesen, Ketua Pengarah hendaklah mengendorskan hilang kelayakan untuk mendapatkan lesen memandu di bawah seksyen 38.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(4) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(5) Jika suatu perintah telah dibuat berkenaan dengan mana-mana orang di bawah Bahagian ini yang menghendaki pengendorsan mana-mana lesen memandu yang dipegang olehnya, maka orang itu berhak, sama ada apabila memohon pemberian suatu lesen di bawah Bahagian ini atau, tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan, apabila memohon pada bila-bila masa, dikeluarkan kepadanya suatu lesen memandu baru yang bebas daripada pengendorsan—

*(a)* jika dalam tempoh berterusan selama tiga tahun atau lebih semenjak perintah itu dibuat, tiada apa-apa perintah selanjutnya dibuat terhadapnya, atau tiada apa-apa perintah selain suatu perintah yang dibuat lebih dari satu tahun sebelum tarikh permohonannya dan semata-mata oleh sebab sesuatu sabitan atas kesalahan kerana memandu kenderaan motor dengan kelajuan yang lebih daripada had laju; atau

*(b)* jika perintah itu dibuat semata-mata oleh sebab sabitan seperti yang tersebut dahulu dan, sebelum sahaja perintah itu dibuat dia telah menjadi pemegang, atau berhak dikeluarkan kepadanya, suatu lesen memandu yang bebas

daripada apa-apa pengendorsan kecuali bagi butir-butir berhubungan dengan sesuatu sabitan seperti yang tersebut dahulu, dan jika dia telah, dalam tempoh berterusan selama satu tahun atau lebih sejak perintah itu dibuat, tidak mendapat apa-apa perintah yang menghendaki pengendorsan dibuat terhadapnya:

Dengan syarat bahawa dalam menghitungkan tempoh yang berterusan masing-masingnya selama tiga tahun dan satu tahun yang tersebut itu, sesuatu tempoh yang mana pemohon menurut kuasa perintah itu, telah dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen, hendaklah tidak dimasukkan.

(6) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(7) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(8) Jika atas sesuatu rayuan terhadap mana-mana perintah sedemikian rayuan tersebut dibenarkan atau jika mana-mana sabitan itu dibatalkan, mahkamah yang membenarkan rayuan itu atau yang membatalkan sabitan itu hendaklah menghantarkan notis mengenainya kepada Pengarah yang memberikan lesen itu, dan Pengarah atau pegawai mahkamah yang lain hendaklah, mengikut mana yang perlu, membatalkan atau meminda apa-apa pengendorsan pada lesen memandu yang berkenaan itu.

**Pengendorsan jika lesen memandu terkandung dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna**

**34A.** (1) Walau apa pun seksyen 34, jika sesuatu mahkamah memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai apa-apa kehilangan kelayakan yang kepadanya orang yang disabitkan itu tertakluk diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang itu dan lesen memandu itu terkandung di dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna, pengendorsan itu hendaklah disifatkan telah dibuat jika butir-butir yang dikehendaki supaya diendorskan pada lesen memandu itu telah dimasukkan ke dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah mengenai lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini dan pemegang lesen memandu itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pengarah boleh mengarahkan orang yang disabitkan yang disebut dalam subseksyen (1) supaya menyerahkan, dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah, kad atau peranti elektronik pelbagai guna yang di dalamnya lesen memandu itu terkandung kepada Pengarah itu, atau kepada seorang pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, untuk dimasukkan ke dalam data yang tersimpan di dalam kad atau peranti itu butir-butir mengenai sabitan atau kehilangan kelayakan orang itu dan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah, selepas membuat pemasukan itu, dengan serta-merta mengembalikan kad atau peranti itu kepada orang itu.

**Kuasa Ketua Pengarah menggantung atau membatalkan lesen memandu**

**35.** (1) Walau apa pun yang terkandung di dalam Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah menggantung tiap-tiap lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau membatalkan lesen memandu seseorang jika rekod orang itu, yang disimpan oleh Ketua Pengarah, sebagai pemandu sesuatu kenderaan motor, atau kelakuan atau kebiasaannya sebagai pemandu, membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu yang sah atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(2) Bagi maksud membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi seseorang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan suatu sistem pemberian mata terhadap seseorang kerana melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa kaedah-kaedah sedemikian boleh membuat peruntukan, jika mata telah diberi terhadap mana-mana orang, bagi suatu skim untuk mata itu dikurangkan atas alasan kelakuan baik dan kebiasaan orang itu sebagai seorang pemandu sesuatu kenderaan motor bagi suatu tempoh tertentu dan bagi menghendaki orang itu menjalankan apa-apa kursus sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan jumlah mata maksimum yang akan diberikan terhadap seseorang sebelum boleh dibuktikan bahawa tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh seksyen ini untuk menggantung lesen memandu seseorang hendaklah dijalankan pada bila-bila masa selepas jumlah mata maksimum yang disebut dalam subseksyen (3), diberikan terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(4A) Kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu seseorang di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan pada masa selepas lesen memandu orang itu digantung di bawah subseksyen (4) bagi kali ketiga dalam tempoh lima tahun.

(5) (*Dipotong oleh Akta A973*).

(6) Jika seseorang itu dihilangkan kelayakan melalui suatu perintah mahkamah daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tiap-tiap mata yang diberikan terhadapnya di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah kemudiannya dibatalkan.

(7) (*Dipotong oleh Akta A973*).

(8) Bagi maksud seksyen ini, seseorang hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis dikeluarkan di bawah seksyen 53, 53A, 115A atau 119, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu.

(8A) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti orang yang disifatkan telah melakukan suatu kesalahan jika penalti yang ditetapkan bagi kesalahan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis yang disebut di bawah subseksyen (8) dikeluarkan.

**Kuasa Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu percubaan**

**35A.** (1) Walau apa pun yang terkandung di dalam Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen memandu percubaan seseorang jika dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh pemberian lesen memandu percubaan rekod orang itu, yang disimpan oleh Ketua Pengarah, sebagai pemandu sesuatu kenderaan motor, atau kelakuan atau kebiasaannya sebagai pemandu, membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu yang sah atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(2) Bagi maksud membuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi seseorang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan suatu sistem pemberian mata terhadap seseorang kerana melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa kaedah-kaedah sedemikian boleh membuat peruntukan bagi menghendaki orang itu menjalani apa-apa kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan jumlah mata maksimum yang akan diberikan terhadap seseorang sebelum boleh dibuktikan bahawa adalah tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi orang itu memegang suatu lesen memandu atau bahawa orang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan motor.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh seksyen ini untuk membatalkan lesen memandu percubaan seseorang hendaklah dijalankan pada masa selepas jumlah mata maksimum yang disebut dalam subseksyen (3) diberikan terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika seseorang itu yang lesen memandu percubaannya dibatalkan dan dihilangkan kelayakan melalui suatu perintah mahkamah daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu

bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tiap-tiap mata yang diberikan terhadapnya di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah kemudiannya dibatalkan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, seseorang hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis dikeluarkan di bawah seksyen 53, 53A, 115A atau 119, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika prosiding jenayah telah dimulakan bagi kesalahan itu.

(7) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti orang yang disifatkan telah melakukan suatu kesalahan jika penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu diselesaikan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis yang disebut di bawah subseksyen (6) dikeluarkan.

**Kuasa untuk menggantung lesen memandu penagih dadah**

**36.** (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Ketua Pengarah boleh menggantung lesen memandu seseorang bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu penagih dadah.

(2) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang yang lesennya pada bila-bila masa telah digantung di bawah subseksyen (1) masih menjadi atau tidak berhenti daripada menjadi penagih dadah pada bila-bila masa selepas tempoh penggantungannya itu, maka Ketua Pengarah hendaklah menghilangkan kelayakan orang itu untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau Pegawai Pemulihan hendaklah, apabila mana-mana orang yang disyaki menjadi penagih dadah ditangkap atau secara sukarela menyerah diri, menahan mana-mana lesen memandu yang dipunyai oleh orang itu sehingga orang itu diperakui sebagai penagih dadah.

(4) Apabila seorang pengamal perubatan kerajaan memperakukan bahawa orang itu adalah penagih dadah, pegawai polis , pegawai pengangkutan jalan atau Pegawai Pemulihan itu hendaklah, dalam tempoh dua minggu selepas pemerakuan itu, memberitahu sedemikian dan menyerahkan lesen memandu itu kepada Ketua Pengarah yang hendaklah dengan serta-merta memberitahu penagih dadah itu secara bertulis mengenai niat untuk menggantung atau menghilangkan kelayakan itu.

(4A) Subseksyen (3) dan (4) yang berhubungan dengan penyerahan sesuatu lesen memandu yang ditahan di bawah subseksyen (3) tidak terpakai bagi lesen memandu yang terkandung di dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna.

(5) Penggantungan atau kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang orang itu diperakukan sebagai penagih dadah.

(6) Jika seseorang memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia bukan lagi seorang penagih dadah, Ketua Pengarah hendaklah menghapuskan penggantungan atau kehilangan kelayakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mengembalikan kepada orang itu mana-mana lesen memandu yang ditahan di bawah seksyen ini.

(7) Dalam seksyen ini, “Pegawai Pemulihan” dan “penagih dadah” hendaklah mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*].

**Pemegang lesen boleh menunjukkan sebab mengapa lesen memandu tidak patut digantung atau dibatalkan**

**37.** (1) Ketua Pengarah hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan suatu lesen memandu seseorang di bawah seksyen 35 atau 35A, memberikan kepada orang yang berkenaan itu notis bertulis mengenai cadangannya untuk berbuat demikian, menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari empat belas hari selepas tarikh notis itu, bila penggantungan atau pembatalan itu boleh dibuat dan memanggil orang itu memberikan sebab kepada Ketua Pengarah kenapa lesen memandu itu tidak patut digantung atau dibatalkan.

(2) Apabila orang itu gagal memberikan sebab dalam tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) dan jika Ketua Pengarah memutuskan untuk menggantung atau membatalkan lesen memandu orang itu menurut seksyen 35 atau 35A, Ketua Pengarah hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu melalui notis bertulis mengenai penggantungan atau pembatalan itu.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(4) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

(5) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

**Pengendorsan penggantungan, pembatalan atau hilang kelayakan**

**38.** (1) Ketua Pengarah hendaklah, apabila menggantung atau membatalkan lesen memandu atau menghilangkan kelayakan mana-mana orang untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu di bawah Akta ini, mengarahkan supaya dimasukkan butir-butir berhubung dengan penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, apabila tamatnya tempoh penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu, dengan serta-merta mengeluarkan maklumat mengenai penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu dari pangkalan data.

(3) Mana-mana orang yang lesen memandunya telah digantung atau dibatalkan atau dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu tidak boleh, semasa tempoh penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu memandu suatu kenderaan motor di jalan di bawah apa-apa lesen memandu lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau mendapatkan lesen memandu.

(4) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor di atas jalan bertentangan dengan subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu

ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

*Memandu dan Kesalahan Yang Berkaitan Dengannya*

**Sekatan ke atas pemanduan oleh orang muda**

**39.** (1) Tiada seorang yang berumur kurang daripada enam belas tahun boleh memandu suatu kenderaan motor di atas jalan.

(2) Tiada seorang yang berumur kurang daripada tujuh belas tahun boleh memandu suatu kenderaan motor selain motosikal atau kenderaan orang cacat di jalan.

(3) Tiada seorang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun boleh memandu suatu traktor berat, traktor ringan, jentera bergerak berat, jentera bergerak ringan, motokar berat atau kenderaan perkhidmatan awam di jalan:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu traktor digunakan semata-mata sebagai penggerak utama bagi jentera atau alat yang digunakan untuk penggemburan tanah, seseorang yang berumur lebih daripada lapan belas tahun, yang dilesenkan memandu motokar, boleh memandu traktor itu di jalan bagi maksud menggerakkannya dari suatu kawasan tanaman ke suatu kawasan tanaman yang lain.

(4) Seseorang yang dilarang oleh seksyen ini dengan sebab umurnya daripada memandu suatu kenderaan motor atau suatu kenderaan motor daripada apa-apa kelas hendaklah bagi maksud Bahagian ini dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan mana-mana lesen memandu selain suatu lesen untuk memandu apa-apa kenderaan motor, jika ada, yang dia tidak ditegah daripada memandu oleh seksyen ini.

(5) Mana-mana orang yang memandu, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang memandu, suatu kenderaan motor dengan melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Melebihi had laju**

**40.** (1) Jika mana-mana orang memandu sesuatu kenderaan motor dengan kelajuan yang lebih daripada apa-apa had laju yang dikenakan bagi kenderaan motor itu di bawah kuasa yang diberi oleh Akta ini, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(2) Mahkamah hendaklah, melainkan jika atas apa-apa sebab khas difikirkannya patut untuk memerintahkan selainnya, memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa dapatan bersalah di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

(3) Suatu sabitan kali pertama atau kali kedua bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak boleh menyebabkan seseorang pesalah itu dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu bagi suatu tempoh yang lebih lama dari, satu bulan bagi sabitan pertama, atau, enam bulan, dalam hal sabitan kali kedua.

**Menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan**

**41.** (1) Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang, setelah mengambil perhatian tentang segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan, dan kesesakan lalu lintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) merbahaya kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh *tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

---

**CATATAN*—Dahulunya “tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”–*lihat* Akta A1065.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa sabitan di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

(3) Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh *tidak kurang daripada tiga tahun dari tarikh sabitan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(3A) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

(4) Mahkamah boleh apabila membicarakan seseorang kerana suatu kesalahan di bawah seksyen ini, mensabitkan orang itu kerana suatu kesalahan di bawah seksyen 42 atau seksyen 43.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang masih berkuat kuasa, mahkamah yang di hadapannya seseorang itu dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah memerintahkan penarikan balik segera lesen memandu orang itu dan hendaklah memerintahkan penggantungan lesen itu bermula dari tarikh pertuduhan itu dibacakan pertama kalinya kepada orang itu dan penggantungan itu hendaklah mula berkuat kuasa—

*(a)* sehingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan itu; dan

*(b)* seolah-olah penggantungan itu adalah penggantungan yang disebut dalam seksyen 32.

(5A) Jika lesen memandu orang yang disebut dalam subseksyen (5) terkandung di dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna, perintah mahkamah di bawah subseksyen itu hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika butir-butir perintah itu telah dimasukkan ke dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah mengenai lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini dan pemegang lesen memandu itu.

---

**CATATAN*—Dahulunya “tidak kurang dari dua belas bulan–*lihat* Akta A1065.

(5B) Walau apa pun subseksyen (5A), Pengarah boleh mengarahkan orang yang disebut dalam subseksyen (5) supaya menyerahkan, dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah, kad atau peranti elektronik pelbagai guna yang di dalamnya lesen memandu itu terkandung kepada Pengarah itu, atau kepada seorang pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, untuk dimasukkan ke dalam data yang tersimpan di dalam kad atau peranti itu butir-butir perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (5), dan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah, selepas membuat pemasukan itu, dengan serta-merta mengembalikan kad atau peranti itu kepada orang itu.

**Memandu secara melulu dan membahayakan**

**42.** (1) Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang, memandang kepada segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan luas jalan dan kesesakan lalu lintas yang ada atau mungkin ada di jalan itu) merbahaya kepada orang awam, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh *tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa sabitan di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

---

**CATATAN*—Dahulunya "tidak melebihi enam ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi, tiga tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal sabitan kali kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya"–*lihat* Akta A1065.

(3) Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada **dua tahun dari tarikh sabitan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

**Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa**

**43.** (1) Seseorang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan tanpa kecermatan dan perhatian yang sepatutnya atau tanpa pertimbangan yang munasabah terhadap orang lain yang menggunakan jalan itu melakukan suatukesalahan dan apabila disabitkan ***hendaklah dihukum denda tidak kurang daripada empat ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

(2) Mahkamah, (melainkan atas apa-apa sebab khas yang difikirkannya patut untuk memerintah selainnya), hendaklah memerintahkan supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

(3) Atas sabitan kali kedua atau kemudiannya di bawah seksyen ini mahkamah hendaklah menjalankan kuasa yang diberikan oleh Bahagian ini dengan memerintahkan supaya pesalah itu hendaklah dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu melainkan jika mahkamah, memandang kepada luputnya masa sejak tarikh sabitan yang dahulu atau sabitan dahulu yang terakhir atau atas apa-apa alasan lain (alasannya hendaklah dinyatakan dalam perintah itu), memikirkan patut untuk memerintahkan selainnya tetapi peruntukan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan hak mahkamah menjalankan kuasa yang tersebut dahulu mengenai sabitan kali pertama.

---

***CATATAN*—Dahulunya “dua belas bulan”–*lihat* Akta A1065.

****CATATAN*—Dahulunya “boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan”–*lihat* Akta A1065.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

**Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah**

**44.** (1) Mana-mana orang yang, semasa memandu sesuatu kenderaan motor di jalan atau tempat awam lain—

*(a)* berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah, setakat yang menyebabkan tidak berdaya mengawal kenderaan itu dengan sepatutnya; atau

*(b)* mempunyai sebegitu banyak alkohol dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan,

dan menyebabkan kematian atau kecederaan kepada mana-mana orang melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, *hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

(3) Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini adalah hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh **tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

---

**CATATAN*—Dahulunya "tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan, dan dalam hal sabitan kali kedua atau yang kemudiannya, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"– *lihat* Akta A1065.

***CATATAN*—Dahulunya "tidak kurang dua belas bulan"–*lihat* Akta A1065.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang masih berkuat kuasa, mahkamah yang di hadapannya seseorang itu dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah memerintahkan penarikan balik segera lesen memandu orang itu dan hendaklah memerintahkan penggantungan lesen itu bermula dari tarikh pertuduhan itu dibacakan pertama kalinya kepada orang itu dan penggantungan itu hendaklah mula berkuat kuasa—

*(a)* sehingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan itu; dan

*(b)* seolah-olah penggantungan itu adalah penggantungan yang disebut dalam seksyen 32.

(5A) Jika lesen memandu orang yang disebut dalam subseksyen (5) itu terkandung di dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna, perintah mahkamah di bawah subseksyen itu hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika butir-butir perintah itu telah dimasukkan ke dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah mengenai lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini dan pemegang lesen memandu itu.

(5B) Walau apa pun subseksyen (5A), Pengarah boleh mengarahkan orang yang disebut dalam subseksyen (5) supaya menyerahkan, dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah, kad atau peranti elektronik pelbagai guna yang di dalamnya lesen memandu itu terkandung kepada Pengarah itu, atau kepada seorang pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, untuk dimasukkan ke dalam data yang tersimpan di dalam kad atau peranti itu butir-butir perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (5), dan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah, selepas membuat pemasukan itu, dengan serta-merta mengembalikan kad atau peranti itu kepada orang itu.

**Keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah**

**45.** (1) Mana-mana orang yang apabila menjaga suatu kenderaan motor yang berada di jalan atau di tempat awam yang lain, tetapi tidak memandu kenderaan itu, tidak layak memandu kerana dia berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah

hingga setakat yang menyebabkannya tidak berdaya menjaga sesuatu kenderaan motor dengan sepatutnya, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi *satu ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan:

Dengan syarat bahawa seseorang hendaklah disifatkan bagi maksud seksyen ini sebagai tidak menjaga sesuatu kenderaan motor jika dia membuktikan—

*(a)* bahawa pada masa material itu hal keadaannya sedemikian rupa bahawa tidak ada kemungkinan baginya memandu kenderaan itu selagi dia masih tidak layak memandu demikian; dan

*(b)* bahawa di antara masa dia menjadi tidak layak untuk memandu dan masa material itu dia telah tidak memandu kenderaan itu di jalan atau tempat awam yang lain.

(2) Atas sabitan kali kedua atau kemudiannya bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika atas sebab khas, mahkamah memikirkan patut untuk memerintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh hilang kelayakan yang lebih lama, dihilangkan kelayakan bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu.

(3) Jika seseorang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini telah dahulunya disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen 44, dia hendaklah, bagi maksud seksyen ini dikira sebagai telah disabitkan dahulunya di bawah seksyen ini.

---

**CATATAN*—Dahulunya "boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau bagi tempoh tidak melebihi satu bulan, dan dalam hal sabitan kali kedua atau yang kemudiannya, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya"–*lihat* Akta A1065.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

**Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan**

**45A.** (1) Mana-mana orang yang, apabila memandu atau cuba memandu sesuatu kenderaan motor atau apabila menjaga sesuatu kenderaan motor di sesuatu jalan atau tempat awam lain, mempunyai sebegitu banyak alkohol di dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda *tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(2) Adalah menjadi pembelaan bagi seseorang yang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) untuk membuktikan bahawa pada masa yang material itu hal keadaan sebegitu rupa sehingga tiada kemungkinan dia memandu kenderaan itu semasa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya masih mungkin melebihi had yang ditetapkan.

(3) Apabila disabitkan bagi kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab khas memikirkan patut diperintah selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu.

---

**CATATAN*—Dahulunya “boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dari dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”–*lihat* Akta A1065.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

**Ujian nafas**

**45B**. (1) Jika seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki—

*(a)* bahawa seseorang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A; atau

*(b)* bahawa seseorang menjadi pemandu atau cuba memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor dalam suatu kemalangan yang melibatkan satu kenderaan atau lebih di sesuatu jalan awam atau tempat awam lain,

maka dia boleh, tertakluk kepada seksyen 45D, menghendaki orang itu supaya mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas.

(2) Seseorang boleh dikehendaki di bawah subseksyen (1) supaya mengadakan spesimen sama ada di tempat atau dekat dengan tempat di mana kehendak itu dibuat atau, jika kehendak itu dibuat di bawah perenggan (1)*(b)* dan pegawai polis yang membuat kehendak itu memikirkan patut, di balai polis yang ditentukan oleh pegawai itu.

(3) Ujian nafas yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dilakukan oleh pegawai polis yang menghendaki ujian itu dibuat atau mana-mana pegawai polis lain.

(4) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda *tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga

---

**CATATAN*—Dahulunya "boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dari, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"–*lihat* Akta A1065.

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(4A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu.

(4B) Walau apa pun subseksyen (4) dan (4A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

(5) Seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam boleh menangkap tanpa waran seseorang jika—

*(a)* disebabkan oleh sesuatu ujian nafas dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing orang itu melebihi had yang ditetapkan; atau

*(b)* orang itu gagal mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini dan pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dia mempunyai alkohol di dalam badannya,

tetapi seseorang tidak boleh ditangkap menurut kuasa subseksyen ini apabila dia berada di hospital sebagai seorang pesakit.

**Pengadaan spesimen bagi analisis**

**45C**. (1) Dalam menjalankan penyiasatan sama ada seseorang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A, seseorang

pegawai polis boleh, tertakluk kepada seksyen ini dan seksyen 45D, menghendakinya—

*(a)* supaya mengadakan dua spesimen nafas bagi analisis melalui alat penganalisis nafas yang ditetapkan; atau

*(b)* supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing bagi suatu ujian makmal,

walaupun dia telah dikehendaki supaya mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas di bawah subseksyen 45B(1).

(2) Kehendak supaya mengadakan spesimen nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dibuat di suatu balai polis.

(3) Ujian nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dilakukan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan atau oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu balai polis dan hanya boleh dilakukan di suatu balai polis.

(4) Kehendak di bawah seksyen ini supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing hanya boleh dibuat di balai polis atau di hospital, tetapi ia tidak boleh dibuat di suatu balai polis melainkan jika—

*(a)* pegawai polis yang menghendakinya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa atas sebab perubatan suatu spesimen nafas tidak dapat diadakan atau tidak patut dikehendaki;

*(b)* pada masa kehendak itu dibuat, alat penganalisis nafas yang ditetapkan itu tidak ada di balai polis itu atau atas apa-apa sebab lain tidak praktik untuk menggunakan alat penganalisis nafas,

dan boleh dibuat walaupun orang yang dikehendaki mengadakan spesimen itu telah mengadakan atau telah dikehendaki mengadakan dua spesimen nafas.

(5) Jika suatu spesimen selain spesimen nafas dikehendaki, pegawai polis yang menghendakinya hendaklah, tertakluk kepada nasihat perubatan, menentukan sama ada ia spesimen darah atau air kencing.

(6) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda *tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(6A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di awah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu.

(6B) Walau apa pun subseksyen (6) dan (6A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

**Perlindungan pesakit hospital**

**45D.** (1) Seseorang yang berada di hospital sebagai pesakit tidak boleh dikehendaki supaya mengadakan suatu spesimen bagi ujian nafas atau mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing bagi ujian makmal melainkan jika pengamal perubatan berdaftar yang bertanggungjawab secara langsung bagi kesnya membenarkannya dan spesimen itu dikehendaki diadakan di hospital itu.

(2) Pengamal perubatan berdaftar yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh membenarkan spesimen diambil jika ia akan memudaratkan penjagaan dan perawatan sempurna pesakit itu.

---

**CATATAN*—Dahulunya "boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dari, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"—*lihat* Akta A1065.

**Penahanan**

**45E.** (1) Seseorang yang dikehendaki mengadakan spesimen nafas, darah atau air kencing boleh selepas itu ditahan di balai polis sehingga ternyata kepada seorang pegawai polis bahawa jika orang itu memandu atau cuba memandu kenderaan motor di jalan pada masa itu dia tidak akan melakukan kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A, tetapi tempoh penahanan itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam.

(2) Seseorang tidak boleh ditahan menurut seksyen ini jika ternyata kepada seorang pegawai polis bahawa oleh sebab keadaannya tidak mungkin dia boleh memandu atau cuba memandu kenderaan motor.

**Keterangan dalam prosiding bagi kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan dan seksyen 45A**

**45F.** (1) Dalam prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 45A, keterangan mengenai kadar alkohol di dalam suatu spesimen nafas, darah atau air kencing yang diadakan oleh tertuduh hendaklah diambil kira dan hendaklah diandaikan bahawa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing tertuduh pada masa kesalahan dikatakan itu tidak kurang daripada yang di dalam spesimen itu; tetapi andaian itu tidak boleh dibuat jika tertuduh membuktikan—

*(a)* bahawa dia mengambil alkohol setelah dia berhenti memandu, cuba memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor di jalan atau tempat awam lain dan sebelum dia mengadakan spesimen itu; dan

*(b)* bahawa jika dia tidak berbuat demikian, kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya tidak akan melebihi had yang ditetapkan dan, jika prosiding itu adalah bagi kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan, kadar alkohol itu tidak sebegitu banyak sehingga menjadikannya tidak daya untuk mengawal kenderaan dengan sepatutnya.

(2) Keterangan mengenai kadar alkohol di dalam suatu spesimen nafas, darah atau air kencing boleh, tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), diberikan dengan mengemukakan dokumen atau dokumen-dokumen yang berupa sebagai sama ada—

*(a)* suatu pernyataan yang dikeluarkan secara automatik oleh suatu alat penganalisis nafas yang ditetapkan dan suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis (yang boleh tetapi tidak semestinya terkandung dalam dokumen yang sama dengan pernyataan itu) bahawa pernyataan itu berhubungan dengan suatu spesimen yang diadakan oleh tertuduh pada tarikh dan masa yang ditunjukkan dalam pernyataan itu; atau

*(b)* suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan kerajaan atau ahli kimia kerajaan tentang kadar alkohol yang terdapat di dalam spesimen darah atau air kencing yang dikenal pasti dalam perakuan itu.

(3) Suatu spesimen darah tidak boleh diambil kira melainkan jika spesimen darah itu telah diambil daripada tertuduh oleh seorang pegawai perubatan kerajaan; dan keterangan bahawa suatu spesimen darah telah diambil sedemikian boleh diberikan dengan mengemukakan suatu dokumen yang berupa sebagai memperakui fakta itu dan ditandatangani oleh seorang pegawai perubatan kerajaan.

(4) Suatu dokumen yang berupa sebagai pernyataan atau perakuan sedemikian, atau kedua-duanya, sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (2) boleh diterima dalam keterangan bagi pihak pendakwa menurut seksyen ini hanya jika suatu salinannya sama ada telah diserahkan kepada tertuduh apabila dokumen itu dikemukakan atau telah disampaikan kepadanya tidak lewat daripada tujuh hari sebelum pendengaran itu, dan mana-mana dokumen lain boleh diterima sedemikian hanya jika suatu salinannya telah disampaikan kepada tertuduh tidak lewat daripada tujuh hari sebelum pendengaran itu; tetapi suatu dokumen yang berupa sebagai sesuatu perakuan (atau sekian banyak daripada suatu dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan) tidak boleh diterima sedemikian jika tertuduh, tidak lewat daripada tiga hari sebelum pendengaran itu atau dalam apa-apa masa selanjutnya yang dibenarkan oleh mahkamah dalam hal keadaan

khas, telah menyampaikan notis kepada pihak pendakwa menghendaki orang yang olehnya dokumen itu berupa sebagai ditandatangani supaya hadir di pendengaran itu.

(5) Jika, pada masa suatu spesimen darah atau air kencing dikehendaki diadakan oleh tertuduh, dia telah meminta supaya diberikan spesimen itu, keterangan mengenai kadar alkohol di dalam spesimen itu tidak boleh diterima bagi pihak pendakwa melainkan jika—

*(a)* spesimen yang di dalamnya alkohol itu didapati adalah satu daripada dua bahagian daripada spesimen yang diadakan oleh tertuduh yang dibahagikan pada masa ia diadakan; dan

*(b)* bahagian yang satu lagi itu diberikan kepada tertuduh.

(6) Suatu salinan perakuan yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disampaikan kepada tertuduh atau notis yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disampaikan kepada pihak pendakwa boleh dihantar sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar.

**Tafsiran seksyen 44 dan 45B hingga 45F**

**45G.** (1) Bagi maksud seksyen 44 dan 45B hingga 45F—

"balai polis" termasuklah mana-mana tempat atau pengangkutan yang dibenarkan atau ditetapkan oleh Ketua Polis Negara untuk digunakan sebagai balai polis;

"gagal" termasuk enggan;

"had yang ditetapkan" ertinya—

*(a)* 35 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas;

*(b)* 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah; atau

*(c)* 107 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing;

"ujian nafas" termasuklah suatu ujian permulaan bagi maksud mendapatkan, dengan menggunakan alat penganalisis nafas yang ditetapkan, tanda sama ada kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing seseorang sama atau melebihi had yang ditetapkan.

(2) Seseorang tidak mengadakan suatu spesimen nafas bagi ujian nafas atau bagi analisis melainkan jika spesimen itu cukup untuk membolehkan ujian atau analisis itu dijalankan dan diadakan dengan cara yang membolehkan tujuan ujian atau analisis itu dicapai dengan memuaskan.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1065*).

**Memandu semasa menghidap penyakit atau ketidakdayaan**

**46.** Jika mana-mana orang memandu sesuatu kenderaan motor semasa dia mengetahui dirinya menghidap suatu penyakit atau ketidakdayaan yang dikira akan menyebabkan pemanduannya akan kenderaan motor itu menjadi suatu punca bahaya kepada orang awam, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

**Menunggang di atas injak-injak dan menghalang pemandu**

**47.** Jika mana-mana orang yang memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang dibawa di atas injak-injak atau selain dalam kenderaan itu sendiri, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang berdiri atau duduk, atau apa-apa benda diletakkan atau dibawa, dalam kenderaan motor dengan apa-apa cara atau dalam apa-apa keadaan sehingga mengganggu pemandu daripada mengawal kenderaan itu, atau hingga menyebabkan bahaya kepada orang lain yang menggunakan jalan, dia melakukan suatu kesalahan.

**Galangan disebabkan kenderaan di jalan**

**48.** (1) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di

mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subseksyen (2), pegawai yang berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya tentang pengapitan roda itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan itu dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(4) Jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subseksyen (2) atau (3), pegawai yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya mengenai pengalihan itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaan itu.

(5) Selepas diterima tuntutan di bawah subseksyen (3) atau (4), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi

pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(6) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucuthakkan dan keempunyaan kenderaan motor itu terletak hak pada Ketua Pengarah.

(7) Seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan, mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau dengan sengaja.

(8) Bagi maksud seksyen ini, “pihak berkuasa yang berkenaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 67.

**Menunggang di belakang pemandu**

**49.** (1) Adalah menyalahi undang-undang membawa lebih daripada seorang selain pemandu atas mana-mana motosikal beroda dua dan juga menyalahi undang-undang bagi seseorang itu dibawa dengan cara yang selain duduk menunggang motosikal itu di belakang pemandu di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

(2) Jika mana-mana orang menggunakan motosikal dengan melanggar seksyen ini, maka dia dan mana-mana orang yang dibawa sedemikian atas motosikal itu melakukan suatu kesalahan.

**Gangguan dan desakan menyalahi undang-undang**

**50.** (1) Jika mana-mana orang, melainkan dengan kuasa yang sah atau sebab yang munasabah, bergantung atau terus bergantung pada, atau masuk ke dalam kenderaan motor semasa kenderaan itu bergerak di mana-mana jalan, bagi maksud ditarik atau dibawa, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika, semasa suatu kenderaan motor berada di jalan atau di tempat letak kereta, mana-mana orang, melainkan dengan kuasa yang sah atau sebab yang munasabah, menaiki atau menggerakkan kenderaan motor itu, atau melepaskan atau mengusik mana-mana brek atau bahagian lain mekanismenya, dia melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika mana-mana orang melainkan dengan kuasa yang sah, berada di atas mana-mana jalan atau di mana-mana tempat letak kereta bagi maksud mendesak mana-mana orang lain berkenaan dengan penjagaan atau pencucian sesuatu kenderaan motor, atau bagi maksud mengarahkan mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor berkenaan dengan meletakkan kereta di atas jalan atau di tempat itu, dia melakukan suatu kesalahan.

**Mengambil kenderaan motor tanpa izin pemunya berdaftar**

**51.** (1) Mana-mana orang yang mengambil dan membawa pergi sesuatu kenderaan motor tanpa izin sama ada pemunya atau kuasa lain yang sah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan di bawah seksyen ini jika dia memuaskan hati mahkamah sama ada dia bertindak dengan kepercayaan semunasabahnya bahawa dia mempunyai kuasa yang sah atau bahawa pemunya itu mengikut hal keadaan kedudukan itu akan memberikan izinnya jika dia diminta sedemikian.

(2) Jika, apabila membicarakan mana-mana orang kerana mencuri sesuatu kenderaan motor, mahkamah berpendapat bahawa tertuduh tidak melakukan kesalahan itu tetapi telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, mahkamah boleh mensabitkan tertuduh itu di bawah seksyen ini.

**Kewajipan berhenti jika berlaku kemalangan**

**52.** (1) Jika dalam apa-apa hal, disebabkan adanya suatu kenderaan motor di sesuatu jalan, suatu kemalangan berlaku, pemandu

kenderaan motor itu hendaklah berhenti dan, jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang mempunyai alasan yang munasabah bagi menghendaki sedemikian, memberikan nama dan alamatnya dan juga nama dan alamat pemunya dan nombor pendaftaran kenderaan motor itu.

(2) Dalam hal sesuatu kemalangan seperti yang tersebut dahulu pemandu kenderaan motor itu dan, jika terdapat lebih daripada satu kenderaan motor, pemandu tiap-tiap kenderaan motor itu, hendaklah melaporkan kemalangan itu di balai polis yang berhampiran sekali dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik dan dalam mana-mana hal dalam tempoh dua puluh empat jam selepas berlakunya kejadian itu, dan hendaklah mengemukakan kepada pegawai yang menjaga balai polis itu lesen memandunya dan, jika dikehendaki sedemikian, perakuan insurans yang dikeluarkan di bawah seksyen 90 Akta ini.

(3) Dalam hal sesuatu kemalangan seperti yang tersebut dahulu pemandu mana-mana kenderaan motor itu hendaklah memberi apa-apa bantuan sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh mana-mana pegawai polis atau warden lalu lintas atau, semasa ketiadaan seorang pegawai polis atau warden lalu lintas, apa-apa bantuan yang semunasabahnya ada dalam kuasa pemandu itu untuk memberinya.

(4) Jika seseorang pegawai polis atau warden lalu lintas mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa seseorang itu—

*(a)* ialah pemandu sesuatu kenderaan motor pada masa kemalangan itu berlaku oleh sebab adanya kenderaan motor itu di suatu jalan;

*(b)* telah melakukan suatu kesalahan berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor di suatu jalan; atau

*(c)* menemani pemegang lesen belajar memandu yang diberikan di bawah Akta ini semasa pemegang itu memandu suatu kenderaan motor dan bahawa suatu kemalangan berlaku yang mana menyebabkan kerosakan atau kecederaan kepada mana-mana orang, harta atau

binatang disebabkan adanya kenderaan motor itu di sesuatu jalan,

pegawai polis atau warden lalu lintas itu boleh menghendaki orang itu mengemukakan untuk diperiksa lesen memandunya dan, perakuan insurans yang berhubungan dengan pengguna kenderaan itu pada masa itu.

(5) Jika mana-mana orang gagal mematuhi seksyen ini dia melakukan suatu kesalahan:

Dengan syarat bahawa seseorang tidak boleh disabitkan bagi suatu kesalahan terhadap subseksyen (2) atau (4) semata-mata oleh sebab kegagalan mengemukakan lesen memandunya atau perakuan insurans jika dalam masa lima hari selepas kemalangan itu atau kehendak di bawah subseksyen (4), dia mengemukakan lesen atau perakuan itu dengan sendiri di mana-mana pejabat polis atau balai polis di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan olehnya pada masa kemalangan itu dilaporkan atau pada masa kehendak di bawah subseksyen (4) itu dibuat.

**Kuasa memerintahkan kehadiran di mahkamah**

**53.** (1) Jika seseorang pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana orang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, dia boleh, sebagai ganti daripada membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan serta-merta menyampaikan kepada orang itu suatu notis dalam borang yang ditetapkan memerintahkan orang itu supaya hadir di hadapan mahkamah Majistret yang berhampiran yang mempunyai bidang kuasa membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(1A) Jika orang yang kepadanya disampaikan notis di bawah subseksyen (1) enggan menerima atau menafikan penerimaan notis itu, notis itu hendaklah dianggap telah disampaikan kepada orang itu pada tarikh penyampaian notis itu.

(2) Jika mana-mana orang yang disampaikan suatu notis sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) gagal hadir

dengan sendiri atau melalui peguam, maka, melainkan jika didapati adalah tidak mungkin semunasabahnya bagi orang itu untuk hadir sedemikian, mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa notis itu telah disampaikan, mengeluarkan suatu waran bagi penangkapan orang itu melainkan dalam hal suatu kesalahan yang boleh dikompaunkan, orang itu telah dibenarkan mengkompaunkan kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis tersebut.

**Notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera**

**53A.** (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, jika seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor dikatakan atau disyaki bersalah melakukan suatu kesalahan yang dirakamkan melalui kamera, seorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik menyampaikan kepada pemunya berdaftar kenderaan motor itu suatu notis memerintahkannya supaya hadir di hadapan Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang akan dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang kepadanya disampaikan suatu notis di bawah subseksyen (1) gagal hadir dengan sendiri atau melalui peguam, maka, melainkan jika didapati adalah tidak mungkin semunasabahnya bagi pemunya berdaftar itu untuk hadir sedemikian, mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa notis itu telah disampaikan, mengeluarkan suatu waran bagi penangkapan pemunya berdaftar itu melainkan jika dalam hal suatu kesalahan yang boleh dikompaun, pemunya berdaftar itu telah dibenarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

*(a)* mengandungi butir-butir yang berikut:

(i) tarikh, masa dan tempat kesalahan dilakukan;

(ii) kesalahan yang dilakukan;

(iii) imej yang dirakamkan mengenai plat nombor pendaftaran kenderaan itu;

(iv) imej yang dirakamkan mengenai kenderaan motor itu; dan

(v) tawaran untuk mengkompaun ataupun permintaan supaya hadir di mahkamah; dan

*(b)* ditandatangani secara digital oleh pihak yang mengeluarkan notis.

(4) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan kesan sepenuhnya seksyen ini dan kaedah-kaedah itu boleh termasuk kaedah-kaedah—

*(a)* untuk mengawal selia prosedur yang berhubungan dengan pelaksanaan seksyen ini;

*(b)* untuk menetapkan jenis kelengkapan dan sistem yang akan digunakan, dan pembaikan, penyenggaraan, penentukuran dan pengujian aparatus atau kelengkapan itu; dan

*(c)* untuk menetapkan jenis papan tanda dan lokasinya.

**Kewajipan untuk mengemukakan nama dan alamat pemandu**

**53B.** (1) Seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang—

*(a)* disampaikan suatu notis di bawah seksyen 53A kepadanya berkenaan dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera; dan

*(b)* bukan pemandu kenderaan yang berkenaan dengannya kesalahan yang dirakamkan melalui kamera pada masa kesalahan itu dilakukan,

hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis, disokong dengan surat kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan notis itu, mengemukakan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang disampaikan kepadanya suatu notis yang berkenaan dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera disifatkan tidak bersalah sekiranya—

*(a)* pemunya berdaftar itu mematuhi subseksyen (1) berhubung dengan kesalahan itu; dan

*(b)* pihak berkuasa yang mengeluarkan notis itu berpuas hati bahawa pemunya berdaftar itu tidak tahu dan tidak boleh dengan usaha wajar memastikan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan itu dilakukan.

(3) Mana-mana pemunya berdaftar kenderaan motor yang dengan salah menamakan orang lain sebagai pemandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan yang dirakamkan melalui kamera berlaku melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kewajipan untuk tidak memberikan, menyiarkan atau mendedahkan maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera**

**53C.** (1) Mana-mana orang yang, kerana apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera tidak boleh memberikan, menyiarkan atau selainnya mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat itu melainkan jika pendedahan itu adalah dikehendaki atau dibenarkan—

*(a)* di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

*(b)* di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

*(c)* oleh mana-mana mahkamah; atau

*(d)* untuk pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera” ertinya apa-apa imej yang dirakam, data, rekod, surat-menyurat atau apa-apa dokumen atau

bahan atau maklumat berhubung dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Pemakaian kepada penunggang sikal kayuh dan basikal elektrik akan peruntukan berhubungan dengan kesalahan memandu yang tertentu**

**54.** (1) Subseksyen 42(1), 43(1), 44(1), 45A(1), 45B(4), 45B(5) dan 45C(6) dengan meninggalkan rujukan mengenai cuba memandu hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, terpakai kepada orang yang menunggang basikal, basikal elektrik dan trisikal yang bukannya kenderaan motor, sebagaimana subseksyen itu terpakai kepada pemandu kenderaan motor, dan rujukan dalam peruntukan itu mengenai kenderaan motor, pemandu dan pemanduan hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(2) Penalti maksimum yang boleh dikenakan ke atas sesuatu sabitan menurut kuasa seksyen ini seperti berikut:

*(a)* dalam hal sesuatu sabitan di bawah seksyen 42, 44, 45A, 45B atau 45C, denda sebanyak tiga ratus ringgit atau, jika sabitan itu sabitan kali kedua atau kemudiannya, denda sebanyak satu ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tiga bulan;

*(b)* dalam hal sesuatu sabitan di bawah seksyen 43, denda sebanyak tiga ratus ringgit atau, jika sabitan itu sabitan kali kedua atau kemudiannya, denda sebanyak satu ribu ringgit.

(3) Dalam menentukan sama ada suatu sabitan di bawah seksyen 42, 43, 44 atau 45A adalah sabitan kali kedua atau sabitan kemudiannya—

*(a)* jika ia suatu sabitan berkaitan dengan pemanduan suatu kenderaan motor, mana-mana sabitan dahulu menurut kuasa seksyen ini hendaklah tidak diambil kira;

*(b)* jika ia suatu sabitan menurut kuasa seksyen ini, mana-mana sabitan dahulu berkaitan dengan pemanduan suatu kenderaan motor hendaklah tidak diambil kira.

**Kewajipan memberhentikan kenderaan apabila diminta**

**55.** Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan hendaklah memberhentikan kenderaan motor itu apabila dikehendaki sedemikian oleh seseorang pegawai polis berpakaian seragam, seseorang warden lalu lintas berpakaian seragam atau seseorang pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam, dan jika dia gagal berbuat demikian maka dia melakukan suatu kesalahan.

*Pelesenan Pemandu dan Konduktor Kenderaan Perkhidmatan Awam, Kenderaan Pekerja dan Kenderaan Barangan*

**Lesen vokasional**

**56.** (1) Tiada seorang pun boleh memandu atau bertindak sebagai seorang konduktor kenderaan perkhidmatan awam di jalan melainkan dia mempunyai lesen vokasional yang diberikan di bawah Bahagian ini bagi maksud tersebut, dan tiada seorang pemunya berdaftar sesuatu kenderaan perkhidmatan awam atau orang lain yang boleh menggajikan atau membenarkan mana-mana orang yang tidak berlesen untuk memandu atau bertindak sebagai seorang konduktor kenderaan perkhidmatan awam semasa kenderaan itu sedang digunakan untuk membawa penumpang untuk mendapatkan sewa atau upah di sesuatu jalan.

(2) Pengarah tidak boleh mengeluarkan lesen vokasional melainkan dia berpuas hati bahawa pemohon bagi lesen itu adalah dalam hal lesen untuk memandu, berumur lebih daripada dua puluh satu tahun dan, dalam hal lesen untuk bertindak sebagai seorang konduktor, lebih daripada lapan belas tahun, dan memenuhi syarat yang lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2A) Suatu lesen vokasional yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh yang dinyatakan dalam lesen vokasional itu melainkan jika lesen vokasional itu terlebih dahulu dibatalkan di bawah subseksyen (4) atau (4A).

(3) Suatu lesen untuk memandu kenderaan perkhidmatan awam boleh dihadkan kepada jenis atau jenis-jenis kenderaan sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu.

(4) Suatu lesen vokasional boleh, pada bila-bila masa, digantung atau dibatalkan oleh Pengarah jika—

*(a)* disebabkan oleh apa-apa penyakit, kelakuan yang ditetapkan atau ketidakupayaan jasmani—

(i) pemegang lesen vokasional itu tidak layak memegang; atau

(ii) tidak sesuai bagi pemegang lesen vokasional itu untuk memegang,

lesen itu; atau

*(b)* pemegang lesen vokasional itu mempunyai perkara atau kes yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran di bawah Akta ini.

(4A) Tanpa menjejaskan subseksyen (4), suatu lesen vokasional yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah—

*(a)* digantung jika lesen memandu yang dikeluarkan di bawah seksyen 27 digantung di bawah seksyen 32, 35 atau 36;

*(b)* dibatalkan jika lesen memandu yang dikeluarkan di bawah seksyen 27 dibatalkan di bawah seksyen 35.

(5) Jika Pengarah menggantung atau membatalkan lesen vokasional di bawah perenggan (4)*(a)*, pemegang lesen vokasional itu boleh merayu kepada Ketua Pengarah dan berdasarkan rayuan itu, Ketua Pengarah boleh, selepas apa-apa siasatan, jika ada, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil dan mana-mana perintah sedemikian hendaklah mengikat Pengarah dan perayu.

(6) Jika mana-mana orang bertindak dengan melanggar subseksyen (1), dia bersalah atas satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(7) Suatu lesen vokasional yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh Akta ini dan berkuat kuasa pada hari ditetapkan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan di bawah Akta ini.

(8) Apa-apa rujukan dalam Bahagian ini kepada suatu lesen yang diberikan di bawah Bahagian ini tidak boleh disifatkan sebagai termasuk rujukan kepada lesen vokasional yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(9) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam seksyen ini, seorang Pengarah boleh mengehadkan tempoh sah suatu lesen vokasional bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen vokasional itu mempunyai perkara atau kes yang belum selesai berhubung dengan apa-apa kesalahan berjadual atau apa-apa pelanggaran lain Akta ini.

**Lesen vokasional bagi kenderaan barangan dan kenderaan pekerja**

**57.** Seksyen 56 hendaklah terpakai bagi kenderaan barangan atau kenderaan pekerja yang ditetapkan oleh Menteri, sebagaimana ia terpakai bagi kenderaan perkhidmatan awam; dan bagi maksud itu rujukan dalam seksyen itu kepada "kenderaan perkhidmatan awam" hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada kenderaan barangan atau kenderaan pekerja tersebut dan tidaklah juga diambil kira perkataan "untuk membawa penumpang dengan sewa atau upah" yang terdapat dalam subseksyen (1) seksyen itu.

*Pelbagai*

**Kewajipan mengemukakan lesen memandu dan perakuan insurans**

**58.** (1) Mana-mana orang yang menjaga sesuatu kenderaan motor di jalan hendaklah, apabila dikehendaki sedemikian oleh mana-mana pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan, mengemukakan perakuan insurans yang dikeluarkan bagi kenderaan itu di bawah seksyen 90:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan dengan suatu kesalahan terhadap seksyen ini semata-mata oleh sebab dia tidak mengemukakan perakuan insurans jika, dalam masa lima hari selepas dikehendaki sedemikian, dia mengemukakan perakuan insurans itu di balai polis sebagaimana yang dinyatakan olehnya pada masa insurans itu dikehendaki.

(2) Mana-mana orang yang menjaga sesuatu kenderaan motor di jalan hendaklah, apabila dikehendaki oleh mana-mana pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan mengemukakan lesen memandunya untuk pemeriksaan oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan atas suatu kesalahan terhadap seksyen ini disebabkan oleh kegagalannya untuk mengemukakan lesen memandunya yang terkandung di dalam kad atau peranti elektronik pelbagai guna kerana kad atau peranti itu disimpan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menyimpannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Jika mana-mana orang gagal mematuhi seksyen ini dia melakukan suatu kesalahan.

**Pertukaran alamat**

**58A.** (1) Tiap-tiap pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor atau pemegang lesen memandu yang bertukar alamat di Malaysia hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari pertukaran itu, menyampaikan kepada Pengarah notis bertulis mengenai pertukaran alamat itu.

(2) Jika pemunya berdaftar kenderaan motor atau pemegang lesen memandu tidak menyampaikan notis mengenai pertukaran alamat dalam tempoh yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), dia hendaklah disifatkan tidak memberitahu Pengarah tentang pertukaran alamat tersebut.

(3) Suatu notis pertukaran alamat di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada dan diterima oleh Pengarah jika—

*(a)* disampaikan secara kendiri, dengan suatu pengakuterimaan penerimaan notis itu;

*(b)* dihantar melalui pos berdaftar prabayar, dengan suatu pengakuterimaan bertulis penerimaan yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah Pejabat Pos 1947 [*MUGN 8436/1947*]; dan

*(c)* dihantar dengan faksimili, dengan suatu pengakuterimaan penerimaan yang menyatakan bahawa notis itu telah dihantar secara keseluruhannya kepada nombor faksimili penerima.

(4) Pengarah hendaklah, setelah diterima notis di bawah subseksyen (1), mengemaskinikan daftar kenderaan motor di bawah seksyen 8 dan daftar pemegang lesen memandu di bawah seksyen 27A.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau memberikan alamat yang tidak lengkap atau alamat yang tidak betul melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa menguji dan melarang penggunaan kenderaan**

**59.** (1) Mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberikan kuasa oleh Ketua Pengarah secara bertulis bagi maksud itu boleh memasuki dan memeriksa mana-mana kenderaan motor yang digunakan dan bagi maksud itu boleh menghendaki mana-mana kenderaan motor diberhentikan, dan boleh menahan mana-mana kenderaan motor selama tempoh yang dikehendaki bagi maksud pemeriksaan itu, dan boleh menghendaki pemandu kenderaan motor itu supaya memandu kenderaan itu ke suatu tempat yang lain bagi maksud pemeriksaan sedemikian dan boleh menjalankan atau

menyebabkan dijalankan atas perbelanjaan pemunya, segala ujian dan pemeriksaan sebagaimana yang difikirkannya patut atau perlu bagi memastikan bahawa kehendak mengenai pembinaan, kelengkapan dan kegunaan yang ditetapkan oleh Akta ini telah dipatuhi berkenaan dengan kenderaan motor itu:

Dengan syarat bahawa tiada kenderaan motor boleh ditahan di bawah seksyen ini bagi suatu tempoh yang lebih dari empat puluh lapan jam atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan dengan bertulis oleh Ketua Pengarah dalam suatu hal tertentu.

(2) Jika, atas pemeriksaan itu, pegawai pengangkutan jalan itu berpendapat bahawa, oleh sebab apa-apa kecacatan di dalamnya yang adalah kecacatan yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah sebagai kecacatan serius, kenderaan motor itu tidak layak atau mungkin menjadi tidak layak untuk digunakan, atau penggunaannya itu adalah merbahaya atau mungkin mendatangkan bahaya melainkan jika kecacatan itu dibaiki, dia boleh melarang penggunaan kenderaan motor itu:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat pegawai pengangkutan jalan itu, kecacatan itu yang boleh dibaiki dalam suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh hari dan bukannya kecacatan yang melibatkan risiko serta-merta kepada orang yang menggunakan kenderaan motor itu atau kepada orang yang menggunakan jalan, maka larangan itu tidak boleh berkuat kuasa sebelum tamat tempoh itu.

(3) Jika, di bawah subseksyen (2), pegawai pengangkutan jalan itu melarang penggunaan kenderaan motor seperti yang tersebut dahulu, dia hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis mengenai larangan itu kepada pemunya berdaftar kenderaan motor itu, kepada orang yang menjaga kenderaan motor itu dan kepada Pengarah bagi kawasan pendaftaran di mana kenderaan motor itu didaftarkan.

(4) Dalam hal sesuatu larangan atas alasan kecacatan sebagaimana yang dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen (2), notis yang diberikan di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan tempoh dalam mana kecacatan itu boleh pada pendapat pegawai itu dibaiki.

(5) Suatu perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (2) yang telah berkuat kuasa boleh dihapuskan oleh mana-mana pegawai

pengangkutan jalan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah secara bertulis bagi maksud itu jika dia berpuas hati bahawa kenderaan motor itu layak untuk digunakan dan bagi maksud ini dia boleh menghendaki supaya suatu pemeriksaan dijalankan.

(6) Jika seorang pegawai menarik balik atau menghapuskan sesuatu larangan, dia hendaklah memberi notis mengenai hal penarikan balik atau penghapusan itu kepada pemunya berdaftar kenderaan motor itu dan kepada Pengarah bagi kawasan pendaftaran di mana kenderaan motor itu didaftarkan.

(7) Jika suatu perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (2) telah berkuat kuasa, mana-mana pegawai yang membuat perintah itu boleh menyebabkan dipisahkan dan ditanggalkan daripada kenderaan motor yang dimaksudkan oleh perintah larangan itu, plat nombor pendaftaran dan apa-apa plat pengenalan lain atau apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini, dan menyimpannya. Apabila larangan itu ditarik balik atau dihapuskan plat nombor dan lesen itu hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen atau kepada orang yang menjaga kenderaan itu.

(8) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan mana-mana pegawai pengangkutan jalan untuk menarik balik atau menghapuskan sesuatu perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (2), boleh merayu kepada Ketua Pengarah, yang hendaklah menimbangkan rayuan itu dan, jika dikehendaki sedemikian, mendengar pihak merayu berhubungan dengan rayuan itu, atau, mengikut budi bicara Ketua Pengarah, mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh pihak merayu untuk mewakilinya. Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut mengenai rayuan itu.

(9) Jika mana-mana orang melanggar atau gagal mematuhi subseksyen (1), atau menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan motor pada bila-bila masa semasa suatu perintah larangan di bawah subseksyen (2) berkuat kuasa berhubungan dengan kenderaan motor itu, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi sabitan kali kedua atau kemudiannya didenda tidak melebihi lima ribu ringgit

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa menahan kenderaan untuk pemeriksaan**

**60.** (1) Jika mana-mana pegawai polis berpakaian seragam mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa peruntukan mengenai pembinaan, kelengkapan dan kegunaan yang ditetapkan oleh Akta ini telah tidak dipatuhi bagi mana-mana kenderaan motor, dia boleh menghendaki kenderaan itu diberhentikan dan boleh menghendaki pemandu kenderaan itu memandunya ke suatu tempat lain, dan kenderaan itu boleh, jika perlu, ditahan oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau mana-mana pegawai polis yang menjaga sesuatu balai polis bagi maksud pemeriksaan oleh seorang pegawai polis atau oleh seorang pegawai pengangkutan jalan atau seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah Akta ini bagi maksud memastikan bahawa peruntukan itu telah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa tiada kenderaan motor boleh ditahan di bawah seksyen ini bagi suatu tempoh yang lebih dari lima hari bekerja.

(2) Jika, atas pemeriksaan itu, seseorang pegawai pengangkutan jalan berpendapat bahawa, oleh sebab apa-apa kecacatan di dalamnya, yang adalah kecacatan yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah sebagai kecacatan serius, kenderaan motor itu tidak layak atau mungkin menjadi tidak layak untuk digunakan, atau penggunaannya itu adalah merbahaya atau mungkin mendatangkan bahaya melainkan jika kecacatan itu dibaiki, dia boleh melarang penggunaan kenderaan motor itu:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat pegawai pengangkutan jalan itu, kecacatan itu boleh dibaiki dalam apa-apa tempoh yang tidak melebihi sepuluh hari dan bukannya kecacatan yang melibatkan risiko serta-merta kepada orang yang menggunakan kenderaan motor itu atau kepada orang yang menggunakan jalan, larangan itu tidak boleh berkuat kuasa sebelum tamat tempoh itu.

(3) Subseksyen 59(3) hingga (9) adalah terpakai bagi seksyen ini dalam hal jika suatu perintah larangan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (2).

**Kuasa memerintahkan pengemukaan kenderaan motor dan lesen**

**61.** (1) Seorang Ketua Pegawai Polis atau seorang pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, boleh dengan notis bertulis, menghendaki pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor itu mengemukakan untuk pemeriksaan atas perbelanjaan pemunya berdaftar, pada masa dan tempat yang sesuai sebagaimana dinyatakan dalam notis itu, kenderaan motor itu serta lesen dan perakuan pendaftaran yang berhubungan dengannya, dan pemunya berdaftar itu hendaklah mengemukakan kenderaan, lesen dan perakuan pendaftaran itu mengikut terma notis tersebut.

(2) Notis itu boleh disampaikan kepada pemunya berdaftar atau pekhidmat atau ejennya atau boleh dihantarkan dengan pos berdaftar ke alamat yang terkandung dalam daftar kenderaan motor yang disimpan di bawah Bahagian ini.

(3) Jika mana-mana pemunya berdaftar yang dikehendaki di bawah seksyen ini untuk mengemukakan mana-mana kenderaan motor atau lesen atau perakuan pendaftaran gagal berbuat demikian, dia melakukan suatu kesalahan, melainkan jika dia membuktikan bahawa, oleh sebab kerosakan jentera kenderaan itu atau apa-apa sebab lain yang mencukupi, kenderaan motor atau lesen atau perakuan pendaftaran itu tidak dapat dikemukakan.

**Kuasa memasuki dan menggeledah premis**

**62.** (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau mana-mana pegawai yang menjaga sesuatu balai polis atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, bagi maksud memeriksa kenderaan motor itu, pada bila-bila masa memasuki mana-mana tempat di mana dia mengesyaki ada sesuatu kenderaan motor disimpan yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab bagi

mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau mana-mana pegawai yang menjaga sesuatu balai polis boleh, pada menjalankan suatu penyiasatan ke atas apa-apa kemalangan atau kejadian yang menyebabkan kematian atau cedera teruk kepada mana-mana orang, yang berhubungan dengannya suatu kenderaan motor disyaki terlibat, memasuki mana-mana tempat untuk menggeledah dan memeriksa kenderaan motor itu.

(3) Dalam seksyen ini, "cedera parah" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam seksyen 320 Kanun Keseksaan.

**Penimbangan kenderaan**

**63.** (1) Maka adalah sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh seorang Ketua Pegawai Polis atau Pesuruhjaya Polis, mana-mana warden lalu lintas yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya, mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, mana-mana pegawai Jabatan Kerja Raya yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Kerja Raya atau Pengarah Kerja Raya Negeri, atau mana-mana pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, menghendaki orang yang menjaga mana-mana kenderaan motor membenarkan kenderaan motor itu ditimbang oleh pegawai itu atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk menjalankan penimbangan, sama ada dengan muatan atau tanpa muatan, dan berat yang dipindahkan pada jalan oleh mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang bersentuh dengan jalan yang akan diuji dan, bagi maksud itu, hendaklah dengan serta-merta membawa kenderaannya ke mesin penimbang, dan jika mana-mana orang yang menjaga mana-mana kenderaan motor enggan atau cuai mematuhi mana-mana kehendak itu, atau memindahkan muatannya atau mana-mana bahagiannya sebelum kenderaan motor itu ditimbang, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dikehendaki sedemikian oleh orang yang menjaga kenderaan motor itu, pegawai atau orang yang diberi kuasa tersebut hendaklah, apabila kenderaan itu selesai ditimbang, mengeluarkan kepada orang itu suatu pendua atau salinan perakuan berat berkenaan dengan penimbangan itu:

Dengan syarat bahawa adalah tidak sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai atau orang itu menghendaki orang yang menjaga kenderaan motor itu menurunkan muatan kenderaan motor itu bagi maksud ditimbang tanpa muatan.

**Kuasa menyita kenderaan motor**

**64.** (1) Apabila mana-mana orang didapati atau dengan semunasabahnya dipercayai menggunakan sesuatu kenderaan motor dengan melanggar Akta ini atau apa-apa perintah atau larangan yang dibuat di bawahnya, atau dengan melanggar terma lesen bagi kenderaan motor itu, mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, atau Dato Bandar boleh, pada bila-bila masa didapati bahawa kenderaan motor itu atau pemandunya tidak dapat dikenal pasti dengan secukupnya atau bahawa tindakan itu perlu untuk mengelakkan berlakunya lagi kesalahan itu, membawa atau menyebabkan dibawa atau menghendaki orang yang menjaga suatu kenderaan motor membawa kenderaan motor itu ke suatu tempat yang selamat, dan disimpan di situ sehingga dilepaskan dengan perintah Majistret, Ketua Pegawai Polis, Pengarah atau Dato Bandar, dengan syarat dan tertakluk kepada subseksyen (3), kenderaan motor itu tidak boleh ditahan lebih lama dari yang diperlukan bagi memastikan identiti pemandu itu atau bagi menjamin tidak berlakunya lagi kesalahan itu, dan jika mana-mana orang enggan atau cuai mematuhi mana-mana kehendak itu, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang mengalih atau yang menyebabkan dialih kenderaan motor itu daripada tempat yang selamat melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana kenderaan yang telah dialih menurut subseksyen (1), boleh ditahan di suatu tempat yang sesuai dan ditinggal di situ atas risiko pemunyanya sehingga apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini bagi pengalihan dan penahanannya dibayar.

(4) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang menahan kenderaan itu hendaklah dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik, memberikan notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahui olehnya dan jika dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penahanannya kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunyanya, pegawai itu hendaklah merujukkan perkara itu kepada Majistret, yang hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pelucuthakan atau pelupusan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada).

(5) Jika sesuatu kenderaan motor yang ditahan mempunyai muatan mudah musnah dan penyimpanan muatan itu sementara menunggu pemberesan muktamad pelucuthakan atau perintah pelupusan di bawah subseksyen (4) melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah, Pengarah boleh mengarahkan supaya muatan itu dijual atau dilupuskan pada bila-bila masa dan hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

**Memindahkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan**

**65.** (1) Seorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau syarikat konsesi yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh menghendaki pemunya, pemandu atau orang lain yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan motor yang telah, akibat daripada suatu kemalangan atau apa-apa sebab lain, rosak atau telah dibenarkan untuk berhenti di sesuatu jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan yang mungkin menyebabkan galangan, bahaya atau kesusahan kepada orang lain yang menggunakan jalan itu, supaya mengalihkan atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu daripada jalan tersebut ke mana-mana

jalan lain atau mana-mana kedudukan atau tempat sebagaimana yang dinyatakan.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apabila dikehendaki mengalihkan sesuatu kenderaan motor di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika mana-mana kenderaan yang telah, akibat daripada suatu kemalangan atau apa-apa sebab lain, rosak atau telah dibenarkan untuk berhenti di sesuatu jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan yang mungkin menyebabkan galangan, bahaya atau kesusahan kepada orang lain yang menggunakan jalan itu, seorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau syarikat konsesi yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh menyebabkan kenderaan motor itu dialihkan ke suatu tempat yang sesuai dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunyanya dan boleh menahannya sehingga apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini bagi pengalihan dan penahanannya dibayar.

(4) Fi di bawah subseksyen (3) hendaklah dibayar kepada—

*(a)* Ketua Pegawai Polis, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai polis;

*(aa)* pegawai pengangkutan jalan, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai pengangkutan jalan;

*(b)* Dato Bandar, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang warden lalu lintas atau mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi kuasa secara bertulis oleh Dato Bandar;

*(c)* Perbadanan Putrajaya jika yang menyebabkan kenderan motor itu dialih ialah seorang warden lalu lintas atau mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Perbadanan Putrajaya;

*(d)* Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang

pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia; atau

*(e)* syarikat konsesi, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai syarikat konsesi yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

(5) Seseorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Perbadanan Putrajaya atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau lekapan atau kandungannya semasa ia dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan cuai atau bersengaja.

(6) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai yang menahan kenderaan motor itu hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah memberi notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahuinya, dan jika kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunya dalam masa tiga bulan dari tarikh penahanannya, pegawai itu boleh, selepas memberikan satu bulan notis di dalam *Warta* mengenai niatnya hendak berbuat demikian, menjualkan dengan cara lelong awam atau selainnya melupuskan kenderaan motor itu dan muatannya (jika ada); dengan syarat bahawa tiada apa-apa notis sedemikian perlu diberikan dalam hal apa-apa muatan jenis mudah musnah. Hasil, jika ada, daripada jualan atau pelupusan itu hendaklah dipakai untuk pembayaran apa-apa fi yang dikenakan di bawah Akta ini dan lebihnya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya kenderaan motor itu atau jika tidak dituntut oleh orang itu dalam masa dua belas bulan selepas tarikh jualan atau pelupusan itu, hendaklah dilucut hak pada Kerajaan Persekutuan, Dato Bandar, atau Perbadanan Putrajaya, atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Tanpa menjejaskan kuasa Menteri di bawah perenggan 66(1)*(f)*, Dato Bandar, atau Perbadanan Putrajaya, atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, boleh, selepas berunding dengan

Menteri, melalui kaedah-kaedah mengenakan fi bagi pengalihan mana-mana kenderaan daripada mana-mana jalan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bagi penahanannya menurut seksyen ini.

(8) Bagi maksud seksyen ini, "syarikat konsesi" ertinya mana-mana syarikat yang diberi kuasa untuk menuntut, mengutip dan mendapatkan bayaran tol di bawah perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*].

**Kaedah-kaedah**

**66.** (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi apa-apa maksud di mana kaedah-kaedah boleh dibuat di bawah Bahagian ini dan bagi menetapkan apa-apa yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini dan pada amnya mengenai pembinaan, penyenggaraan, penggunaan, usia dan kelengkapan kenderaan-kenderaan motor dan syarat yang menurutnya kenderaan motor itu boleh digunakan, dan selainnya bagi maksud menguatkuasakan Bahagian ini dan khususnya, tetapi dengan tidak menjejaskan keluasan makna peruntukan yang terdahulu, boleh membuat kaedah-kaedah—

*(a)* bagi mengawal selia lebar, tinggi, tapak roda, panjang, unjuran dan berat gandar kenderaan motor dan muatan yang dibawa olehnya; garis pusat roda dan lebarnya; jenis dan keadaan tayar; dan bagi melarang penggunaan apa-apa roda, runut atau tayar yang mungkin menyebabkan kerosakan pada jalan-jalan;

*(b)* bagi mengawal, berhubungan dengan penggunaan kenderaan-kenderaan motor, pengeluaran asap, benda berminyak, abu, air, stim, wap boleh nampak, wasap berbahaya, bunga api, bara mati, gas atau kersik;

*(c)* bagi melarang bunyi yang berlebihan disebabkan oleh reka bentuk atau keadaan kenderaan motor atau disebabkan oleh penggunaan atau muatannya;

*(d)* bagi mengawal selia berat maksimum tanpa muatan bagi traktor berat dan motokar berat, dan berat maksimum

dengan muatan kenderaan motor dan berat maksimum yang dipindahkan pada jalan atau mana-mana jalan tertentu atau mana-mana kawasan tertentu sesuatu jalan oleh sesuatu kenderaan motor daripada apa-apa kelas atau jenis, atau oleh mana-mana bahagian kenderaan itu yang bersentuhan dengan jalan, dan syarat-syarat yang menurutnya berat kenderaan itu mungkin dikehendaki diuji;

*(e)* bagi menetapkan butir-butir yang hendak ditandakan pada kenderaan motor;

*(f)* (*Dipotong oleh Akta A1391*);

*(g)* bagi menentukan bilangan dan jenis spring dan brek yang hendak dilengkapkan pada kenderaan motor, dan bagi memastikan bahawa spring, brek, penyenyap dan gear stereng adalah cekap dan dijaga dalam keadaan dapat berfungsi dengan sepatutnya;

*(h)* bagi mengawal selia perkakas yang hendak dipasang untuk memberi isyarat tentang ketibaan kenderaan motor atau untuk membolehkan pemandu kenderaan itu sedar akan kenderaan lain yang datang daripada belakang, atau untuk menunjukkan apa-apa perubahan kelajuan atau arah kenderaan motor itu, bagi mengawal selia atau melarang penggunaan mana-mana perkakas itu dan bagi menjamin bahawa kenderaan itu adalah cekap dan dijaga dalam keadaan dapat berfungsi dengan sepatutnya;

*(i)* bagi melarang, berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor, penggunaan apa-apa perkakas, perkakas tambahan atau jentera, atau perlakuan apa-apa perbuatan, yang mungkin menyebabkan kegusaran atau bahaya;

*(j)* bagi mengawal selia lampu yang dikehendaki dibawa oleh kenderaan motor sama ada mengenai jenis lampu itu, kedudukan di mana lampu itu hendak dipasangkan, dan waktunya bila lampu itu kena dipasang, atau selainnya;

*(k)* bagi mengawal selia bilangan treler yang boleh dipasang berderet pada mana-mana kenderaan motor, cara

pemasangan, cara bagaimana treler itu boleh dapat dikawal dan berat maksimumnya;

*(l)* bagi menetapkan bilangan orang yang diambil kerja bagi memandu atau menjaga kenderaan motor, dan bagi mengawal selia tugas dan kelakuan orang itu;

*(m)* (*Dipotong oleh Akta A1391*);

*(n)* bagi menetapkan had laju maksimum bagi kenderaan motor daripada apa-apa kelas atau jenis dan bagi memperuntukkan pengecualian dalam hal khas;

*(o)* bagi mengawal selia pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor, bagi menetapkan kawasan pendaftaran dan bagi menguntukkan tanda pengenalan bagi tiap-tiap satu kawasan itu, bagi menetapkan borang permohonan dan akuan untuk, dan kandungan bagi, lesen kenderaan motor dan lesen perdagangan motor, bagi menetapkan fi yang dikenakan baginya dan cara pembayarannya, dan bagi mengadakan kemudahan khas bagi pelesenan kenderaan motor yang dibawa masuk ke dalam Malaysia;

*(p)* bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pemberian butir-butir pendaftaran dan fi yang akan dibayar bagi butir-butir itu;

*(q)* bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penyerahan balik lesen yang menjadi tidak sah dengan cara lain daripada keluputan masa;

*(r)* bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pengeluaran suatu perakuan pendaftaran bagi pendaftaran mana-mana kenderaan motor dan bagi penyerahan balik, pemindahan milik, pengemukaan dan pemeriksaan mana-mana perakuan pendaftaran yang dikeluarkan sedemikian oleh orang yang ditetapkan, dan bagi pengeluaran perakuan pendaftaran baru dan lesen kenderaan motor baru menggantikan mana-mana perakuan pendaftaran atau lesen yang hilang, cacat atau musnah, dan bagi fi yang akan dibayar apabila perakuan atau lesen itu dikeluarkan;

*(s)* bagi menetapkan saiz, bentuk dan huruf nombor pendaftaran dan tanda yang hendak diperagakan pada mana-mana kenderaan motor dan cara bagaimana nombor pendaftaran atau tanda itu hendak dipasang, diperagakan, disuar dan dijadikan mudah dicamkan, sama ada pada waktu malam atau pada waktu siang, dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan nombor pendaftaran yang berlainan atau tanda lain yang hendak dibawa oleh kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan, atau oleh kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan yang dilesenkan bagi suatu maksud tertentu;

*(t)* bagi menghendaki mana-mana orang yang kepadanya mana-mana kenderaan motor dijual atau dilupuskan memberikan butir-butir yang ditetapkan mengikut cara yang ditetapkan;

*(u)* bagi menetapkan borang permohonan dan butir-butir yang hendak dimasukkan ke dalam permohonan bagi suatu lesen perdagangan motor dan tanda pengenalan yang hendak dibawa oleh mana-mana kenderaan motor yang digunakan di bawah lesen itu dan bagi menentukan maksud yang pemegang lesen perdagangan motor itu boleh menggunakan suatu kenderaan motor di bawah lesen itu;

*(v)* bagi meluaskan mana-mana peruntukan mengenai pendaftaran, dan peruntukan yang bersampingan dengan mana-mana peruntukan sedemikian, pada mana-mana kenderaan motor yang berkenaan dengannya fi di bawah Akta ini tidak kena dibayar (termasuk kenderaan motor yang dipunyai oleh Kerajaan), dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pengenalan mana-mana kenderaan motor itu;

*(w)* bagi menghendaki Pengarah membuat penyata yang ditetapkan berkenaan dengan kenderaan motor yang didaftarkan dengan mereka, dan untuk membolehkan apa-apa butir yang terkandung dalam daftar dapat digunakan oleh orang yang ditetapkan;

*(x)* bagi mengecualikan dengan atau tanpa syarat mana-mana orang atau kumpulan orang atau mana-mana kenderaan motor atau jenis kenderaan motor daripada kuat kuasa segala atau mana-mana peruntukan Bahagian ini atau daripada fi yang kena dibayar di bawahnya, atau bagi mengurangkan fi itu;

*(y)* bagi mengawal selia pemberian lesen memandu, bagi menetapkan borang permohonan untuk lesen itu dan bentuk serta kandungan lesen tersebut, bagi menetapkan syarat yang hendak dikenakan terhadapnya, bagi menetapkan fi yang dikenakan baginya dan cara pembayarannya;

*(z)* berkenaan dengan—

(i) jenis ujian kekompetenan memandu;

(ii) bukti mengenai keputusan ujian itu;

(iii) penyakit dan ketidakdayaan yang mengenainya seseorang pemohon lesen memandu tidak berhak menuntut supaya dikenakan ujian mengenai kelayakan dan kebolehannya untuk memandu;

(iv) fi yang dikenakan bagi ujian itu dan cara pembayarannya;

*(aa)* bagi menghendaki seseorang yang mengemukakan dirinya untuk ujian kekompetenan memandu menyediakan suatu kenderaan motor bagi maksud ujian itu;

*(bb)* bagi memastikan bahawa orang yang mengemukakan dirinya untuk ujian kekompetenan memandu dan yang tidak lulus ujian itu tidak boleh mengemukakan dirinya untuk suatu ujian lain sebelum habis sesuatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan, kecuali di bawah suatu perintah yang dibuat oleh mahkamah menurut kuasa yang diberikan oleh subseksyen 29(5);

*(cc)* bagi mengadakan kemudahan khas mengenai pemberian lesen memandu kepada orang yang tidak bermastautin dengan tetap di Malaysia atau di Republik Singapura dan

bagi mengetepikan kehendak seksyen 29 dalam hal mana-mana orang itu;

*(dd)* bagi mengadakan peruntukan supaya Pengarah berhubung antara satu sama lain, dan dengan Pengarah atau orang yang menjalankan fungsi yang sama di Republik Singapura, mengenai butir-butir lesen memandu; bagi mengadakan peruntukan supaya pada bila-bila masa butir-butir mengenai mana-mana orang yang dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen atau yang lesennya digantung atau diendorskan boleh didapatkan untuk kegunaan polis, bagi menghalang seseorang memegang lebih daripada satu lesen memandu, bagi memudahkan pengenalan pemegang lesen memandu, bagi mengadakan peruntukan mengenai pemberian suatu lesen baru menggantikan lesen yang hilang atau rosak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai pembayaran apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan dan pada amnya berkaitan dengan lesen memandu;

*(ee)* bagi mengadakan peruntukan mengenai pengawalan sekolah atau penetapan bagi pengajaran pemandu kenderaan motor;

*(ff)* bagi menghendaki tali pinggang keledar dipasangkan pada sesuatu kelas atau jenis kenderaan motor sebagaimana yang dinyatakan, bagi menetapkan standard minimum tentang kualiti bahan dan pembuatan berkenaan dengan tali pinggang keledar dan tempat di mana tali pinggang keledar itu hendak dipasang, bagi menghendaki penggunaan tali pinggang keledar itu dan bagi melarang penjualan atau pembekalan tali pinggang keledar tersebut;

*(gg)* tanpa menjejaskan Akta ini, bagi memperkenalkan suatu sistem di mana apa-apa kesalahan tertentu di bawah Akta ini, yang dilakukan (termasuk kesalahan yang boleh dikompaun) oleh mana-mana orang yang memegang apa-apa kelas lesen memandu, direkodkan dengan mengendorskan pada lesen memandunya atau selainnya dan bagi mengadakan peruntukan mengenai penggantungan orang itu daripada memandu apa-apa atau

segala kelas kenderaan motor selepasnya bagi sesuatu tempoh;

*(hh)* bagi mengenakan caj bagi pengalihan suatu kenderaan motor daripada mana-mana jalan dan bagi penahanan kenderaan motor itu;

*(ii)* bagi menetapkan bilangan orang yang boleh dibawa atas mana-mana kenderaan motor (selain kenderaan komersial);

*(jj)* bagi menetapkan tatacara berhubungan dengan tender nombor pendaftaran;

*(kk)* bagi mengawal selia penggunaan apa-apa jenis bahan api yang digunakan bagi maksud menggerakkan kenderaan motor;

*(ll)* bagi menetapkan tatacara berhubungan dengan penimbangan kenderaan motor dan jenis alat penimbang yang digunakan selepas perundingan dengan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat;

*(mm)* bagi menetapkan tatacara berhubungan dengan penggunaan dan pengujian alat penganalisis nafas dan tatacara berhubungan dengan ujian darah dan air kencing pemandu kenderaan motor dan jenis alat penganalisis nafas yang hendak digunakan;

*(nn)* bagi mengawal selia penarikan pendaftaran kenderaan motor yang tidak sesuai dibaiki oleh kerana kemalangan dahsyat, usia tua atau sebab lain atau jika nombor casis kenderaan motor itu telah diusik;

*(oo)* bagi mengawal selia pengubahan dan pengubahsuaian kepada kenderaan motor berdaftar;

*(pp)* bagi menetapkan jenis kelulusan apa-apa model kenderaan motor yang baru dan bagi mengawal selia kualiti pembuatan dan pemasangan kenderaan motor dan mekanisme pemanggilan kembali;

*(qq)* bagi mengawal selia penjalanan apa-apa fungsi Pengarah oleh mana-mana orang yang diberi kuasa untuk melakukannya di bawah Akta ini;

*(rr)* bagi mengadakan peruntukan bagi penggunaan pengapit roda atau kelengkapan lain berkenaan dengan kesalahan meletak kereta tertentu, jenis pengapit roda atau kelengkapan lain yang hendak digunakan, cara penggunaannya dan fi yang akan dikenakan berkenaan dengan penahanan sesuatu kenderaan motor berbangkit daripada penggunaan pengapit roda;

*(ss)* bagi menetapkan apa-apa bahan sebagai dadah bagi pengertian dan maksud Akta ini.

(2) *(a)* Menteri dalam menetapkan fi yang hendak dikenakan bagi pelesenan kenderaan motor di bawah perenggan (1)*(o)* boleh menetapkan—

(i) kadar fi yang berlainan bagi kelas kenderaan yang berlainan;

(ii) bahawa pembayaran fi yang tersebut dahulu berkenaan dengan kenderaan motor selain bas berhenti-henti, bas ekspres dan bas carter boleh dikaitkan dengan keupayaan enjin kenderaankenderaan itu; dan

(iii) bahawa pembayaran fi yang tersebut dahulu berkenaan dengan bas berhenti-henti, bas ekspres dan bas carter boleh dikaitkan pertamanya dengan keupayaan enjin bas-bas itu, dan keduanya dengan keupayaan muatan tempat duduk bas itu atau penerimaan kutipan kasar semasa suatu tempoh yang ditetapkan berkaitan dengan tambang yang dikenakan ke atas penumpang bas itu.

*(b)* Fi yang ditetapkan di bawah subperenggan *(a)*(iii) subseksyen ini yang berhubungan dengan penerimaan kutipan kasar hendaklah genap masa dan kena dibayar dalam suatu tempoh yang ditetapkan dan hendaklah bagi maksud perenggan 17(1)*(c)* tidak boleh diambil kira sebagai fi yang ditetapkan.

(3) *(a)* Bagi maksud menentukan fi yang kena dibayar mengikut subperenggan (2)*(a)*(iii), yang berhubungan dengan penerimaan kutipan kasar, Pengarah boleh menerima rekod pemegang suatu lesen yang dikehendaki disenggarakan dan dikemukakan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 sebagai bukti yang cukup bagi perkara yang terkandung di dalamnya dan fi yang kena dibayar boleh ditaksirkan oleh Pengarah dengan sewajarnya.

*(b)* Jika kemudiannya didapati bahawa rekod yang disebut sebelumnya dalam perenggan *(a)* subseksyen ini mengandungi apa-apa maklumat yang tidak benar berhubungan dengan apa-apa perkara yang menyentuh kesemua atau mana-mana bahagian fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen mengikut subperenggan (2)*(a)*(iii), maka adalah sah di sisi undang-undang bagi Pengarah jika kesemua atau mana-mana bahagian fi itu telah terkurang dibayar untuk menghendaki supaya pemegang itu hendaklah membayar kekurangan itu tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain bagi mendapatkan kembali fi yang kena dibayar.

*(c)* Maka adalah sah bagi Pengarah jika dibuktikan sehingga memuaskan hatinya bahawa apa-apa fi yang kena dibayar mengikut subperenggan (2)*(a)*(iii) telah terlebih dibayar, untuk membayar balik fi yang lebih dibayar itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa bayaran balik sedemikian boleh dibenarkan melainkan jika tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam masa dua tahun selepas bayaran itu dibuat.

*(d)* Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain, apa-apa fi yang kena dibayar mengikut subperenggan (2)*(a)*(iii) boleh didapatkan kembali oleh Menteri sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

## BAHAGIAN IIA

## PEMERIKSAAN BERKALA KENDERAAN MOTOR

**Perakuan Pemeriksaan dikehendaki bagi kenderaan motor tertentu**

**66A.** (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan motor yang

tergolong dalam kelas atau kategori kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala di bawah Bahagian ini melainkan jika ada berkuat kuasa suatu perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kenderaan motor itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Kenderaan yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala**

**66B.** (1) Menteri boleh melalui kaedah-kaedah menentukan kelas atau kategori kenderaan yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala di bawah Bahagian ini bagi maksud menentukan bahawa kenderaan itu mematuhi kehendak-kehendak mengenai pembinaan, kelengkapan dan penggunaan dan frekuensi pemeriksaan itu berkenaan dengan kelas atau kategori tertentu kenderaan.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi sesuatu kenderaan motor yang telah tidak digunakan di bawah seksyen 15.

**Pengeluaran dan penolakan perakuan pemeriksaan**

**66C.** (1) Jika, atas pemeriksaan, sesuatu kenderaan motor adalah didapati mematuhi kehendak mengenai pembinaan, kelengkapan dan penggunaan sesuatu kenderaan motor, orang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah Akta ini hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pemeriksaan berkenaan dengan kenderaan motor itu menyatakan bahawa kenderaan motor itu telah lulus pemeriksaan pada tarikh pemeriksaan.

(2) Jika suatu perakuan pemeriksaan ditolak, orang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah Akta ini hendaklah menyatakan alasan bagi penolakan itu.

(3) Seseorang yang terkilan dengan penolakan itu boleh merayu kepada Ketua Pengarah, dan atas rayuan itu, Ketua Pengarah

hendaklah menyebabkan suatu pemeriksaan semula dijalankan atas perbelanjaan orang yang terkilan itu dan selepas pemeriksaan semula itu boleh menyebabkan dikeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan suatu perakuan pemeriksaan.

(4) Keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) adalah muktamad.

**Mempamerkan perakuan pemeriksaan**

**66D**. (1) Tiap-tiap perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah seksyen 66C hendaklah dilekatkan dan dipamerkan pada kenderaan motor yang berkenaan dengannya ia dikeluarkan mengikut apa-apa cara dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.

(2) Tiada seorang pun boleh (sama ada secara bertulis, melukis atau dengan apa-apa cara lain) mengubah, mencacatkan, merosakkan, atau menambah apa-apa kepada mana-mana perakuan pemeriksaan, atau tiada mana-mana orang pun boleh mempamerkan pada mana-mana kenderaan motor apa-apa perakuan pemeriksaan yang telah diubah, dicacatkan, dirosakkan atau ditambah seperti yang tersebut dahulu, atau yang padanya angka atau butir-butir telah tidak boleh dibaca atau yang warnanya telah berubah, kerana pudar atau selainnya, atau tiada mana-mana orang pun boleh mempamerkan apa-apa tiruan serupa mana-mana perakuan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pengiktirafan perakuan pemeriksaan negara lain**

**66DA.** Sesuatu perakuan pemeriksaan yang dikeluarkan di bawah peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana negara yang menjadi pihak kepada sesuatu triti yang kepadanya Malaysia juga menjadi pihak dan berupa sebagai mengiktiraf perakuan pemeriksaan domestik yang dikeluarkan oleh negara pejanji hendaklah, selagi perakuan sedemikian masih berkuat kuasa di negara itu, disifatkan sebagai perakuan pemeriksaan yang diberikan di bawah Bahagian ini.

**Hanya orang yang dilesenkan boleh memeriksa**

**66E.** (1) Tiada seorang pun selain orang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah Akta ini boleh memeriksa sesuatu kenderaan motor.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Pengambilan kerja pemeriksa**

**66F.** (1) Seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan di bawah Akta ini hendaklah mengambil kerja orang yang mempunyai kelayakan dan kekompetenan yang perlu sebagaimana ditetapkan dalam kaedah-kaedah sebagai pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk mengeluarkan perakuan pemeriksaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kaedah-kaedah**

**66G.** Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi apa-apa maksud yang baginya kaedah-kaedah boleh dibuat di bawah Bahagian ini dan bagi menetapkan apa-apa yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini, dan pada amnya bagi maksud menguatkuasakan Bahagian ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* untuk menetapkan jenis dan tatacara bagi pemeriksaan kenderaan motor;

*(b)* untuk menetapkan jenis kelengkapan dan sistem yang akan digunakan bagi pemeriksaan, dan pembaikan,

penyenggaraan, penentukuran dan pengujian aparatus-atau kelengkapan bagi pemeriksaan;

*(c)* untuk menetapkan bentuk perakuan pemeriksaan dan untuk mengawal selia cara ia dikeluarkan;

*(d)* untuk menetapkan cara yang mengikutnya kenderaan motor hendaklah dikemukakan bagi pemeriksaan;

*(e)* untuk mengawal selia penggunaan pusat pemeriksaan kenderaan dan aparatus dan kelengkapan di dalamnya oleh seseorang pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan pemeriksaan rambang ke atas pemeriksaan yang dijalankan di pusat itu;

*(f)* untuk menetapkan jenis papan tanda di pusat pemeriksaan kenderaan; dan

*(g)* untuk menetapkan cara yang mengikutnya rayuan boleh dibuat oleh mana-mana orang dan tatacara baginya.

## BAHAGIAN IIB

## KENDERAAN MOTOR ASING

### Permit masuk kenderaan motor asing

**66H.** (1) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing ke dalam Malaysia melalui mana-mana laluan, tempat mendarat, tempat pemeriksaan, atau tempat masuk, selain tempat masuk yang dibenarkan, hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu permit masuk bagi kenderaan motor asing mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing melalui tempat masuk yang dibenarkan hendaklah mengemukakan, apabila diminta oleh mana-mana pegawai pengangkutan jalan, apa-apa perakuan pendaftaran, lesen, permit atau apa-apa dokumen lain yang serupa yang dikeluarkan berkenaan dengan kenderaan motor itu oleh pihak berkuasa yang sewajarnya di negara di mana kenderaan itu didaftarkan.

(3) Jika pegawai pengangkutan jalan itu berpuas hati bahawa orang yang memandu kenderaan motor asing itu akan tinggal sementara sahaja di Malaysia, pegawai itu boleh, setelah dibayar fi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, mengeluarkan permit masuk bagi kenderaan motor asing berkenaan dengan kenderaan itu bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Setelah permit masuk kenderaan motor asing itu dikeluarkan, pegawai pengangkutan jalan itu hendaklah menyebabkan supaya direkodkan—

*(a)* butir-butir pemandu seperti nama dan nombor lesen memandu;

*(b)* nombor pendaftaran kenderaan motor asing itu;

*(c)* jenis kenderaan motor asing itu;

*(d)* tarikh, masa dan tempat ketibaan kenderaan motor asing itu;

*(e)* tempoh sah dan syarat-syarat lain permit masuk bagi kenderaan motor asing itu; dan

*(f)* apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod kenderaan motor dan pemandu yang berkenaan dengannya permit masuk kenderaan telah dikeluarkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah atau pegawai pengangkutan jalan itu boleh enggan untuk mengeluarkan permit masuk bagi kenderaan motor asing atau membatalkan permit masuk bagi kenderaan motor asing yang telah dikeluarkan jika—

*(a)* kenderaan motor asing itu melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini; atau

*(b)* Ketua Pengarah atau pegawai pengangkutan jalan itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kenderaan motor asing yang berkenaan dengannya permohonan atau permit itu telah atau dicadangkan untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(7) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing tanpa permit masuk yang dikeluarkan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pengecualian**

**66I.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana kenderaan motor atau jenis atau kelas kenderaan motor daripada mana-mana peruntukan seksyen 66H, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya sesuai.

**Perkara yang belum selesai berhubung dengan kenderaan motor asing**

**66J.** Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan boleh melarang mana-mana kenderaan motor asing daripada memasuki atau keluar dari Malaysia, jika berkenaan dengan kenderaan itu terdapat apa-apa perkara yang belum selesai berhubung dengan apa-apa perlanggaran atau kesalahan terhadap Akta ini, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

**Tafsiran seksyen 66H, 66I dan 66J**

**66K.** Bagi maksud seksyen 66H, 66I dan 66J—

"tempat masuk yang dibenarkan" ertinya suatu tempat masuk yang diisytiharkan sebagai tempat masuk yang dibenarkan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];

"lesen memandu asing" ertinya suatu lesen memandu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya di suatu negara asing;

"kenderaan motor asing" ertinya suatu kenderaan motor yang didaftarkan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya di suatu negara asing.

BAHAGIAN III

JALAN

**Tafsiran**

**67.** Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"jalan Persekutuan" ertinya suatu jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan dan suatu jalan yang diisytiharkan menjadi jalan Persekutuan di bawah undang-undang Persekutuan;

"jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan" ertinya suatu jalan dalam Wilayah Persekutuan yang diisytiharkan sebagai suatu jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya setelah berunding dengan Dato Bandar jika jalan itu terletak dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, atau Yang Dipertua Perbandaran mana-mana Wilayah Persekutuan lain jika jalan itu terletak dalam Wilayah Persekutuan lain itu;

"pihak berkuasa yang berkenaan"—

*(a)* berhubungan dengan mana-mana jalan selain suatu jalan Persekutuan yang terletak dalam kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan, ertinya suatu pihak berkuasa tempatan yang diisytiharkan bagi maksud tersebut sebagai suatu pihak berkuasa yang berkenaan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai kerajaan tempatan selepas berunding dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan dan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya;

*(b)* berhubungan dengan mana-mana jalan, selain suatu jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ertinya Dato Bandar, dan berhubungan dengan mana-mana jalan lain, selain suatu jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan, yang terletak dalam mana-mana Wilayah Persekutuan lain ertinya Yang Dipertua Perbandaran Wilayah Persekutuan itu;

*(c)* berhubungan dengan mana-mana jalan selain suatu jalan Persekutuan yang terletak dalam sesuatu Negeri tetapi tidak di dalam mana-mana kawasan yang diperihalkan dalam perenggan *(a)* atau *(b)* ertinya Kerajaan Negeri itu;

*(d)* berhubungan dengan mana-mana jalan di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia ertinya Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya;

*(e)* berkenaan dengan mana-mana jalan yang terletak dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, ertinya Perbadanan Putrajaya.

**Kod lebuh raya**

**68.** (1) Menteri hendaklah menyediakan suatu kod (dalam Akta ini disebut sebagai "kod lebuh raya") yang mengandungi apa-apa arahan sebagaimana yang didapatinya patut bagi panduan orang yang menggunakan jalan dan boleh dari semasa ke semasa menyemak kod itu dengan membatalkan, mengubahkan, meminda atau menambahkan kepada peruntukannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Kod lebuh raya dan apa-apa pengubahan yang dicadangkan hendak dibuat dalam peruntukan kod itu atas apa-apa penyemakannya hendaklah, sebaik sahaja disediakan oleh Menteri, disiarkan dalam *Warta*.

(3) Kegagalan di pihak mana-mana orang bagi mematuhi mana-mana peruntukan kod lebuh raya tidak dengan sendirinya menyebabkan orang itu berliabiliti ke atas apa-apa jenis prosiding jenayah, tetapi dalam apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, sesuatu kegagalan sedemikian boleh dijadikan asas oleh mana-mana pihak dalam prosiding itu sebagai membuktikan atau menafikan apa-apa liabiliti yang menjadi soal dalam prosiding itu.

**Had laju**

**69.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan had laju kebangsaan bagi segala jalan di Malaysia.

(1A) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan bagi mana-mana lebuh raya atau mana-mana bahagian daripadanya suatu had laju yang lebih rendah, atau dengan persetujuan Menteri, yang lebih tinggi daripada had laju kebangsaan.

(1B) Mana-mana orang yang gagal mematuhi had laju kebangsaan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) atau had laju yang ditetapkan dalam subseksyen (1A) melakukan suatu kesalahan.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, termasuk lebuh raya dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang pemanduan kenderaan motor, atau apa-apa kelas atau perihalan tertentu kenderaan motor dengan kelajuan yang lebih daripada kelajuan yang dinyatakan dalam perintah itu, di atas mana-mana jalan atau bahagiannya yang dinyatakan dalam perintah itu, dan sama ada pada amnya atau pada suatu masa atau masa tertentu:

Dengan syarat bahawa had laju yang dinyatakan dalam perintah tersebut tidak melebihi had laju kebangsaan atau yang berhubungan dengan suatu lebuh raya atau sebahagian daripadanya, had laju yang ditetapkan di bawah subseksyen (1A) bagi lebuh raya itu atau sebahagian daripadanya.

(3) Orang yang berikut hendaklah mendirikan dan menyenggarakan dalam apa-apa kedudukan di mana-mana tempat yang dapat memberi notis yang mencukupi mengenai had laju yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (1A) dan larangan di bawah subseksyen (2), apa-apa isyarat lalu lintas sebagaimana yang ditetapkan, yang menunjukkan jenis larangan itu:

*(a)* yang berhubungan dengan jalan Persekutuan yang merupakan lebuh raya, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau mana-mana orang yang diberi kuasa yang sepatutnya oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, yang merupakan seorang yang diberi kuasa di bawah Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*];

(*b*) yang berhubungan dengan jalan Persekutuan yang bukannya lebuh raya, Ketua Pengarah Kerja Raya; dan

(*c*) yang berhubungan dengan mana-mana jalan lain dalam kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan yang berkenaan itu.

(4) Dalam seksyen ini, "lebuh raya" ertinya—

(*a*) jalan Persekutuan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam melalui persimpangan bertingkat tanpa apa-apa sambungan terus kepada mana-mana jalan persendirian; atau

(*b*) jalan Persekutuan yang diisytiharkan sebagai lebuh raya oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, yang merupakan jalan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam atau jalan persendirian.

**Kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu**

**70.** (1) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, dan pihak berkuasa yang berkenaan selepas berunding dengan Ketua Pengarah berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang atau menyekat, daripada memandu atau menggunakan kenderaan atau apa-apa kelas atau perihalan tertentu kenderaan di mana-mana jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dinyatakan dalam perintah itu, dalam apa-apa hal yang didapati oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa kenderaan itu tidak boleh digunakan atau tidak boleh tanpa apa-apa sekatan digunakan di jalan itu tanpa membahayakan keselamatan kenderaan itu, atau orang di dalamnya atau orang atau kenderaan lain yang menggunakan jalan itu, atau bahawa jalan itu tidak sesuai untuk digunakan, atau untuk digunakan tanpa apa-apa sekatan, oleh mana-mana kenderaan sedemikian, atau bahawa jalan itu adalah suatu jalan di mana larangan atau sekatan itu

perlu atau dikehendaki untuk memudahkan jalan itu dibaiki atau dibina semula.

(1A) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa jenis atau kategori tertentu kenderaan motor yang dikenal pasti dalam perintah itu boleh dikecualikan daripada mematuhi perintah itu oleh mana-mana orang yang dinyatakan dalamnya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 75, atau selainnya berhubungan dengan pengawalseliaan lalu lintas, suatu perintah boleh dibuat di bawah seksyen ini bagi mana-mana atau segala maksud yang berikut:

*(a)* penentuan jalan arah yang akan diikuti oleh kenderaan;

*(b)* larangan atau pengehadan penggunaan jalan tertentu oleh kenderaan-kenderaan daripada apa-apa kelas atau perihalan tertentu sama ada pada amnya atau pada waktu tertentu;

*(c)* larangan pemanduan kenderaan di atas mana-mana jalan tertentu, selain mengikut sesuatu arah tertentu:

Dengan syarat bahawa—

*(aa)* tiada apa-apa perintah boleh dibuat di bawah subseksyen ini berkenaan dengan mana-mana jalan, yang akan berkuat kuasa sebagai melarang apa-apa akses yang dengan semunasabahnya dikehendaki bagi kenderaan-kenderaan daripada apa-apa kelas atau perihalan ke mana-mana premis yang terletak di jalan atau bersempadanan dengan jalan itu, atau yang akses baginya didapati daripada jalan itu;

*(bb)* tiada apa-apa perintah sedemikian boleh dibuat melainkan jika notis, dalam borang yang ditetapkan, mengenai cadangan membuat perintah itu disiarkan dalam *Warta* sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh dicadangkan membuat perintah itu, dan sebelum membuat perintah itu maka hendaklah menimbangkan—

(i) apa-apa bantahan yang mungkin dibuat terhadap perintah yang dibuat itu;

(ii) adanya jalan arah lain yang sesuai bagi lalu lintas yang akan atau mungkin terjejas oleh perintah tersebut.

(3) Suatu pihak berkuasa yang berkenaan atau seorang jurutera Jabatan Kerja Raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, apabila berpuas hati bahawa, oleh sebab keadaan suatu jalan atau pelaksanaan apa-apa kerja atau pembaikan di suatu jalan, adalah perlu, bagi mengelakkan bahaya yang serius kepada orang awam, atau kerosakan yang serius pada jalan itu, menyekat atau melarang bagi sementara penggunaan jalan itu oleh kenderaan, atau oleh kenderaan-kenderaan daripada apa-apa kelas atau perihalan tertentu, boleh menyekat atau melarang penggunaan jalan tersebut melalui notis yang diperagakan olehnya di jalan itu:

Dengan syarat bahawa—

*(a)* sekatan atau larangan itu tidak boleh berkuat kuasa selama lebih dari tiga puluh hari dari tarikh sekatan atau larangan itu dikenakan;

*(b)* selagi sekatan atau larangan itu masih berkuat kuasa suatu notis yang menyatakan efek sekatan atau larangan itu dan memperihalkan jalan arah lain yang ada bagi lalu lintas, hendaklah terus diletakkan dengan cara yang mudah dilihat di tiap-tiap bahagian hujung jalan yang dimaksudkan oleh notis itu, dan di tempat di mana lalu lintas perlu dilencongkan daripada jalan itu; dan

*(c)* notis mengenai sekatan atau larangan itu hendaklah diberikan di balai polis yang berhampiran, kepada Ketua Pegawai Polis dan kepada Ketua Pengarah dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik dan dalam apa-apa hal dalam masa dua puluh empat jam selepas sekatan atau larangan itu dikenakan.

(4) Mana-mana orang yang menggunakan suatu kenderaan atau menyebabkan atau membenarkan suatu kenderaan digunakan dengan melanggar mana-mana sekatan atau larangan yang dibuat atau dikenakan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan

apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk mengehadkan kenderaan**

**71.** (1) Tanpa menjejaskan seksyen 70, mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan yang diluluskan oleh Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melarang atau mengehadkan pemanduan atau penggunaan mana-mana kelas atau perihalan kenderaan atau kenderaan dengan sekian bilangan penumpang yang ditentukan di sepanjang mana-mana jalan atau di sepanjang jalan di dalam kawasan pihak berkuasa itu.

(2) Larangan atau had di bawah subseksyen (1) bolehlah tertakluk kepada pembayaran fi dan dalam hal sedemikian perintah itu hendaklah menyatakan fi yang kena dibayar dan cara pemungutannya.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa skim penentuan harga bagi kesesakan atau hal perkara apa-apa perintah yang boleh dibuat di bawah seksyen 13 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

**Mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian**

**72.** (1) Mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengadakan tempat letak kereta yang sesuai bagi kenderaan atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan mengikut Akta ini, dan bagi maksud itu boleh—

*(a)* menggunakan mana-mana tanah yang boleh diperoleh atau diuntukkan dengan sah di sisi undang-undang bagi maksud itu; atau

*(b)* melalui perintah itu membenarkan penggunaan mana-mana bahagian sesuatu jalan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan:

Dengan syarat bahawa—

*(aa)* tiada apa-apa perintah sedemikian boleh membenarkan penggunaan mana-mana bahagian suatu jalan hingga dengan tidak semunasabahnya menyekat akses ke mana-mana premis yang bersempadanan dengan jalan itu, atau penggunaan jalan itu oleh mana-mana orang yang berhak menggunakannya, atau hingga menjadikan suatu kacau ganggu;

*(bb)* suatu perintah di bawah seksyen ini yang berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, atau yang menjejaskan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan Menteri.

(2) Pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam boleh mengambil segala langkah yang perlu untuk menyesuaikan bagi kegunaan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan mana-mana tanah yang tidak menjadi sebahagian daripada sesuatu jalan yang boleh digunakan dengan mudahnya bagi maksud itu.

(3) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan—

*(a)* kenderaan atau kelas kenderaan-kenderaan yang boleh menggunakan tempat letak kereta atau perhentian itu dan tempoh selama mana dan syarat yang tertakluk kepadanya tempat letak kereta atau tempat perhentian itu boleh digunakan; dan

*(b)* caj, jika ada, yang akan dikenakan bagi menggunakan tempat letak kereta itu.

(4) Jika apa-apa caj bagi menggunakan tempat letak kereta itu dikenakan atau dicadang hendak dikenakan menurut mana-mana perintah di bawah seksyen ini, perintah itu hendaklah menyatakan—

*(a)* tempat letak kereta yang ditetapkan untuk meninggalkan kenderaan; dan

*(b)* waktunya (sama ada pada tiap-tiap masa atau di antara waktu tertentu) selama mana kenderaan boleh diletakkan di sesuatu tempat letak kereta,

dan boleh selanjutnya membuat peruntukan dalam mana-mana perkara yang berikut bagi tempat letak kereta:

*(aa)* bilangan dan dimensi ruang yang hendak diadakan;

*(bb)* kedudukan yang kenderaan itu hendak dipandu masuk atau dibawa keluar;

*(cc)* cara bagaimana kenderaan itu hendak dipandu masuk atau dibawa keluar;

*(dd)* larangan atau sekatan kepada kenderaan lain yang menunggu di tempat letak kereta itu, sama ada dalam kedudukan yang tersebut di atas, atau di tempat lain;

*(ee)* kedudukan dalam mana kenderaan lain yang dibenarkan oleh perintah itu boleh menunggu di tempat letak kereta itu atau bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu boleh menunggu;

*(ff)* caj yang akan dilevi berkenaan dengan penggunaannya dan cara pemungutannya;

*(gg)* pengalihan daripada tempat itu dan penyimpanan selamat mana-mana kenderaan yang berkenaan dengannya terdapat pelanggaran terhadap, atau ketidakpatuhan kepada peruntukan perintah itu atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

*(hh)* pembinaan dan pemasangan apa-apa radas daripada jenis atau reka bentuk yang diluluskan oleh Menteri sama ada pada amnya atau secara khusus (yang akan diperihalkan sebagai "meter letak kereta");

*(ii)* larangan atau sekatan bagi menjalankan apa-apa perdagangan atau kegiatan lain atau melakukan apa-apa perkara lain di dalamnya;

*(jj)* menunjukkan tempat letak kereta itu dengan cara isyarat lalu-lintas mengikut seksyen 77:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki supaya diadakan di mana-mana tempat letak kereta ruang daripada saiz yang mencukupi bagi meletak mana-mana kenderaan tertentu.

(5) Suatu notis yang menyatakan isi perintah itu dan caj yang ditetapkan olehnya hendaklah didirikan dan disenggarakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan itu di tempat letak kereta atau tempat perhentian tersebut, atau berdekatan dengannya.

(6) Tidak sah di sisi undang-undang bagi pemandu mana-mana kenderaan atau mana-mana orang yang diambil kerja berkaitan dengannya untuk berulang-alik mencari sewa atau mengambil penumpang untuk sewa atau upah semasa mana-mana kenderaan berada di tempat letak kereta yang masih tidak diwartakan sebagai suatu tempat perhentian untuk kenderaan perkhidmatan awam dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar subseksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(7) Jika mana-mana orang melanggar atau gagal mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tanpa sebab yang sah maka dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(8) Pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam hendaklah tidak menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan terhadap mana-mana kenderaan atau lekapan atau kandungan apa-apa kenderaan yang diletakkan di mana-mana tempat letak kereta yang dibenarkan atau ditetapkan di bawah seksyen ini.

**Perizaban tempat letak kereta bagi Perutusan Diplomatik**

**73.** (1) Menteri berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah merizabkan kepada mana-mana Perutusan Diplomatik yang bertauliah mana-mana bahagian daripada mana-

mana jalan sebagai tempat letak kereta bagi kenderaan atau kenderaan-kenderaan kepunyaan Perutusan tersebut.

(2) Subseksyen 72(7) hendaklah terpakai bagi suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini seperti ia terpakai bagi suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 72(1).

**Tempat letak kereta bagi orang tidak upaya**

**74.** Menteri berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah merizabkan mana-mana bahagian daripada mana-mana jalan sebagai tempat letak kereta bagi kenderaan orang tidak upaya.

**Lintasan pejalan kaki**

**75.** (1) Lintasan bagi pejalan kaki (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut "lintasan") boleh diadakan di atas jalan mengikut seksyen ini dan tidak selainnya.

(2) Menteri, dengan persetujuan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan keutamaan masing-masingnya kenderaan dan pejalan kaki, dan pada amnya berkenaan dengan pergerakan lalu lintas (termasuk pejalan kaki) di suatu lintasan dan di sekitarnya (termasuk kaedah-kaedah yang melarang pejalan kaki berada atas jalan kenderaan dalam jarak satu ratus meter dari suatu lintasan), dan berkenaan dengan tanda penunjuk bagi had suatu lintasan dengan tanda di jalan atau selainnya, dan berkenaan dengan pembinaan isyarat lalu lintas berkaitan dengannya.

(3) Kaedah-kaedah yang berlainan boleh dibuat di bawah seksyen ini berhubungan dengan syarat lalu lintas yang berlainan dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu, kaedah-kaedah yang berlainan boleh dibuat berhubungan dengan lintasan di sekitar, dan yang jauh dari, sesuatu simpang jalan, dan bagi lalu lintas yang dikawal oleh polis, oleh warden lalu lintas dan oleh isyarat lalu lintas dan oleh jenis isyarat lalu lintas yang berlainan dan bagi lalu lintas yang tidak dikawal sedemikian.

(4) Suatu pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan kelulusan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, dan dalam mana-mana hal selepas berunding dengan Ketua Pegawai Polis, mengadakan apa-apa lintasan sebagaimana yang difikirkannya patut, dan hendaklah menjalankan apa-apa kerja (termasuk meletakkan, mendirikan dan menyenggara tanda dan isyarat lalu lintas) yang dikehendaki berkaitan dengan lintasan itu, atau berhubungan dengan tanda penunjuknya mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

(5) Jika mana-mana orang melanggar mana-mana kaedah yang mempunyai kuat kuasa berhubungan dengan suatu lintasan maka dia melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

**Kewajipan pejalan kaki mematuhi arahan lalu lintas**

**76.** Jika seseorang pegawai polis berpakaian seragam atau seorang warden lalu lintas berpakaian seragam, yang pada masa itu sedang bertugas dalam mengawal selia lalu lintas kenderaan di suatu jalan, mana-mana pejalan kaki yang berjalan menyeberangi atau berjalan di sepanjang jalan kenderaan itu dengan melanggar suatu arahan untuk berhenti yang diberikan oleh pegawai itu dalam menjalankan tugasnya, sama ada kepada pejalan kaki atau kepada pejalan kaki dan lalu lintas lain, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

**Belok kiri dibenarkan**

**76A.** (1) Walau apa pun isyarat merah atau isyarat lalu lintas lain yang menunjukkan tempat di mana lalu lintas mesti berhenti di mana-mana simpang lalu lintas, mana-mana orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di jalan boleh membelok ke kiri di simpang lalu lintas itu mengikut mana-mana isyarat lalu lintas yang membenarkan belok kiri yang telah diletakkan dengan sah di sisi undang-undang di jalan itu setelah berhenti sebelum garisan berhenti yang ditandakan di atas jalan untuk memastikan bahawa adalah selamat untuk berbuat demikian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan pergerakan kenderaan motor dan pejalan kaki dan pendirian isyarat lalu lintas di simpang lalu lintas yang belok kiri dibenarkan.

(3) Suatu pihak berkuasa yang berkenaan boleh, dengan kelulusan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubung dengan suatu jalan Persekutuan dan jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan, dan dalam mana-mana hal selepas berunding dengan Ketua Pegawai Polis, mengadakan apa-apa isyarat lalu lintas yang didapatinya patut, dan hendaklah menjalankan apa-apa kerja (termasuk meletakkan, mendirikan dan menyenggarakan isyarat lalu lintas) yang dikehendaki berkaitan dengan simpang lalu lintas yang belok kiri dibenarkan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini berhubung dengan belok kiri dibenarkan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

**Mendirikan isyarat lalu lintas**

**77.** (1) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerjaraya, (dalam seksyen ini disebut sebagai "Menteri") berhubungan dengan mana-mana jalan Persekutuan, dan pihak berkuasa berhubungan dengan mana-mana jalan lain, dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh menyebabkan atau membenarkan isyarat lalu lintas diletakkan di jalan itu atau berhampiran dengannya dan boleh dari semasa ke semasa membaiki, mengubahkan, menukarkan atau mengalihkannya.

(2) Mana-mana pegawai polis atau pegawai awam lain yang bertindak dalam menjalankan tugasnya boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan dan disenggarakan di mana-mana jalan atau berhampiran dengannya apa-apa isyarat lalu lintas yang perlu atau suai manfaat untuk menguatkuasakan mana-mana peraturan atau perintah yang diberikan atau dibuat dengan sahnya di bawah mana-mana kuasa yang diberikan kepada mana-mana pegawai polis atau orang lain oleh mana-mana undang-undang bertulis yang

berhubungan dengan larangan, sekatan, pengawalseliaan atau kawalan lalu lintas atau penggeledahan kenderaan atau orang di jalan itu atau yang perlu atau suai manfaat untuk mencegah atau mengurangkan kesesakan atau galangan lalu lintas atau bahaya kepada atau daripada lalu lintas disebabkan oleh hal keadaan luar biasa:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa isyarat sedemikian boleh disenggarakan bagi tempoh yang lebih lama daripada yang perlu bagi maksud itu.

(3) Mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk melakukan atau menyebabkan supaya dilakukan apa-apa kerja di suatu jalan hendaklah meletakkan dan menyenggara atau menyebabkan supaya diletakkan dan disenggarakan di mana-mana jalan atau berhampiran dengannya apa-apa isyarat lalu lintas yang perlu atau suai manfaat untuk mencegah atau mengurangkan bahaya kepada orang yang bekerja di jalan itu atau kepada atau daripada lalu lintas semasa kerja itu sedang dijalankan.

(4) Pemunya atau pekerja mana-mana pengusahaan jalan kereta api, kereta api ringan, atau trem atau apa-apa pengusahaan dok atau pelabuhan boleh meletakkan dan menyenggara atau menyebabkan supaya diletakkan dan disenggarakan di mana-mana jalan atau berhampiran dengannya apa-apa isyarat lalu lintas menurut, atau yang perlu atau suai manfaat untuk menjalankan kuasa tersebut apa-apa kuasa yang diberikan kepada mereka oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(5) Selepas hari ditetapkan tiada apa-apa isyarat lalu lintas selain isyarat lalu lintas yang diletakkan dengan sahnya menurut Bahagian ini boleh diletakkan di mana-mana jalan atau berhampiran dengannya.

(6) Bagi maksud Akta ini, apa-apa isyarat lalu lintas yang ada pada hari ditetapkan yang diletakkan dengan sahnya di suatu jalan atau berhampiran dengannya sebelum hari ditetapkan, dan yang mematuhi saiz, warna atau jenis menurut seksyen ini atau menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai diletakkan dengan sahnya menurut Bahagian ini.

(7) Isyarat lalu lintas selain notis berkenaan dengan penggunaan suatu jambatan atau isyarat lalu lintas yang diletakkan di mana-mana jalan atau berhampiran dengannya pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (2) atau (3) hendaklah daripada saiz, warna dan jenis yang ditetapkan dan jika ditetapkan sedemikian hendaklah disuarkan dengan lampu atau dengan menggunakan reflektor atau bahan pantulan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan:

Dengan syarat bahawa suatu isyarat lalulintas tidak boleh disifatkan sebagai diletakkan dengan tidak sah di sisi undang-undang di suatu jalan atau berhampiran dengannya semata-mata oleh sebab gagal mematuhi subseksyen ini jika pada pendapat mahkamah penyimpangan daripada saiz, warna, jenis atau penyuaran itu adalah suatu perkara kecil sahaja.

(8) Menteri berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan lain dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penghuni mana-mana tanah yang di atasnya terdapat apa-apa isyarat lalu lintas atau apa-apa benda yang hampir-hampir serupa dengan suatu isyarat lalu lintas sehingga ia mungkin dengan semunasabahnya dianggap sebagai isyarat sedemikian atau apa-apa iklan atau struktur lain yang diletakkan sedemikian sehingga melindungkan apa-apa isyarat lalu lintas daripada pandangan atau untuk mengganggu perhatian pemandu, supaya mengalihkannya atau memotong mana-mana pokok atau tumbuhan yang tumbuh di atas tanah itu dengan apa-apa cara sehingga melindungkan apa-apa isyarat tersebut, dan jika mana-mana orang gagal atau cuai mematuhi notis itu, boleh melaksanakan pengalihan atau pemotongan itu dengan menyebabkan seberapa sedikit kerosakan yang boleh dan boleh mendapatkan balik sebagai hutang sivil daripada orang yang ingkar itu akan perbelanjaan yang ditanggung dalam berbuat demikian:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana isyarat lalu lintas yang diletakkan di atas tanah itu oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa awam yang bertindak menurut apa-apa kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(9) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya boleh memasuki mana-

mana tanah dan menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang perlu bagi maksud menjalankan dan melaksanakan kuasa dan tugasnya di bawah seksyen ini:

Dengan syarat bahawa melainkan jika dengan persetujuan penghuninya, tiada apa-apa kemasukan sedemikian boleh dibuat ke dalam mana-mana rumah kediaman yang sebenarnya diduduki dengan tidak terlebih dahulu memberi notis dua puluh empat jam kepada penghuni tersebut atau selepas matahari terbenam dan sebelum matahari terbit.

(10) Dalam Akta ini, apa-apa rujukan mengenai perletakan isyarat lalu lintas hendaklah termasuk suatu rujukan mengenai peragaannya dengan apa-apa cara sama ada atau tidak melibatkan pemasangan atau perletakan.

(11) Mana-mana orang yang dengan sengajanya merosakkan, mencacatkan, mengubahkan, mengalihkan atau mengganggu mana-mana isyarat lalu lintas yang diletakkan dengan sahnya menurut Bahagian ini, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(12) Mana-mana orang selain seorang yang diberi kuasa mengenainya di bawah peruntukan Bahagian ini yang meletakkan di atas mana-mana jalan atau berhampiran dengannya apa-apa isyarat lalu lintas atau benda yang hampir-hampir serupa dengan suatu isyarat lalu lintas sehingga ia mungkin dengan semunasabahnya dianggap sebagai suatu isyarat sedemikian, atau yang meletakkan di atas mana-mana jalan atau berhampiran dengannya apa-apa isyarat atau iklan dengan apa-apa cara sehingga melindungkan daripada pandangan akan mana-mana isyarat lalu lintas yang diletakkan dengan sahnya menurut Bahagian ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

**Kuasa mengadakan sekatan jalan**

**78.** (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, mana-mana pegawai polis berpakaian seragam yang diberi kuasa secara bertulis oleh seseorang pegawai polis kanan yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi, termasuk seseorang Inspektor dalam percubaan, atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan

berpakaian seragam, yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah boleh, jika didapatinya perlu untuk berbuat sedemikian bagi penguatkuasaan Akta ini, mendirikan atau meletakkan atau menyebabkan didirikan atau diletakkan apa-apa galangan sebagaimana yang ditetapkan di atas atau melintang mana-mana jalan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan mana-mana pegawai sedemikian boleh mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang mana-mana kenderaan daripada dipandu melalui mana-mana galangan itu, termasuk apa-apa langkah untuk mengejar dan memberhentikan kenderaan itu jika, setelah mengambil perhatian tentang hal keadaan pada masa itu, adalah ternyata bahawa jika langkah itu tidak diambil besar kemungkinannya yang kenderaan itu akan terlepas bagi mengelakkan daripada dikesan atau selainnya.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apa-apa isyarat munasabah yang diberi oleh pegawai polis berpakaian seragam atau pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam yang menghendaki orang atau kenderaan itu berhenti sebelum sampai ke mana-mana galangan itu, atau cuba melintasi atau melanggar mana-mana galangan tersebut, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun pegawai akan berliabiliti terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan ke atas mana-mana orang atau harta berikutan dengan langkah yang diambilnya yang disebut dalam subseksyen (1).

### Penalti kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas

**79.** (1) Jika seseorang pegawai polis berpakaian seragam, seseorang pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam atau seseorang warden lalu lintas berpakaian seragam adalah pada masa itu bertugas mengawal selia lalu lintas di suatu jalan, walau pun sesuatu isyarat lalu lintas telah diletakkan dengan sahnya di atas jalan itu atau berhampiran dengannya, mana-mana orang yang memandu atau mendorongi sesuatu kenderaan yang gagal atau mengabaikan memberhentikan kenderaan itu atau membuat kenderaan itu berjalan melalui atau mengikuti garisan lalu lintas tertentu apabila diarahkan berbuat demikian oleh pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas itu melakukan suatu kesalahan dan apabila

disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan seksyen 76A, jika sesuatu isyarat lalu lintas telah diletakkan dengan sahnya di atas mana-mana jalan atau berhampiran dengannya mana-mana pejalan kaki atau orang yang memandu atau mendorongi sesuatu kenderaan yang gagal atau mengabaikan mematuhi petunjuk yang diberi oleh isyarat itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(3) Dalam apa-apa prosiding kerana sesuatu kesalahan terhadap seksyen ini, setakat mana yang perlu bagi membuktikan kesalahan yang dipertuduhkan itu, adalah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa isyarat itu telah diletakkan dengan sahnya di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 77.

**Tali, dsb., melintang jalan**

**80.** Mana-mana orang yang bagi apa-apa maksud meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa bonggol jalan, atau apa-apa tali, wayar, rantai, takal atau radas yang seumpama itu melintang sesuatu jalan atau mana-mana bahagian daripadanya dengan apa-apa cara sehingga mungkin menyebabkan bahaya kepada orang atau kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan itu adalah, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia mempunyai hak yang sah untuk berbuat demikian dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang perlu untuk memberi amaran yang cukup tentang bahaya itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Sekatan ke atas pertandingan dan ujian kelajuan**

**81.** (1) Tiada apa-apa pertandingan atau dugaan kelajuan yang melibatkan penggunaan kenderaan boleh diadakan di sesuatu jalan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Menteri berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan sesuatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu.

(2) Mana-mana orang yang menaja, mengiklankan atau membantu dalam pengurusan atau penyeliaan apa-apa pertandingan atau ujian kelajuan yang tidak diluluskan sedemikian melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam atau mana-mana pemandu atau orang yang menjaga sesuatu kenderaan yang digunakan dalam apa-apa pertandingan atau ujian kelajuan yang tidak diluluskan sedemikian, melakukan suatu kesalahan, dan boleh—

*(a)* dalam hal sabitan kali pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan jika mahkamah fikirkan patut untuk memerintahkan, hendaklah dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi tempoh masa yang tidak melebihi satu tahun;

*(b)* dalam hal sabitan kali kedua dan kemudiannya boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduaduanya, dan jika mahkamah fikirkan patut untuk memerintahkan, hendaklah dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi tempoh masa tidak melebihi tiga tahun.

(4) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (3) dan boleh menyita serta menahan bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, mana-mana kenderaan yang digunakan dalam apa-apa pertandingan atau ujian kelajuan yang tidak diluluskan sedemikian.

**Pelucuthakan kenderaan yang digunakan dalam pertandingan atau ujian kelajuan**

**82.** (1) Jika sesuatu kenderaan motor telah disita oleh polis di bawah subseksyen 81(4), dan dibuktikan sehingga memuaskan hati

mahkamah bahawa kenderaan itu telah digunakan dalam melakukan kesalahan yang kedua atau yang kali kemudian di bawah subseksyen 81(3), mahkamah boleh, atas permohonan bertulis daripada Pendakwa Raya, membuat perintah bagi pelucuthakan kenderaan tersebut, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa satu salinan permohonan bertulis Pendakwa Raya itu hendaklah disampaikan kepada pemunya berdaftar atau mana-mana penuntut lain yang namanya diendorskan dalam perakuan pendaftaran kenderaan motor itu.

(2) Sesuatu perintah bagi pelucuthakan atau pelepasan sesuatu kenderaan yang boleh dilucuthakkan di bawah seksyen ini, boleh dibuat oleh mahkamah di hadapan mana pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang kedua atau yang kali kemudian di bawah subseksyen 81(3), telah atau akan diadakan.

(3) Jika tidak ada apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang kedua atau yang kali kemudian di bawah subseksyen 81(3), suatu notis secara bertulis hendaklah diberikan kepada pemunya kenderaan yang disita di bawah subseksyen 81(4), jika diketahui bahawa dia atau ejennya yang diberi kuasa secara bertulis boleh, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, membuktikan tuntutannya terhadap kenderaan itu dan jika tiada tuntutan dibuat dalam tempoh itu, kenderaan yang disita hendaklah dilucuthakkan.

(4) Di mana pemunya kenderaan yang disita di bawah subseksyen 81(4) tidak diketahui, notis dalam *Warta* hendaklah diberikan dengan menyatakan bahawa kenderaan itu telah disita dan meminta mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadapnya, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan membuktikan tuntutannya dan jika kenderaan itu tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan kenderaan itu hendaklah dilucuthakkan.

(5) Selepas menerima tuntutan di bawah subseksyen (3) atau (4), Ketua Pegawai Polis boleh mengarahkan supaya kenderaan itu dilepaskan.

(6) Mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan Ketua Pegawai Polis di bawah subseksyen (5) boleh merayu kepada Menteri yang mana keputusannya adalah muktamad.

(7) Tiada seorang pun dalam sesuatu prosiding di mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana kenderaan di bawah subseksyen 81(4), boleh mendapatkan kos bagi prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau pelepasan lain, selain perintah bagi pengembalian kenderaan itu, melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau mungkin.

**Kuasa mendirikan perlindungan, jalan bawah tanah dan titian**

**83.** Pihak berkuasa yang berkenaan, dengan kelulusan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, boleh—

*(a)* bagi maksud melindungi lalu lintas di sepanjang sesuatu jalan daripada bahaya, atau menjadikan lintasan mana-mana jalan kurang bahaya kepada pejalan kaki, mendirikan, menerangi, menyenggara, mengubahkan dan mengalihkan tempat perlindungan di jalan atau membina, menyenggara, mengubahkan dan mengalihkan bonggol di atas jalan, atau membina, menerangi, menyenggara, mengubahkan, mengalihkan dan menutup bagi sementara jalan bawah tanah di bawah jalan itu atau tititan bagi kegunaan pejalan kaki;

*(b)* pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk keselamatan atau kemudahan pejalan-pejalan kaki, menyediakan lorong kaki yang sesuai dan mencukupi di sisi jalan di bawah kawalannya; dan

*(c)* pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk keselamatan atau kemudahan kuda yang ditunggang dan ternakan yang digembalakan, menyediakan rumput yang cukup atau ruang lain tepi di sisi jalan di bawah kawalannya.

**Kuasa mengalihkan struktur daripada jalan**

**84.** (1) Jika apa-apa struktur telah didirikan atau ditegakkan pada atau di atas sesuatu jalan atau pada atau di atas sesuatu jalan rizab, selain menurut mana-mana undang-undang bertulis, Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (yang kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut "Menteri") berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan atau mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan atau jalan rizab lain dalam kawasan pihak berkuasa itu boleh melalui notis bertulis menghendaki orang yang berkuasa mengawal atau memiliki struktur itu supaya mengalihkannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam sesuatu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengeluarkan notis itu.

(2) Jika apa-apa struktur yang berkenaan dengannya suatu notis telah disampaikan di bawah seksyen ini tidak dialihkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengalihkan struktur itu:

Dengan syarat bahawa kuasa Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen ini tidak boleh dijalankan sehingga habis tempoh satu bulan selepas tarikh notis itu disampaikan.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1) dan (2), jika terdapat kemungkinan mendatangkan bahaya kepada lalu lintas yang berbangkit daripada apa-apa struktur yang disebut dalam subseksyen (1), Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mengalihkan struktur itu tanpa memberi notis kepada mana-mana orang.

(4) Jika sesuatu struktur telah dialihkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah seksyen ini dan perbelanjaan mengalihkan dan menahan struktur itu masih belum dibayar dalam tempoh satu minggu selepas tarikh pengalihan itu, Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh, selepas memberikan satu bulan notis secara bertulis kepada orang yang berkuasa mengawal atau memiliki struktur itu sebelum sahaja pengalihan itu, menjual dengan cara

lelong awam atau selainnya melupuskan struktur itu; dan apa-apa hasil daripada jualan atau pelupusan itu hendaklah dipakai bagi membayar perbelanjaan mengalihkan dan menahan struktur itu dan lebihannya hendaklah dibayar kepada orang yang berkuasa mengawal atau memiliki struktur itu sebelum sahaja pengalihan itu atau jika lebihan itu tidak dituntut oleh orang itu dalam masa tiga bulan selepas tarikh jualan atau pelupusan itu maka hasil itu hendaklah dilucuthakkan menjadi hasil Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (4) boleh melarang—

*(a)* pelupusan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan apa-apa ikan, daging, buah-buahan, sayur-sayuran atau barangan lain yang mudah musnah, jika ada, yang dialihkan bersama dengan struktur itu, dan apa-apa hasil daripada pelupusan itu hendaklah dipakai mengikut cara yang sama seperti yang diperuntukkan sebelum daripada ini berkenaan dengan hasil daripada jualan atau pelupusan struktur itu; atau

*(b)* mendapatkan sebagai hutang sivil kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan bagi mengalihkan atau menahan struktur daripada orang yang berkuasa mengawal atau memilikinya sebelum sahaja pengalihan itu.

(6) Notis di bawah subseksyen (1) boleh disampaikan sama ada kepada orang itu dengan sendiri atau melalui pos atau dengan menampalkannya kepada struktur yang dimaksudkan oleh notis itu.

(7) Dalam seksyen ini, ungkapan "struktur" termasuklah apa-apa jentera, pam, tiang, dan apa-apa benda lain yang boleh menyebabkan galangan atau boleh membahayakan lalu lintas.

**Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada**

**85.** (1) Tiada seorang yang boleh—

*(a)* membina apa-apa jalan akses (termasuk jalan kecil, jalan masuk atau akses cara lain sama ada yang awam atau yang persendirian) untuk menghubungi apa-apa jalan;

*(b)* membina parit untuk menghubungi parit yang dibina di tepi jalan;

*(c)* menjalankan apa-apa jenis kerja daripada apa-apa perihalan dalam, pada, di atas atau di bawah apa-apa jalan,

melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur berkenaan dengannya (termasuk butir-butir yang boleh ditetapkan) telah diserahkan dan diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa yang berkenaan yang berkaitan dengan jalan selain jalan Persekutuan, dan Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menolak permohonan tersebut atau membenarkannya di atas syarat yang dikenakan olehnya atau pihak berkuasa itu.

(2) Jika pada pendapat Menteri atau pihak berkuasa berkenaan wujud—

*(a)* kemungkinan bahaya kepada lalu lintas;

*(b)* apa-apa pembanjiran, penggangguan atau penghalangan; atau

*(c)* apa-apa kegagalan pematuhan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

semasa perjalanan, atau yang timbul daripada apa-apa kerja yang disebut di dalam subseksyen (1), Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh, melalui notis secara bertulis menghendaki supaya orang yang padanya kelulusan diberi atau penghuni premis atau tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengambil tindakan yang sesuai sebagaimana yang perlu untuk mengalihkan bahaya, atau mengalihkan apa-apa penggangguan atau penghalangan atau menyekat mana-mana parit atau mematuhi syarat yang dikenakan, dalam masa yang dinyatakan dalam notis, yang jika gagal dipatuhi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang perlu supaya menghentikan bahaya atau

pembanjiran, penggangguan atau penghalangan atau untuk memastikan kepatuhan kepada syarat yang dikenakan.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (6), adalah sah bagi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui notis dalam *Warta*, supaya menghendaki penutupan atau penyimpangan atau perubahan dibuat pada mana-mana jalan akses (sama ada dibina sebelum atau selepas permulaan Akta ini).

(4) Jika apa-apa tindakan telah diambil oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (2) atau (3), perbelanjaan yang ditanggung dan diperakukan secara bertulis oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan dalam mengambil tindakan itu adalah hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang yang padanya kelulusan telah diberikan atau penghuni premis atau tanah dan boleh dipotong daripada deposit keselamatan yang dibayar kepada Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan sebagai syarat bagi menjalankan kerja-kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Jika apa-apa kerja di bawah subseksyen (1) telah dilaksanakan dan didapati bahawa kerja telah dilaksanakan bagi maksud membuat apa-apa perhubungan terus akan apa-apa utiliti awam kepada apa-apa premis atau bagi menyambung parit kepada parit yang dibina di tepi jalan bagi maksud perparitan tanah yang di atasnya parit yang mula disebut dibina, penghuni premis atau tanah hendaklah disifatkan sebagai orang yang menjalankan kerja itu bagi maksud seksyen ini.

(6) Jika, akibat daripada notis yang dikeluarkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (3) suatu jalan akses yang ada semasa keluarnya notis itu, ditutup sekali dan tiada terdapat jalan akses yang alternatif, Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, sebelum penutupan itu, mengadakan jalan akses yang alternatif:

Dengan syarat jika jalan akses yang alternatif tidak boleh diadakan atau tidak boleh diadakan tanpa menanggung amaun perbelanjaan yang tidak munasabah, tanah yang terlibat hendaklah diperoleh mengikut mana-mana undang-undang yang ada berhubungan dengan

pengambilan secara paksa dan pengambilan itu hendaklah disifatkan sebagai bagi maksud awam.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau gagal mematuhi syarat yang boleh dikenakan dalam permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun:

Dengan syarat bahawa apa-apa hukuman yang dikenakan di bawah subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa liabiliti sivil orang yang padanya kelulusan diberikan atau penghuni premis atau tanah.

(8) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia dan mengawal penjalanan atau pembinaan apa-apa kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

**Pembinaan struktur bagi iklan, dsb.**

**85A.** (1) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (dalam seksyen ini disebut "Menteri" kemudian daripada ini) berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang lain, di dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), jika jalan rizab itu tidak digunakan pada masa itu bagi maksud yang baginya ia dirizabkan, memberikan hak pendudukan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian jalan rizab itu kepada mana-mana orang bagi maksud mendirikan struktur bagi iklan atau pengumuman awam lain bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat, termasuk caj pendudukan, sebagaimana yang Menteri atau pihak berkuasa itu menentukan.

(2) Tiada hak pendudukan sedemikian boleh diberikan melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur struktur itu (termasuk butir-butir yang ditetapkan) telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insurans liabiliti awam, bagi apa-apa jumlah wang yang Menteri atau pihak berkuasa itu

memikirkan patut, oleh pemohon sebagai sebahagian daripada syarat bagi kelulusan.

(3) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawal selia dan mengawal pembinaan struktur itu.

**Sekatan bagi kenderaan di atas jambatan**

**86.** (1) Jika Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jambatan di atas suatu jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa yang berkenaan yang berhubungan dengan mana-mana jambatan lain dalam kawasan pihak berkuasa itu, berpuas hati bahawa jambatan itu tidak berupaya—

*(a)* memuat kenderaan yang beratnya lebih daripada berat maksimum yang tertentu;

*(b)* memuat kenderaan yang berat gandarnya lebih daripada berat gandar maksimum tertentu; atau

*(c)* memuat kenderaan yang beratnya atau berat gandarnya masing-masing lebih daripada berat maksimum yang tertentu apabila berjalan dengan kelajuan lebih daripada kelajuan maksimum yang tertentu,

Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu boleh, melalui notis yang mudah dilihat yang diletakkan di suatu tempat yang sepatutnya di tiap-tiap hujung jambatan itu, melarang penggunaan jambatan itu oleh kenderaan yang beratnya lebih daripada berat yang dinyatakan dalam notis itu, atau oleh kenderaan yang berat gandarnya lebih daripada berat gandar yang dinyatakan dalam notis itu apabila berjalan dengan kelajuan lebih daripada kelajuan yang dinyatakan dalam notis tersebut mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

*(a)* "berat gandar" ertinya berat yang dipindahkan kepada mana-mana jalur permukaan atas mana kenderaan itu terletak yang terkandung di antara mana-mana dua garisan selari yang digariskan sejarak 0.6 meter atas permukaan

itu pada sudut tegak dengan paksi membujur kenderaan itu;

*(b)* "diletakkan di suatu tempat yang sepatutnya" ertinya diletakkan pada sesuatu kedudukan sama ada di jambatan itu atau berhampiran dengannya atau atas jalan atau berhampiran dengannya yang menghala ke jambatan supaya mudah dilihat daripada jarak yang munasabah oleh pemandu kenderaan yang menghampiri jambatan itu;

*(c)* "berat" ertinya berat sebenar kenderaan itu pada masa itu, termasuk berat tiap-tiap orang dan benda yang dibawa di atasnya atau olehnya, dan bagi maksud perenggan ini, sesuatu kenderaan dan apa-apa treler yang ditarik olehnya hendaklah disifatkan sebagai suatu kenderaan tunggal.

(3) Jika sesuatu kenderaan dipandu ke atas atau menyeberangi sesuatu jambatan dengan melanggar seksyen ini, mana-mana orang yang memandu kenderaan itu sedemikian, atau menyebabkan atau membenarkan kenderaan itu dipandu sedemikian adalah, tanpa menjejaskan apa-apa liabiliti sivil yang ditanggung olehnya jika kerosakan berlaku pada jambatan itu atau selainnya, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(4) Jika dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen ini pendakwa memuaskan hati mahkamah bahawa ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa berat kenderaan itu lebih daripada berat maksimum yang dinyatakan dalam notis itu, atau bahawa apa-apa berat gandar kenderaan itu lebih daripada berat gandar maksimum yang dinyatakan sedemikian, maka beban adalah terletak pada defendan untuk membuktikan bahawa berat kenderaan itu, atau tiap-tiap berat gandar kenderaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lebih daripada berat maksimum atau berat gandar maksimum itu.

(5) Jika berat muatan maksimum yang dibenarkan bagi sesuatu kenderaan ditunjukkan dengan tanda yang diletakkan padanya mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, maka berat kenderaan itu hendaklah dikira sebagai tidak kurang daripada berat yang ditunjukkan sedemikian, melainkan jika

orang yang dipertuduhkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini membuktikan, hingga memuaskan hati mahkamah, bahawa pada masa kenderaan itu lalu di atas jambatan itu berat kenderaan itu adalah kurang daripada berat yang ditunjukkan itu.

**Peruntukan mengenai lalu lintas luar biasa**

**87.** Jika, berkenaan mana-mana jalan, setelah memandangkan perbelanjaan purata bagi membaiki jalan tersebut atau jalan-jalan seumpama itu yang lain dalam kawasan itu, perbelanjaan luar biasa telah ditanggung dalam membaiki jalan tersebut oleh kerana kerosakan yang disebabkan oleh berat berlebihan kenderaan yang lalu pada jalan itu atau oleh apa-apa lalu lintas luar biasa yang lain di atasnya, Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan yang telah menanggung perbelanjaan itu boleh mendapatkan daripada mana-mana orang yang berikutan atau akibat daripada perintah atau perbuatannya lalu lintas itu telah dijalankan atau dikendalikan, atau daripada pemunya kenderaan yang menjadi lalu lintas, amaun perbelanjaan tersebut sebagaimana dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah yang mengambil tahu tentang kes itu sebagai telah ditanggung oleh sebab kerosakan yang berbangkit daripada berat atau lalu lintas yang luar biasa itu.

**Kaedah-kaedah**

**88.** (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi apa-apa maksud yang baginya kaedah-kaedah boleh dibuat di bawah Bahagian ini dan bagi menetapkan apa-apa yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini, dan pada amnya bagi maksud menguatkuasakan Bahagian ini dan bagi mengawal selia lalu lintas di jalan dan meringankan kesesakan lalu lintas dan memudahkan membuat peruntukan bagi keselamatan pengguna jalan dan, tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan yang terdahulu, boleh membuat kaedah-kaedah—

*(a)* bagi mengawal selia bilangan dan jenis brek, termasuk penyendal dan rantai pengunci dalam hal kenderaan yang ditarik oleh kuda atau lembu, bagi apa-apa kelas atau perihalan kenderaan apabila digunakan di jalan dan bagi memastikan yang brek itu adalah cekap dan dijaga dalam keadaan dapat berfungsi dengan sepatutnya dan bagi

memberi kuasa kepada orang yang dibenarkan di bawah kaedah-kaedah itu untuk menguji dan memeriksa mana-mana brek itu, sama ada di sesuatu jalan atau di tempat lain;

*(b)* bagi melarang penggunaan apa-apa roda, runut atau tayar daripada jenis yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan pada jalan atau di atas mana-mana kelas jalan tertentu atau di atas mana-mana jalan tertentu;

*(c)* bagi melarang apa-apa kelas atau perihalan kenderaan, atau mana-mana pejalan kaki daripada berada di atas atau berjalan di sepanjang mana-mana bahagian mana-mana jalan;

*(d)* bagi menetapkan alat yang hendak dipasang pada basikal, basikal elektrik, trisikal atau beca (yang bukan kenderaan motor) untuk menandakan adanya kenderaan itu apabila digunakan di jalan dan untuk memastikan supaya penunggang kenderaan itu hendaklah dengan cara menggunakan alat sedemikian memberi amaran yang cukup tentang adanya kenderaan tersebut;

*(e)* bagi menetapkan syarat yang tertakluk kepadanya, dan masa apabila, barang-barang yang mempunyai berat luar biasa atau dimensi yang luar biasa besarnya boleh dibawa di atas jalan;

*(f)* bagi menetapkan cara bagaimana kenderaan yang digunakan di jalan boleh dimuat dan langkah berjaga-jaga yang hendak diambil untuk memastikan keselamatan orang awam berkaitan dengannya;

*(g)* bagi menetapkan syarat yang tertakluk kepadanya, dan masa apabila, barang-barang boleh dimuatkan ke dalam atau dipunggah daripada kenderaan atau kenderaan-kenderaan daripada sesuatu kelas atau perihalan di jalan;

*(h)* bagi menetapkan kaedah-kaedah mengenai keutamaan yang hendak diikuti di antara lalu lintas yang menghala ke arah yang sama, atau arah yang bertentangan atau apabila melintasi jalan;

*(i)* bagi menetapkan syarat yang tertakluk kepadanya, dan masa apabila, binatang boleh dipimpin atau digembalakan di jalan;

*(j)* bagi melarang atau menetapkan syarat yang tertakluk kepadanya kenderaan atau kenderaan-kenderaan daripada sesuatu kelas atau perihalan boleh ditinggalkan dalam keadaan tidak bergerak atau ditinggalkan tanpa dijaga di mana-mana jalan, di mana-mana kelas jalan yang tertentu atau di mana-mana jalan tertentu;

*(k)* bagi melarang binatang daripada berada atau ditinggalkan tanpa dijaga atau tanpa kawalan sewajarnya di jalan atau di mana-mana kelas jalan tertentu atau di mana-mana jalan tertentu;

*(l)* bagi mengehadkan penggunaan kenderaan, binatang dan orang di jalan awam bagi maksud pengiklanan daripada apa-apa jenis atau dengan apa-apa cara, sehingga boleh menjadi suatu punca bahaya atau menyebabkan galangan kepada lalu lintas;

*(m)* bagi mengehadkan dan mengawal selia penggunaan di jalan-jalan akan kenderaan yang menjalankan kerja menegakkan, menempatkan, memindahkan, mengubahkan atau membaiki lampu, kabel atas dan membuat kerja-kerja jalan atau lebuh;

*(n)* bagi mengehadkan dan melarang pembasuhan kenderaan dan binatang di jalan;

*(o)* bagi menetapkan lampu dan reflektor yang hendak dipasang pada kenderaan atau pada kenderaan-kenderaan daripada mana-mana kelas atau perihalan apabila kenderaan itu digunakan di jalan, dan bagi menetapkan jenis lampu dan reflektor tersebut, tempat di mana, dan warna latar belakang atas mana, lampu dan reflektor itu hendak dipasang dan masa bila sesuatu lampu yang dipasang itu hendak dinyalakan;

*(p)* bagi menetapkan bilangan orang yang boleh dibawa di atas basikal berkayuh, basikal elektrik, trisikal berkayuh atau beca di jalan dan cara bagaimana orang itu boleh dibawa;

*(q)* bagi menetapkan saiz, warna dan jenis isyarat lalu lintas yang hendak ditempatkan di atas atau berhampiran dengan jalan;

*(r)* bagi menghendaki pemandu dan orang yang menjaga kenderaan motor dan kenderaan supaya memandu dan menggunakan kenderaan itu, dan orang yang menggunakan jalan supaya menggunakan jalan tersebut mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini, dan mematuhi segala arahan yang diberikan kepada mereka oleh mana-mana pegawai polis atau warden lalu lintas yang pada masa itu bertugas mengawal selia lalu lintas;

*(s)* bagi menghendaki orang yang memandu atau yang dibawa di atas motosikal supaya memakai topi keledar, dan bagi menentukan kelas atau perihalan motosikal itu; bagi menetapkan topi keledar itu mengikut bentuk, buatan, pelabelan, tanda atau apa-apa kualiti lain dan bagi melarangkan topi keledar daripada dijual, ditawarkan untuk dijual, disewakan, ditawarkan untuk disewakan atau dibekalkan dengan topi keledar jika ia tidak ditetapkan sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kaedah boleh dibuat berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam perenggan *(b)*, *(c)*, *(e)*, *(i)*, *(j)*, *(k)*, *(m)*, *(n)* dan *(q)* tanpa berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya.

Dengan syarat selanjutnya bahawa tiada kaedah-kaedah boleh dibuat berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam perenggan *(e)*, *(g)* dan *(h)* yang berhubungan dengan pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

(2) Berhubungan dengan jalan Persekutuan, Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya boleh membuat kaedah-kaedah bagi melarang mana-mana orang daripada menggunakan sesuatu jalan dengan cara yang mungkin menjejaskan kebersihannya.

(3) Kaedah-kaedah di bawah seksyen ini boleh membuat peruntukan bagi pembatalan apa-apa kaedah atau undang-undang kecil mengenai perkara yang sama seperti kaedah-kaedah itu dan bagi penggantungan, semasa kaedah-kaedah itu berkuat kuasa, apa-apa kuasa bagi membuat mana-mana kaedah atau undang-undang kecil sedemikian.

(4) Kaedah-kaedah di bawah seksyen ini boleh mengecualikan atau boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai atau pihak berkuasa, termasuk pihak berkuasa tempatan, untuk mengecualikan mana-mana orang atau kelas atau perihalan orang atau mana-mana kenderaan atau kelas atau perihalan kenderaan daripada peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

## BAHAGIAN IV

## PERUNTUKAN TERHADAP RISIKO PIHAK KETIGA YANG TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN KENDERAAN MOTOR

### Tafsiran

**89.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Biro Penanggung Insurans Motor" ertinya Biro Penanggung Insurans Motor yang telah menyempurnakan suatu perjanjian dengan Menteri Pengangkutan untuk memberi pampasan kepada mangsa pihak ketiga kemalangan jalan sekiranya mangsa itu dinafikan pampasan disebabkan ketiadaan insurans atau insurans yang efektif;

"penanggung insurans yang dibenarkan" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan insurans kenderaan motor dengan sahnya di Malaysia yang menjadi anggota Biro Penanggung Insurans Motor;

"polisi insurans" termasuklah nota perlindungan.

**Pembawa kenderaan motor hendaklah diinsuranskan terhadap risiko pihak ketiga**

**90.** (1) Tertakluk kepada Bahagian ini adalah tidak sah bagi mana-mana orang menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sesuatu kenderaan motor melainkan jika ada berkuat kuasa berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor itu oleh orang itu atau oleh orang lain tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu polisi insurans atau apa-apa jaminan berkenaan dengan risiko pihak ketiga yang mematuhi kehendak Bahagian ini.

(2) Jika seseorang bertindak dengan melanggar seksyen ini, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan seseorang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah, dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu di bawah Bahagian II bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh sabitan itu melainkan jika mahkamah oleh kerana sebab tertentu yang dinyatakan dalam perintah itu memikirkan patut untuk memerintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih lama.

(3) Seseorang yang dihilangkan kelayakan disebabkan sabitan di bawah seksyen ini atau suatu perintah yang dibuat di bawahnya, daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu hendaklah, bagi maksud Bahagian II, disifatkan sebagai telah dihilangkan kelayakan disebabkan sabitan di bawah peruntukan Bahagian itu:

Dengan syarat bahawa seseorang tidak boleh disabitkan dengan suatu kesalahan terhadap seksyen ini jika dia membuktikan—

*(a)* bahawa kenderaan itu bukan kepunyaannya dan bukan dalam milikannya di bawah apa-apa kontrak sewaan atau pinjaman;

*(b)* bahawa dia menggunakan kenderaan itu dalam perjalanan pekerjaannya; dan

*(c)* bahawa dia tidak mengetahui atau tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tidak ada berkuat kuasa berhubungan dengan pengguna tersebut apa-apa polisi insurans atau apa-apa jaminan yang mematuhi Bahagian ini.

(4) Walau apa pun undang-undang bertulis yang menetapkan masa dalam mana prosiding boleh dibawa di hadapan mahkamah, prosiding bagi kesalahan di bawah seksyen ini boleh dibawa—

*(a)* dalam tempoh enam bulan dari tarikh berlakunya kesalahan yang dikatakan itu; atau

*(b)* dalam tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh pendakwa mengetahui tentang berlakunya kesalahan itu atau tidak melebihi satu tahun dari tarikh kesalahan itu dilakukan,

mengikut tempoh masa mana yang lebih lama.

(5) Seksyen ini tidak terpakai—

*(a)* bagi kenderaan yang dipunyai oleh—

(i) mana-mana Kerajaan dalam Malaysia;

(ii) Kerajaan Republik Singapura;

(iii) sesuatu perbandaran atau pihak berkuasa tempatan lain yang diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerajaan tempatan kecuali bagi kenderaan perkhidmatan awam, selain suatu kenderaan pekerja; atau

(iv) sesuatu badan awam,

semasa kenderaan itu digunakan bagi maksud mana-mana Kerajaan, Perbandaran atau pihak berkuasa tempatan lain atau badan awam yang mempunyai kenderaan tersebut;

*(b)* bagi mana-mana kenderaan motor pada bila-bila masa kenderaan itu dipandu bagi kegunaan polis oleh atau di bawah arahan seseorang pegawai polis; atau semasa dalam perjalanan ke mana-mana atau dari mana-mana tempat yang diusahakan bagi maksud pensalvajan menurut Bahagian X Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord*. No. 70 tahun 1952];

*(c)* bagi apa-apa kenderaan motor pada bila-bila masa kenderaan itu dipandu oleh atau di bawah arahan seseorang pegawai pengangkutan jalan bagi maksud pemeriksaan atau ujian mekanisme kenderaan motor atau ujian kebolehan seseorang untuk mengawal atau memandu kenderaan motor berkaitan dengan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan motor; atau

*(d)* bagi kenderaan motor yang pemunya berdaftarnya telah mendepositkan dengan Akauntan Negara jumlah wang sebanyak seratus dua puluh lima ribu ringgit, pada bila-bila masa kenderaan itu dipandu oleh pemunya berdaftar itu atau oleh pekhidmatnya dalam perjalanan pekerjaannya, atau selainnya tertakluk di bawah kawalan pemunya berdaftar itu.

**Kehendak berkenaan dengan polisi**

**91.** (1) Bagi mematuhi kehendak Bahagian ini, sesuatu polisi insurans mestilah suatu polisi yang—

*(a)* dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans dibenarkan dalam erti Bahagian ini; dan

*(b)* menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan:

Dengan syarat bahawa polisi itu tidak dikehendaki melindungi—

*(aa)* liabiliti berkenaan dengan kematian akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaan seseorang yang bekerja dengan orang yang diinsuranskan oleh polisi itu atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang itu akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaannya; atau

*(bb)* kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut; atau

*(cc)* apa-apa liabiliti kontraktual.

(2) *(a)* Jika apa-apa pembayaran dibuat (sama ada dengan apa-apa pengakuan liabiliti atau tidak) oleh—

(i) seorang penanggung insurans yang dibenarkan di bawah atau akibat daripada polisi yang dikeluarkan di bawah Akta ini;

(ii) pemunya kenderaan motor yang berhubungan dengan penggunaannya ada berkuat kuasa suatu jaminan di bawah seksyen 93; atau

(iii) pemunya kenderaan motor yang telah membayar deposit di bawah perenggan 90(5)*(d)*,

berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh mana-mana orang akibat daripada penggunaan kenderaan motor di jalan, dan orang yang telah mati sedemikian atau telah mengalami kecederaan tubuh badan itu, sepanjang pengetahuan penanggung insurans yang dibenarkan itu atau pemunya tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah menerima rawatan di hospital, sama ada sebagai pesakit dalam atau pesakit luar, berkenaan dengan kecederaan yang berlaku itu, maka penanggung insurans yang

dibenarkan itu atau pemunya tersebut hendaklah juga membayar kepada hospital itu perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung oleh hospital tersebut dalam memberi rawatan sedemikian, selepas menolak daripada perbelanjaan itu apa-apa wang yang benar-benar diterima oleh hospital itu sebagai bayaran bagi caj tertentu untuk rawatan sedemikian:

Dengan syarat bahawa amaun yang dibayar oleh penanggung insurans yang dibenarkan itu atau pemunya tersebut tidak boleh melebihi empat ratus ringgit bagi setiap orang yang dirawat sebagai pesakit dalam atau sebanyak empat puluh ringgit bagi setiap orang yang dirawat sebagai pesakit luar.

*(b)* Bagi maksud subseksyen ini, ungkapan "hospital" ertinya sesuatu institusi (yang bukannya suatu institusi yang dikendalikan untuk mendapatkan untung) yang memberi rawatan perubatan atau pembedahan kepada pesakit dalam dan ungkapan "perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung" ertinya—

(i) berhubungan dengan seseorang yang menerima rawatan di hospital sebagai pesakit dalam, amaun bagi setiap hari yang orang itu dijaga di hospital itu yang merupakan kos harian purata bagi setiap pesakit dalam untuk penyenggaraan hospital dan kakitangannya dan penjagaan dan rawatan pesakit dalam di hospital itu; dengan syarat bahawa berkenaan dengan hospital Kerajaan yang mengambil masuk pesakit yang dikenakan bayaran, "perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung" ertinya amaun yang boleh dikenakan kepada orang awam, dalam wad daripada kelas yang dimasuki oleh pesakit yang menerima rawatan itu, mengikut skala fi yang dari semasa ke semasa itu berkuat kuasa di hospital tersebut; dan

(ii) berhubungan dengan seseorang yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital, perbelanjaan munasabah yang sebenarnya ditanggung.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang mengeluarkan polisi insurans di bawah seksyen ini hendaklah berliabiliti menanggung rugi orang atau kumpulan orang yang dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan

apa-apa liabiliti yang berupa sebagai dilindungi oleh polisi itu dalam hal orang atau kumpulan orang itu.

(4) Sesuatu polisi tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa bagi maksud Bahagian ini melainkan dan sehingga penanggung insurans menyerahkan kepada orang yang melaksanakan polisi itu suatu perakuan (yang dalam Akta ini disebut ”perakuan insurans“) mengikut borang yang ditetapkan dan mengandungi apa-apa butiran mengenai apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya polisi itu dikeluarkan dan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan, dan borang yang berlainan serta butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan berhubungan dengan hal-hal atau hal keadaan yang berlainan.

**Pemberian penyata dan maklumat oleh penanggung insurans**

**92.** Menteri boleh menghendaki mana-mana penanggung insurans dibenarkan supaya mengemukakan apa-apa penyata dan maklumat berhubungan dengan perniagaan insurans kenderaan motor yang dijalankan oleh penanggung insurans itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri itu.

**Kehendak berkenaan dengan jaminan**

**93.** (1) Bagi mematuhi kehendak Bahagian ini, suatu jaminan mestilah—

*(a)* diberi oleh penanggung insurans dibenarkan atau oleh sesuatu kumpulan orang yang diluluskan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, yang menjalankan perniagaan memberi jaminan daripada jenis seumpamanya di Malaysia; dan

*(b)* mengandungi suatu aku janji oleh pemberi jaminan itu untuk membayar balik, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan di dalamnya dan hingga ke suatu amaun, dalam hal suatu aku janji berhubungan dengan penggunaan kenderaan perkhidmatan awam, yang tidak kurang daripada dua ratus dua puluh lima ribu ringgit, dan dalam mana-mana hal lain, tidak kurang daripada empat

puluh ribu ringgit, apa-apa kegagalan oleh pemunya kenderaan itu atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang dinyatakan dalam jaminan itu untuk melaksanakan apa-apa liabiliti yang dikehendaki diliputi oleh polisi insurans di bawah seksyen 91 yang boleh ditanggung olehnya atau oleh mereka.

(2) Sesuatu jaminan tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa bagi maksud Bahagian ini melainkan orang yang memberi sekuriti itu telah mengeluarkan kepada orang yang diberikan jaminan tersebut suatu perakuan (yang dalam Akta ini disebut "perakuan jaminan") dalam borang yang ditetapkan dan mengandungi apa-apa butir mengenai apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya jaminan itu dikeluarkan dan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan, dan borang yang berlainan serta butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan bagi hal atau hal keadaan yang berlainan.

**Syarat tertentu dalam polisi atau jaminan tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa**

**94.** Apa-apa syarat dalam sesuatu polisi atau jaminan yang dikeluarkan atau diberi bagi maksud Bahagian ini yang memperuntukkan bahawa tiada apa-apa liabiliti akan timbul di bawah polisi atau jaminan itu atau bahawa apa-apa liabiliti yang timbul sedemikian akan terhenti sekiranya sesuatu benda tertentu dilakukan atau tidak dilakukan selepas berlakunya kejadian yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah polisi atau jaminan itu tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa berkaitan dengan tuntutan itu sebagaimana disebutkan dalam perenggan 91(1)*(b)*:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh dikira menjadikan tidak sah apa-apa peruntukan dalam sesuatu polisi atau jaminan yang menghendaki orang yang diinsuranskan atau dijamin itu membayar balik kepada penanggung insurans atau pemberi jaminan itu apa-apa jumlah wang yang orang yang kemudian mungkin berliabiliti untuk membayar di bawah polisi atau jaminan tersebut dan yang telah digunakan untuk memenuhi tuntutan pihak ketiga.

**Pengelakan pengehadan ke atas bidang polisi risiko pihak ketiga**

**95.** Jika sesuatu perakuan insurans telah diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang telah melaksanakan sesuatu polisi, sekian banyak daripada polisi itu yang berupa sebagai mengehadkan insurans orang yang diinsuranskan itu dengan merujuk kepada mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* umur atau keadaan jasmani atau mental orang yang memandu kenderaan itu;

*(b)* keadaan kenderaan motor itu;

*(c)* bilangan orang yang dibawa dalam kenderaan motor itu;

*(d)* beratnya atau ciri-ciri fizikal barang-barang yang diangkut oleh kenderaan motor itu;

*(e)* masa apabila atau kawasan dalam mana kenderaan motor itu digunakan;

*(f)* kuasa kuda atau nilai kenderaan motor itu;

*(g)* apa-apa alat tertentu yang dibawa dalam kenderaan motor itu;

*(h)* apa-apa cara pengenalan tertentu yang dibawa dalam kenderaan motor itu selain apa-apa cara pengenalan yang dikehendaki dibawa di bawah Bahagian II;

*(i)* pemandu kenderaan motor itu semasa berlakunya kemalangan itu yang berada di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah;

*(j)* pemandu kenderaan motor itu semasa berlakunya kemalangan itu tidak mempunyai lesen untuk memandu atau tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan motor tertentu itu;

*(k)* kenderaan motor itu digunakan bagi sesuatu maksud selain maksud yang dinyatakan dalam polisi itu, hendaklah,

berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)*(b)*, tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghendaki seseorang penanggung insurans membayar apa-apa jumlah wang berkenaan dengan liabiliti mana-mana orang selain bagi atau terhadap pelepasan liabiliti itu, dan apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans bagi atau terhadap pelepasan apa-apa liabiliti mana-mana orang yang dilindungi oleh polisi itu menurut kuasa seksyen ini boleh didapatkan kembali oleh penanggung insurans itu daripada orang tersebut.

**Kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga**

**96.** (1) Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)*(b)* (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, membayar kepada orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.

(2) Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1)—

*(a)* berkenaan dengan apa-apa penghakiman, melainkan sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya prosiding yang penghakiman itu diberi, penanggung

insurans itu telah mengetahui mengenai prosiding tersebut;

*(b)* berkenaan dengan apa-apa penghakiman, selagi pelaksanaannya digantungkan sementara menunggu rayuan; atau

*(c)* berkaitan dengan apa-apa liabiliti, jika sebelum berlakunya kejadian yang menjadi sebab kematian atau kecederaan tubuh badan yang menimbulkan liabiliti polisi itu dibatalkan dengan izin bersama atau menurut kuasa apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan sama ada—

(i) sebelum berlakunya kejadian tersebut, perakuan itu telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkenaan menyatakan bahawa perakuan itu telah hilang atau musnah;

(ii) selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi sebelum habisnya tempoh empat belas hari dari berkuat kuasanya pembatalan polisi itu, perakuan tersebut telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkanun seperti yang tersebut dahulu; atau

(iii) sama ada sebelum atau selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi di dalam tempoh empat belas hari tersebut, penanggung insurans telah memulakan prosiding di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kegagalan menyerahkan perakuan.

(3) Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1) jika, sebelum tarikh liabiliti ditanggung, penanggung insurans telah mengambil penetapan daripada mahkamah bahawa insurans itu tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan:

Dengan syarat bahawa seseorang penanggung insurans yang telah memperoleh sesuatu penetapan seperti yang tersebut dahulu dalam sesuatu tindakan tidak berhak mendapatkan faedah subseksyen ini berkenaan dengan apa-apa penghakiman yang diperoleh dalam prosiding yang dimulakan sebelum bermulanya tindakan itu melainkan, sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya tindakan itu, dia telah memberi notis mengenainya kepada orang yang menjadi plaintif dalam prosiding tersebut menyatakan apa-apa alasan yang mana dia bercadang untuk mengasaskan, dan mana-mana orang yang diberi notis mengenai tindakan itu berhak jika difikirkannya patut menjadi pihak kepada tindakan tersebut.

(4) Jika amaun yang seseorang penanggung insurans berliabiliti membayar di bawah seksyen ini berkenaan dengan liabiliti seseorang yang diinsuranskan oleh sesuatu polisi, melebihi amaun yang selain seksyen ini dia sepatutnya, berliabiliti di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, dia berhak untuk mendapat kembali lebihan daripada orang itu.

(5) Dalam seksyen ini, ungkapan "material" ertinya yang bersifat boleh mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat dalam menentukan sama ada dia akan mengambil risiko itu, dan jika demikian berapakah premiumnya dan dengan apa syarat dan ungkapan "liabiliti yang dilindungi oleh syaratkah polisi" ertinya yang menjadi suatu liabiliti jika tidak kerana lakukan bahawa penanggung insurans berhak untuk mengelakkan atau membatalkan atau telah mengelakkan atau membatalkan polisi itu.

(6) Dalam Bahagian ini, rujukan mengenai suatu perakuan insurans dalam mana-mana peruntukan yang berhubungan dengan penyerahan balik atau kehilangan atau pembinasaan sesuatu perakuan insurans hendaklah, berhubungan dengan polisi di mana lebih daripada satu perakuan dikeluarkan di bawahnya, ditafsirkan sebagai rujukan mengenai kesemua perakuan itu dan, jika apa-apa salinan mana-mana perakuan telah dikeluarkan, hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi rujukan mengenai salinan itu.

**Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans**

**97.** (1) Jika di bawah mana-mana polisi yang dikeluarkan bagi maksud Bahagian ini, seseorang (kemudian daripada ini disebut

"pengambil insurans") diinsuranskan terhadap liabiliti kepada pihak ketiga yang mungkin ditanggungnya—

*(a)* sekiranya pengambil insurans menjadi bankrap atau membuat suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya; atau

*(b)* dalam hal pengambil insurans itu adalah suatu, syarikat, sekiranya suatu perintah penggulungan dibuat atau suatu ketetapan untuk penggulungan sukarela diluluskan terhadap syarikat itu atau jika seorang penerima atau pengurus dilantik bagi perniagaan atau pengusahaan syarikat itu atau jika milikan diambil oleh atau bagi pihak pemegang apa-apa debentur yang dijamin oleh suatu gadaian terapung atas apa-apa harta yang terkandung di dalam atau tertakluk kepada gadaian itu,

jika sebelum atau selepas kejadian itu apa-apa liabiliti seperti yang tersebut dahulu ditanggung oleh pengambil insurans maka haknya terhadap penanggung insurans di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut hendaklah, walau apa pun yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, berpindah dan terletak hak pada pihak ketiga yang padanya liabiliti itu telah ditanggung.

(2) Jika suatu perintah dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan bagi pentadbiran dalam kebankrapan harta pusaka seseorang penghutang yang telah mati maka jika apa-apa hutang yang boleh dibuktikan dalam kebankrapan masih belum dibayar oleh simati berkenaan dengan suatu liabiliti yang terhadapnya dia telah diinsuranskan di bawah suatu polisi yang dikeluarkan bagi maksud Bahagian ini sebagai suatu liabiliti terhadap pihak ketiga, hak penghutang yang telah mati itu terhadap penanggung insurans di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut hendaklah, walau apa pun yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang, berpindah dan terletak hak pada orang yang hutangnya masih belum dibayar itu.

(3) Apa-apa syarat dalam suatu polisi yang dikeluarkan bagi maksud Bahagian ini yang secara langsung atau tidak langsung berupa sebagai hendak mengelakkan polisi itu atau hendak mengubahkan hak pihak di bawah polisi tersebut apabila berlakunya apa-apa kejadian yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(a)* atau *(b)*

kepada pengambil insurans atau apabila suatu perintah dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebankrapan mengenai pusakanya hendaklah tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa.

(4) Apabila hak dipindahkan di bawah subseksyen (1) atau (2), penanggung insurans hendaklah, tertakluk kepada seksyen 99, mempunyai liabiliti yang sama terhadap pihak ketiga itu sebagaimana dia sepatutnya mempunyai liabiliti terhadap pengambil insurans tersebut tetapi—

*(a)* jika liabiliti penanggung insurans terhadap pengambil insurans lebih daripada liabiliti pengambil insurans terhadap pihak ketiga itu, tiada apa pun dalam Akta ini boleh menjejaskan hak pengambil insurans terhadap penanggung insurans mengenai lebihan itu; dan

*(b)* jika liabiliti penanggung insurans itu terhadap pengambil insurans kurang daripada liabiliti penanggung insurans terhadap pihak ketiga tersebut, tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menjejaskan hak-hak pihak ketiga itu terhadap pengambil insurans mengenai baki itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 98 dan 99, ungkapan "liabiliti terhadap pihak ketiga" berhubungan dengan seseorang yang diinsuranskan di bawah apa-apa polisi insurans tidak meliputi apa-apa liabiliti orang itu atas sifat penanggung insurans di bawah apa-apa polisi insurans yang lain.

(6) Seksyen ini dan seksyen 98 dan 99 tidak terpakai—

*(a)* jika sesuatu syarikat digulung dengan sukarela semata-mata bagi maksud pembentukan semula atau penyatuan dengan syarikat lain; atau

*(b)* bagi apa-apa hal yang subseksyen 21(1) dan (2) Akta Pampasan Pekerja 1952 [*Akta 273*] terpakai.

**Kewajipan untuk memberi maklumat yang perlu kepada pihak ketiga**

**98.** (1) Mana-mana orang yang suatu tuntutan dibuat terhadapnya berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh suatu polisi di bawah perenggan 91(1)*(b)* hendaklah, atas permintaan oleh atau bagi pihak orang yang membuat tuntutan, menyatakan sama ada atau tidak dia telah diinsuranskan berkenaan dengan liabiliti itu menurut apa-apa polisi yang mempunyai kuat kuasa bagi maksud Bahagian ini atau sepatutnya telah diinsuranskan sedemikian, jika penanggung insurans tidak mengelakkan atau membatalkan polisi itu, dan jika dia telah atau sepatutnya telah diinsuranskan sedemikian memberi apa-apa butir berkenaan dengan polisi itu sebagaimana dinyatakan di dalam perakuan insurans yang dihantarkan berkenaan dengannya di bawah subseksyen 91(4).

(2) Sekiranya mana-mana orang menjadi bankrap atau membuat suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau sekiranya suatu perintah yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kebankrapan berkenaan dengan estet mana-mana orang atau sekiranya suatu perintah penggulungan dibuat atau suatu penetapan untuk penggulungan sukarela diluluskan berkenaan dengan mana-mana syarikat atau jika seorang penerima atau pengurus bagi perniagaan atau pengusahaan syarikat itu dilantik atau jika milikan diambil oleh atau bagi pihak pemegang apa-apa debentur yang dijamin oleh suatu gadaian terapung atas apa-apa harta yang terkandung di dalam atau tertakluk kepada gadaian itu, hendaklah menjadi tanggungjawab penghutang yang bankrap, wakil diri penghutang yang telah mati atau syarikat itu dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ketua Pengarah Insolvensi, pemegang amanah, penyelesai, penerima atau pengurus atau orang yang memiliki harta itu untuk memberi, atas permintaan mana-mana orang yang mendakwa bahawa penghutang yang bankrap, penghutang yang telah mati atau syarikat itu mempunyai sesuatu liabiliti terhadapnya, apa-apa maklumat sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki olehnya bagi maksud menentukan sama ada apa-apa hak yang telah berpindah atau terletak hak padanya di bawah Akta ini dan bagi maksud menguatkuasakan hak itu, jika ada, dan apa-apa kontrak insurans setakat mana ia sama ada secara langsung atau tidak langsung berupa hendak mengelakkan kontrak itu atau hendak mengubah hak pihak-pihak di bawah kontrak tersebut atau pemberian apa-apa maklumat sedemikian dalam keadaan tersebut dahulu atau

selainnya untuk melarang atau mencegah pemberian maklumat itu dalam keadaan tersebut tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa.

(3) Jika maklumat yang diberikan kepada mana-mana orang menurut subseksyen (2) menzahirkan alasan yang munasabah bagi mengandaikan bahawa telah dan mungkin telah dipindahkan kepadanya di bawah Akta ini hak terhadap mana-mana penanggung insurans tertentu, penanggung insurans itu tertakluk kepada kewajipan yang sama sebagaimana yang dikenakan oleh subseksyen tersebut terhadap orang yang tersebut dalam seksyen itu.

(4) Kewajipan untuk memberi maklumat yang dikenakan oleh seksyen ini hendaklah meliputi kewajipan untuk membenarkan segala kontrak insurans, resit bagi premium dan dokumen lain yang relevan dalam milikan atau kuasa orang yang padanya kewajipan itu dikenakan sedemikian untuk diperiksa dan salinannya dibuat.

(5) Jika mana-mana orang, tanpa alasan munasabah, gagal mematuhi seksyen ini atau sengaja membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam menjawab apa-apa permintaan seperti yang tersebut dahulu dia melakukan suatu kesalahan.

**Penyelesaian di antara penanggung insurans dan orang yang mengambil insurans**

**99.** Jika seseorang yang diinsuranskan di bawah suatu polisi yang dikeluarkan bagi maksud di Bahagian ini telah menjadi bankrap atau jika, dalam hal orang yang diinsuranskan itu suatu syarikat, suatu perintah penggulungan telah dibuat atau suatu ketetapan untuk penggulungan sukarela telah diluluskan berkenaan dengan syarikat itu, tiada apa-apa perjanjian yang dibuat di antara penanggung insurans dan pengambil insurans setelah liabiliti dipertanggungkan terhadap pihak ketiga dan setelah bermulanya kebankrapan atau penggulungan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, juga tiada apa-apa penepian, penyerahakan atau pelupusan lain yang dibuat oleh, atau pembayaran yang dibuat kepada, penanggung insurans selepas bermulanya kebankrapan atau penggulungan yang tersebut dahulu boleh berkuat kuasa menggagal atau menjejaskan hak yang berpindah kepada pihak ketiga di bawah Akta ini, tetapi hak itu hendaklah sama seolah-olah tiada apa-apa perjanjian, pengetepian, penyerahakan, pelupusan atau pembayaran telah dibuat.

**Kebankrapan, dll., tidak menjejaskan tuntutan pihak ketiga**

**100.** Jika suatu perakuan insurans telah diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang telah melaksanakan suatu polisi, berlakunya berhubungan dengan mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, apa-apa kejadian sebagaimana yang tersebut dalam subseksyen 97(1) atau (2), walau apa pun yang terkandung di dalam Akta ini, tidak boleh menjejaskan apa-apa liabiliti orang itu sebagaimana dikehendaki dilindungi oleh suatu polisi di bawah perenggan 91(1)*(b)* Akta ini, tetapi tiada apa pun dalam seksyen ini boleh menjejaskan apa-apa hak terhadap penanggung insurans yang diberikan di bawah seksyen 97, 98 dan 99 orang yang baginya liabiliti itu telah dipertanggungkan.

**Hak lanjut pihak ketiga terhadap penanggung insurans**

**101.** (1) Tiada apa-apa penyelesaian oleh seseorang penanggung insurans berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang boleh dibuat oleh pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki sebagaimana dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)*(b)* boleh menjadi sah melainkan pihak ketiga itu adalah pihak kepada penyelesaian sedemikian.

(2) Sesuatu polisi yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah terus berkuat kuasa dan boleh digunakan oleh pihak ketiga, walau pun atas kematian mana-mana orang yang diinsuranskan di bawah perenggan 91(1)*(b)* seolah-olah orang yang diinsuranskan itu masih hidup.

**Penyerahan balik perakuan disebabkan pembatalan polisi**

**102.** (1) Jika suatu perakuan insurans telah diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang telah melaksanakan sesuatu polisi dan polisi itu telah dibatalkan dengan persetujuan bersama atau menurut kuasa apa-apa peruntukan di dalam polisi itu, orang yang telah diserahkan perakuan itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari berkuat kuasanya pembatalan itu, menyerahkan balik perakuan itu kepada penanggung insurans atau, jika perakuan itu telah hilang atau musnah, membuat suatu akuan berkanun bagi maksud itu, dan jika dia gagal berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika sesuatu polisi tidak dikeluarkan berikutan dengan pengeluaran suatu nota perlindungan, atau suatu polisi telah dibatalkan, dipindahkan kepada orang lain atau diubah bagi melindungi kenderaan yang diinsuranskan itu untuk digunakan bagi maksud yang selain maksud yang insurans itu pada mulanya dikeluarkan, maka hendaklah menjadi kewajipan penanggung insurans untuk serta-merta memberitahu Pengarah yang telah mendaftarkan kenderaan yang diinsuranskan oleh polisi atau nota perlindungan itu, dan jika dia gagal berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

**Pengemukaan perakuan**

**103.** (1) Pemunya kenderaan motor berkewajipan untuk memberi apa-apa maklumat yang dia dikehendaki memberi oleh atau bagi pihak Ketua Pegawai Polis atau Pengarah bagi maksud menentukan sama ada kenderaan motor itu telah dipandu atau tidak dipandu dengan melanggar seksyen 90 pada bila-bila masa apabila pemandu itu dikehendaki, di bawah seksyen 58, mengemukakan perakuannya dalam masa lima hari, dan jika pemunya itu gagal berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Dalam seksyen ini, ungkapan "mengemukakan perakuannya" ertinya mengemukakan untuk pemeriksaan perakuan insurans atau perakuan jaminan yang relevan atau apa-apa keterangan lain bahawa kenderaan motor itu tidak dipandu atau telah tidak dipandu dengan melanggar seksyen 90 sebagaimana ditetapkan.

**Penanggung insurans hendaklah diberitahu mengenai apa-apa kejadian**

**104.** Pengambil insurans berkewajipan untuk memberitahu penanggung insurans secepat mungkin mengenai apa-apa kejadian yang boleh membangkitkan suatu tuntutan di bawah suatu polisi.

**Deposit**

**105.** Jika apa-apa jumlah wang didepositkan oleh mana-mana orang menurut atau sebagai suatu syarat kelulusan oleh Menteri di bawah seksyen 91 atau 93, tiada apa-apa bahagian jumlah wang itu, selagi apa-apa liabiliti iaitu liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi insurans di bawah Bahagian ini yang telah ditanggung olehnya masih belum dilepaskan atau diperuntukkan selainnya, boleh digunakan bagi melepaskan apa-apa liabiliti lain yang ditanggung olehnya.

**Pemakaian Bahagian ini kepada jaminan**

**106.** Bahagian ini hendaklah terpakai, berhubungan dengan jaminan yang mempunyai kuat kuasa bagi maksud Bahagian ini, sebagaimana ia terpakai berhubungan dengan polisi insurans, dan berhubungan dengan apa-apa jaminan seperti yang tersebut dahulu rujukan dalam peruntukan tersebut mengenai diinsuranskan, mengenai perakuan insurans, mengenai penanggung insurans dan mengenai orang yang diinsuranskan; hendaklah masing-masingnya ditafsirkan sebagai rujukan mengenai berkuat kuasanya jaminan itu, mengenai perakuan jaminan, mengenai pemberi jaminan dan mengenai orang yang liabilitinya dilindungi oleh jaminan itu.

**Kaedah-kaedah**

**107.** Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini dan pada amnya bagi maksud menguatkuasakan Bahagian ini, dan khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu boleh membuat kaedah-kaedah—

*(a)* untuk menetapkan borang yang hendak digunakan bagi maksud Bahagian ini;

*(b)* mengenai permohonan bagi perakuan insurans dan apa-apa dokumen lain serta pengeluarannya ditetapkan, dan mengenai penyimpanan rekod dokumen dan pemberian butir-butir mengenainya, atau pemberian maklumat

berkenaan dengannya, kepada Menteri, Ketua Pegawai Polis atau Ketua Pengarah;

*(c)* mengenai pengeluaran salinan mana-mana perakuan atau dokumen lain yang hilang atau musnah;

*(d)* mengenai penjagaan, pengemukaan, pembatalan dan penyerahan balik mana-mana perakuan atau dokumen lain; dan

*(e)* bagi memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan Bahagian ini hendaklah, berhubungan dengan kenderaan motor yang dibawa ke Malaysia dari suatu tempat di luar Malaysia oleh orang yang hanya tinggal untuk sementara di Malaysia, berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa ubah suaian dan penyesuaian sebagaimana yang ditetapkan.

## BAHAGIAN V

## KESALAHAN DAN PELBAGAI PERUNTUKAN

### Pernyataan palsu

**108.** (1) Jika mana-mana orang—

*(a)* bagi maksud mendapatkan di bawah peruntukan mana-mana Bahagian, pemberian apa-apa jenis atau perihalan lesen bagi dirinya atau mana-mana orang lain, atau pengubahan mana-mana lesen sedemikian, atau bagi maksud menahan pemberian atau pengubahan mana-mana lesen sedemikian atau memperoleh pengenaan apa-apa syarat atau pengehadan berhubungan dengan mana-mana lesen sedemikian, membuat apa-apa pernyataan atau akuan yang diketahuinya palsu atau tidak betul, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atau mengelirukan dalam apa-apa hal material;

*(b)* bagi maksud mendapatkan pengeluaran perakuan insurans atau perakuan jaminan di bawah Bahagian IV, membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan, atau menyembunyikan apa-apa maklumat yang material, melainkan jika dia membuktikan, dengan memuaskan hati

mahkamah, bahawa dia bertindak tanpa apa-apa niat untuk memperdaya;

*(c)* memberi apa-apa butir atau dokumen berkaitan dengan pendaftaran atau pelesenan kenderaan motor atau mengenai penukaran pemilikannya, atau berhubungan dengan lesen perdagangan kenderaan, yang diketahuinya palsu atau mengelirukan dalam apa-apa hal material;

*(d)* semasa memberi keterangan dalam mana-mana siasatan yang diadakan di bawah Akta ini, membuat apa-apa pernyataan yang palsu dan yang sama ada diketahuinya atau dipercayainya palsu, atau yang tidak dipercayainya sebagai benar;

*(e)* membuat apa-apa catatan palsu dalam mana-mana buku atau rekod atau membuat apa-apa dokumen yang mengandungi suatu pernyataan yang palsu, dengan niat supaya catatan atau dokumen atau pernyataan itu akan terdapat atau diberi sebagai keterangan dalam mana-mana siasatan yang diadakan di bawah Akta ini; atau

*(f)* membuat apa-apa catatan dalam suatu rekod, daftar, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki dikeluarkan, disimpan, disenggara atau diberi di bawah Akta ini yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa hal material,

dia melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen ini, apabila terbukti bahawa apa-apa permohonan, butir-butir, penyata, akaun, dokumen atau pernyataan bertulis adalah palsu atau tidak betul keseluruhannya atau sebahagiannya atau mengelirukan dalam apa-apa butir material, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa permohonan, butir-butir, penyata, akaun, dokumen atau pernyataan bertulis itu palsu atau tidak betul atau mengelirukan dalam butir material mengikut mana-mana yang dikehendaki, pada pengetahuan orang yang menandatangani, menghantarkan atau menyediakannya.

(3) Jika, mana-mana orang—

*(a)* memalsukan, mengubahkan, mengusik, merosakkan, mencacatkan, menggunakan atau meminjamkan kepada atau membenarkan untuk digunakan oleh mana-mana orang lain akan apa-apa tanda, plat atau dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini untuk dibawa atau dipamerkan di atas kenderaan motor, atau mana-mana perakuan pendaftaran, lesen, perakuan insurans atau perakuan jaminan di bawah Bahagian IV;

*(b)* membuat atau mempunyai dalam pemilikannya apa-apa tanda, plat atau dokumen yang hampir-hampir menyerupai apa-apa tanda, plat atau dokumen yang tersebut dahulu dikira sebagai untuk memperdaya;

*(c)* mengubahkan apa-apa catatan yang dibuat dalam suatu perakuan insurans, perakuan jaminan, buku pendaftaran, daftar, lesen atau dokumen lain yang dikeluarkan atau disimpan di bawah Akta ini;

*(d)* mengeluarkan perakuan insurans atau perakuan jaminan yang palsu dan tidak betul, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atau mengelirukan dalam apa-apa hal yang material;

*(e)* mempamerkan pada sesuatu kenderaan motor apa-apa lesen atau tanda pengenalan, plat atau dokumen yang telah diubah, diusik, dirosakkan, dicacatkan atau ditambah, atau apa-apa tiruan bagi sesuatu lesen, tanda, plat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini untuk dibawa atau dipamerkan pada sesuatu kenderaan motor;

*(f)* mempamerkan pada sesuatu kenderaan motor apa-apa lesen atau tanda pengenalan, plat atau dokumen yang bukan kepunyaan kenderaan tersebut;

*(g)* menggunakan apa-apa lesen memandu, atau lesen untuk bertindak sebagai pemandu atau konduktor kenderaan perkhidmatan awam yang dipalsukan, diubah, dirosakkan atau dicacatkan, atau apa-apa lencana yang ditetapkan untuk dibawa oleh orang itu, atau apa-apa lesen yang

padanya tambahan yang tidak dibenarkan oleh Akta ini atau apa-apa kaedah di bawahnya telah dibuat;

*(h)* mengubah, merosak, menyembunyikan atau memotong apa-apa pengendorsan di atas suatu lesen memandu atau suatu lesen untuk bertindak sebagai pemandu atau konduktor suatu kenderaan perkhidmatan awam;

*(i)* menyediakan atau menyenggara atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan rekod-rekod palsu yang dikehendaki disenggara di bawah Akta ini; atau

*(j)* memalsukan atau membenarkan pemalsuan rekod-rekod yang dikehendaki diberikan di bawah Akta ini,

dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Subseksyen (3) hendaklah, dengan segala ubah suaian yang perlu, terpakai berhubungan dengan suatu dokumen yang membuktikan perlantikan pegawai pengangkutan jalan sebagaimana ia terpakai berhubungan dengan lesen.

(5) *(a)* Jika mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen yang dibawa di dalam suatu kenderaan motor, atau apa-apa lesen atau perakuan insurans atau perakuan jaminan atau buku pendaftaran atau rekod atau dokumen lain yang dikemukakan kepadanya oleh pemandu atau orang yang menjaga suatu kenderaan motor menurut peruntukan Akta ini, adalah dokumen yang berhubungan dengannya suatu kesalahan di bawah seksyen ini telah dilakukan, dia boleh menyita dokumen itu.

*(b)* Bagi maksud subseksyen ini, ungkapan "dokumen" hendaklah termasuk suatu plat atau lencana, dan kuasa untuk menyita hendaklah termasuk kuasa untuk menanggalkan daripada kenderaan motor.

(6) Dalam seksyen ini ungkapan "perakuan insurans" dan "perakuan jaminan" termasuklah apa-apa dokumen yang dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri menurut kuasanya di bawah Bahagian IV untuk menetapkan keterangan yang boleh

dikemukakan sebagai ganti perakuan insurans atau perakuan jaminan dan ungkapan “tanda” termasuklah nombor enjin atau casis sesuatu kenderaan motor.

**Liabiliti pemunya berdaftar dan lain-lain**

**109.** (1) Bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, pemunya berdaftar suatu kenderaan motor hendaklah disifatkan sebagai pemunya kenderaan motor tersebut.

(2) Kecuali jika dikehendaki selainnya oleh Akta ini, apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh sesiapa jua yang menjadi pemandu kenderaan motor itu pada masa material, hendaklah bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, disifatkan sebagai perbuatan atau peninggalan pemunya berdaftar melainkan dia memuaskan hati mahkamah bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan berhati-hati untuk mencegah perbuatan atau peninggalan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi sesuatu perbuatan atau peninggalan seseorang yang memandu suatu kenderaan motor yang melanggar seksyen 41 hingga 49.

(3) Sekiranya apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh sesiapa jua yang menjadi pemandu kenderaan motor itu pada masa material itu, yang boleh menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini jika dilakukan oleh pemunya berdaftar, pemandu itu juga melakukan kesalahan tersebut.

(3A) Jika pemegang lesen ialah pemunya berdaftar kenderaan motor yang digunakan oleh mana-mana pekerja dalam pelakuan kesalahan di bawah seksyen 41, 42, 43, 44, 45 atau 45A dan tiga atau lebih kesalahan di bawah seksyen itu atau apa-apa gabungan seksyen itu telah dilakukan dalam tempoh tiga tahun dalam penjalanan pekerjaan itu oleh pekerja yang sama, sama ada melibatkan kenderaan motor yang sama atau sebaliknya, pemegang lesen itu melakukan kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus lima puluh ribu ringgit.

(3B) Jika kesalahan kali kedua atau kali kemudian di bawah subseksyen (3A) dilakukan dalam tempoh tiga tahun daripada sabitan di bawah subseksyen (3A), pemegang lesen itu boleh didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit.

(4) Jika pemunya berdaftar adalah suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah pengarah, pengurus besar, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu melainkan dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa izin atau pembiarannya dan bahawa dia telah berusaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana dia sepatutnya lakukan memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "pemegang lesen" ertinya—

*(a)* berkenaan dengan Semenanjung Malaysia—

(i) orang yang dilesenkan sebagai pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam;

(ii) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan pelancongan; atau

(iii) orang yang dilesenkan sebagai pengendali perkhidmatan kenderaan barangan,

di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dan

*(b)* bagi Sabah dan Sarawak—

(i) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan perkhidmatan awam bagi bas berhenti-henti, bas catar, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas pengantara atau bas sekolah; atau

(ii) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan barangan bagi lesen pembawa 'A' atau lesen pembawa 'B',

di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

**Penalti kerana galangan dan gangguan**

**110.** Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah dengan meletakkan apa-apa jenis kenderaan, perihalan benda atau perkara di jalan atau berhampiran dengannya atau secara mengganggu apa-apa saliran yang dibina di tepi mana-mana jalan, menggalang atau membahayakan lalu lintas di jalan itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

**110A.** (*Dipotong oleh Akta A1391*).

**Bersubahat melakukan kesalahan**

**111.** (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan terhadap Akta ini hendaklah dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan ini.

(2) Jika seseorang disabitkan kerana bersubahat melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) (iaitu suatu kesalahan yang jika disabitkan, suatu lesen memandu yang diberi di bawah Bahagian II boleh digantung atau diendorskan atau defendan dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan itu) dan terbukti bahawa dia berada di dalam kenderaan motor itu pada masa berlakunya kesalahan itu, kesalahan yang dia disabitkan hendaklah, bagi maksud Bahagian yang berhubungan dengan pengendorsan dan penggantungan lesen dan kehilangan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen, disifatkan sebagai suatu kesalahan berkaitan dengan pemanduan suatu kenderaan motor.

**Kuasa bagi penangkapan, pemberhentian dan penahanan**

**112.** (1) Seseorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas boleh menangkap tanpa waran—

*(a)* mana-mana orang yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan suatu kesalahan terhadap seksyen 41, 42, 44, 45, 45A atau 50;

*(b)* mana-mana orang, yang bukannya pemandu suatu kenderaan motor, yang dalam pandangannya melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini selain suatu kesalahan terhadap mana-mana seksyen yang disebutkan dalam perenggan *(a)*:

Dengan syarat bahawa orang itu tidak boleh ditangkap jika dia memuaskan hati pegawai itu tentang namanya dan tempat kediamannya di Malaysia, dan bahawa dia tidak berniat untuk melarikan diri;

*(c)* mana-mana orang yang menjaga atau memandu suatu kenderaan motor yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini selain suatu kesalahan terhadap mana-mana seksyen yang disebutkan dalam perenggan *(a)*:

Dengan syarat bahawa orang itu tidak boleh ditangkap jika—

(i) di atas permintaan pegawai tersebut dia mengemukakan lesen memandunya untuk membolehkan pegawai itu menentukan nama dan alamat pemegang itu, tarikh pengeluaran dan pihak berkuasa yang mengeluarkannya; atau

(ii) yang bukannya pemandu suatu kenderaan motor yang digunakan untuk membawa penumpang untuk sewa atau upah atau untuk membawa barangan, dia memberi pegawai itu namanya dan tempat kediamannya di Malaysia,

melainkan jika pegawai itu mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa nama dan alamat yang ditentukan atau diberikan itu adalah palsu.

(2) Seseorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas boleh menghendaki mana-mana orang yang didapatinya menjadi atau telah menjadi penumpang dalam kenderaan motor yang berhubungan dengannya pegawai itu menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen ini untuk memberikannya nama dan alamatnya; dan jika orang itu enggan

memberikan nama dan alamat itu dia boleh (tertakluk kepada subseksyen 123(2)) ditangkap oleh pegawai itu tanpa waran supaya nama dan alamatnya dapat ditentukan.

(3) Seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas boleh menahan mana-mana basikal, basikal elektrik atau trisikal yang dalam pandangannya suatu kesalahan telah dilakukan berkenaan dengannya.

**Kuasa polis dalam penyiasatan**

**113.** (1) Tiap-tiap pegawai polis yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh menjalankan apa-apa atau segala kuasa khas yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan kepada pegawai polis itu di bawah Bab XIII Kanun Acara Jenayah [*Akta 593*], dan seksyen 112 hingga 114 Kanun itu, adalah terpakai kepada pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa semasa penyiasatan itu dijalankan.

(2) Jika apa-apa kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya, seorang warden lalu lintas mempunyai kuasa supaya menghendaki, sama ada secara lisan atau secara bertulis, mana-mana orang untuk memberinya apa-apa maklumat dan mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat itu atau memberikan apa-apa maklumat yang dia ada sebab untuk mempercayai sebagai palsu, melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa pegawai pengangkutan jalan dalam penyiasatan**

**114.** (1) Tiap-tiap pegawai pengangkutan jalan yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, daripada mana-mana orang yang diandaikan tahu akan fakta dan hal keadaan kes yang disiasat.

(2) Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh seorang pegawai pengangkutan jalan supaya memberi maklumat di bawah seksyen ini, enggan mematuhi permintaan sedemikian oleh pegawai atau menyatakan sebagai benar, maklumat yang dia tahu atau ada

sebab untuk mempercayai sebagai palsu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Apabila maklumat sedemikian dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul keseluruhan atau sebahagiannya, tidak boleh menjadi dalihan untuk mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagiannya telah disalahtafsirkan, atau diberikan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud.

**Kewajipan memberi maklumat dan penggunaan pernyataan sebagai keterangan**

**115.** (1) Jika pemandu suatu kenderaan motor dikatakan atau disyaki melakukan suatu kesalahan berkaitan dengan pemanduan kenderaan motor—

*(a)* pemunya kenderaan motor itu hendaklah memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dia dikehendaki memberi oleh seorang pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan mengenai identiti dan alamat orang yang telah memandu kenderaan motor itu pada masa atau lebih kurang pada masa kesalahan yang dikatakan itu, dan mengenai lesen atau lesen-lesen yang dipegang oleh orang itu, dan jika dia gagal berbuat demikian dalam tempoh tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya dia melakukan suatu kesalahan melainkan dia membuktikan dengan memuaskan hati mahkamah, bahawa dia tidak mengetahui atau tidak boleh dengan usaha yang munasabah memastikan maklumat yang dikehendaki; dan

*(b)* mana-mana orang lain yang telah atau sepatutnya menjaga kenderaan motor itu hendaklah, jika dikehendaki seperti yang tersebut dahulu, memberi apa-apa maklumat yang dalam kuasanya untuk memberi, dan yang boleh menyebabkan pengenalan pemandu itu, dan jika, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia gagal berbuat demikian, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Walau apa pun yang terkandung di dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa maklumat yang diberikan di bawah seksyen ini oleh mana-mana orang yang dipertuduh dengan mana-mana kesalahan yang berkaitan dengan pemanduan suatu kenderaan motor boleh digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan terhadap pertuduhan itu.

(3) Walau apa pun yang terkandung di dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada mana-mana pegawai polis bahawa sesuatu kenderaan motor tertentu telah dipandu oleh atau dipunyai oleh orang itu atau ia dipunyai oleh suatu perkongsian yang orang itu juga menyatakan bahawa dia telah menjadi pekongsinya atau suatu perbadanan yang dia menyatakan bahawa dia telah menjadi pengarah, pegawai atau pekerjanya pada suatu ketika tertentu boleh diterima sebagai keterangan bagi maksud menentukan oleh siapa kenderaan itu telah dipandu atau kepada siapa kereta itu dipunyai.

**Kewajipan untuk memberikan maklumat dan kuasa memerintahkan kehadiran di mahkamah**

**115A.** (1) Walau apa pun seksyen 115, jika pemunya sesuatu kenderaan motor dikatakan telah melakukan atau disyaki melakukan suatu kesalahan yang berhubungan dengan pemanduan sesuatu kenderaan motor, seorang pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik menyampaikan kepada pemunya itu suatu notis dalam borang yang ditetapkan ke alamatnya yang terakhir diketahui bagi pemunya kenderaan motor itu memerintahkannya untuk memberikan maklumat tentang identiti dan alamat orang yang telah memandu kenderaan motor tersebut pada masa atau lebih kurang pada masa kesalahan yang dikatakan itu, dan tentang lesen yang dipegang oleh orang itu.

(2) Jika pemunya sesuatu kenderaan motor yang kepadanya disampaikan notis yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak mematuhi notis itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia hendaklah disifatkan sebagai pemandu kenderaan motor itu pada masa atau lebih kurang pada masa kesalahan itu dilakukan dan hendaklah hadir di hadapan

mahkamah Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa maklumat yang diberikan di bawah seksyen ini oleh mana-mana orang yang kemudiannya dipertuduh dengan apa-apa kesalahan berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan motor boleh digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan bagi pertuduhan itu.

**116.** (*Dipotong oleh Akta A1065*).

**Bidang kuasa mahkamah Majistret Kelas Satu**

**116A.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, mahkamah Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan boleh menjatuhkan hukuman penuh bagi kesalahan itu.

**Peruntukan mengenai keterangan**

**117.** (1) Suatu perakuan pendaftaran hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pendaftaran kenderaan motor yang disebut di dalamnya, dan mengenai butir-butir yang terdapat di dalam daftar itu berhubungan dengan kenderaan motor itu dan pemunya berdaftarnya.

(2) Suatu salinan apa-apa catatan dalam mana-mana daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini, yang berupa sebagai ditandatangani oleh atau bagi pihak orang yang di bawah Akta ini, dikehendaki menyimpan daftar itu, dan diperakui oleh atau bagi pihak orang tersebut sebagai salinan sebenar catatan itu, hendaklah menjadi keterangan bagi perkara yang dinyatakan dalam catatan itu tanpa bukti mengenai tandatangan atau kuasa orang yang menandatangani catatan atau perakuan tersebut.

(3) Apabila dalam apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini perlu untuk membuktikan—

*(a)* bahawa suatu kenderaan motor telah, atau telah tidak, didaftarkan dalam nama mana-mana orang;

*(b)* bahawa mana-mana orang adalah, atau bukan, pemunya berdaftar suatu kenderaan motor; atau

*(c)* bahawa mana-mana orang adalah, atau bukan, pemegang yang diberikan di bawah Bahagian II,

suatu perakuan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh seorang Pengarah, Timbalan Pengarah atau Pengarah dan memperakui perkara yang tersebut dahulu boleh diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* bagi fakta yang diperakui dalam perakuan itu, tanpa bukti mengenai tandatangan Pengarah, Timbalan Pengarah atau Pengarah bagi perakuan itu.

(4) Jika dalam apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta ini adalah perlu untuk membuktikan—

*(a)* bahawa suatu kenderaan motor adalah, atau bukan, suatu kenderaan dibenarkan; atau

*(b)* bahawa mana-mana orang adalah seorang pegawai pengangkutan jalan,

suatu perakuan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah, dan memperakui tentang perkara yang tersebut dahulu, boleh diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* bagi fakta yang diperakui dalam perakuan itu, tanpa bukti mengenai tandatangan Ketua Pengarah bagi perakuan itu.

(5) Apabila dalam apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini, apa-apa soal timbul tentang kerosakan atau takat kerosakan yang dilakukan ke atas kenderaan motor akibat daripada suatu kemalangan atau sama ada suatu kenderaan motor mematuhi atau tidak mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini berhubungan dengan pembinaan, kelengkapan atau syarat penggunaan kenderaan motor itu, perakuan seseorang pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta ini bahawa dia telah memeriksa kenderaan motor itu serta hasil pemeriksaan tersebut boleh diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* yang memadai bagi apa-apa fakta atau pendapat yang dinyatakan di

dalamnya berhubungan dengan pembinaan, kelengkapan atau syarat penggunaan kenderaan motor itu, dan pegawai itu atau orang yang dilesenkan di bawah Akta ini boleh tidak dipanggil untuk pemeriksaan balas ke atas perakuan itu melainkan jika keterangan yang bertentangan diberikan dan didapati oleh mahkamah sebagai boleh dipercayai, atau melainkan jika atas apa-apa alasan, mahkamah memikirkan pemeriksaan balas perlu atau dikehendaki bagi kepentingan keadilan:

Dengan syarat bahawa dalam apa-apa hal yang pendakwaan bercadang hendak memberi mana-mana perakuan sedemikian sebagai keterangan; hendaklah diserahkan kepada defendan satu salinan perakuan itu tidak kurang dari sepuluh hari genap sebelum bermulanya perbicaraan.

(6) Apabila dalam mana-mana prosiding perlu untuk membuktikan berat apa-apa muatan yang dibawa oleh mana-mana kenderaan, atau berat yang dibawa oleh gandar kenderaan itu, suatu perakuan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh—

*(a)* mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pegawai Polis atau Pesuruhjaya Polis;

*(b)* mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah;

*(c)* mana-mana pegawai Jabatan Kerja Raya yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Kerjaraya atau Pengarah Kerja Raya Negeri, atau mana-mana pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia;

*(d)* mana-mana warden lalu lintas yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Dato Bandar atau Perbadanan Putrajaya;

*(e)* mana-mana pegawai pihak berkuasa pelabuhan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengurus Besar pihak berkuasa pelabuhan itu;

*(f)* mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta ini,

untuk mengendalikan jambatan timbang atau alat penimbang di mana kenderaan atau muatan tersebut telah ditimbang, dan memperakukan—

*(aa)* bahawa jambatan timbang atau alat penimbang itu telah diperiksa dalam tempoh enam bulan sebelumnya dan didapati tepat oleh Inspektor Timbang dan Sukat; dan

*(bb)* berat kenderaan atau muatan itu, boleh diterima oleh mana-mana mahkamah sebagai bukti *prima facie* mengenai fakta yang diperakui dalam perakuan itu.

(7) Apabila dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah adalah perlu untuk membuktikan bahawa mana-mana pegawai polis, Ketua Pengarah, mana-mana Pengarah, mana-mana pegawai pengangkutan jalan, mana-mana pekhidmat awam, mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta atau mana-mana warden lalu lintas telah menghantarkan atau menyampaikan, atau telah menerima atau tidak menerima, apa-apa lencana, dokumen, lesen, notis, plat atau benda lain, suatu perakuan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh atau bagi pihak pegawai polis, Ketua Pengarah, Pengarah, pegawai pengangkutan jalan, pekhidmat awam, mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta ini atau warden lalu lintas itu dan memperakui penghantaran, penyampaian, penerimaan atau ketidakterimaan lencana, dokumen, lesen, notis, plat atau benda itu, boleh diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai fakta yang diperakui dalam perakuan itu, tanpa bukti mengenai tandatangan pada perakuan tersebut.

(8) Dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah butir-butir mengenai sesuatu sabitan yang diendorskan pada lesen memandu yang diberikan di bawah Bahagian II boleh dikemukakan sebagai keterangan *prima facie* mengenai sabitan itu.

(9) Apabila dalam apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini perlu untuk membuktikan bahawa sesuatu topi keledar adalah atau bukan topi keledar, atau sesuatu tali pinggang keledar adalah bukan tali pinggang keledar, yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, suatu perakuan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Pengarah atau mana-mana

pegawai Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia boleh diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai apa-apa fakta atau pendapat yang dinyatakan dalam perakuan itu, tanpa bukti mengenai tandatangan Pengarah atau pegawai tersebut pada perakuan itu, dan Pengarah atau mana-mana pegawai Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia itu tidak boleh dipanggil untuk pemeriksaan balas ke atas perakuan itu melainkan jika atas apa-apa alasan mahkamah memikirkan pemeriksaan balas itu adalah perlu atau dikehendaki bagi kepentingan keadilan.

(10) Jika dalam apa-apa prosiding perlu untuk membuktikan kelajuan mana-mana kenderaan, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh mana-mana pekhidmat awam yang adalah seorang jurutera elektrik atau jurutera mekanik dan yang memperakui bahawa apa-apa kelengkapan yang digunakan untuk menentukan kelajuan kenderaan telah diperiksa dalam tempoh lapan bulan sebelumnya dan didapati tepat, hendaklah diterima oleh mana-mana mahkamah sebagai bukti *prima facie* fakta yang diperakui dalam perakuan itu dan pekhidmat awam itu tidak boleh dipanggil untuk pemeriksaan balas ke atas perakuan itu melainkan jika atas apa-apa alasan, mahkamah memikirkan pemeriksaan balas perlu atau dikehendaki bagi kepentingan keadilan.

(11) Dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah, apa-apa imej yang dirakamkan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini hendaklah diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya.

### Keterangan dan rekod sabitan dahulu

**117A.** (1) Bagi maksud penghukuman di bawah Akta ini, apabila perlu untuk membuktikan dalam mana-mana mahkamah bahawa kesalahan yang baginya seseorang itu disabitkan adalah kesalahan kali kedua atau kali kemudian, suatu perakuan yang berupa sebagai rekod sabitannya yang terdahulu, yang ditandatangani oleh—

- *(a)* mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah; atau

*(b)* mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pegawai Polis atau Pesuruhjaya Polis,

yang menjaga rekod yang dalamnya sabitan itu disimpan, rekod itu boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai apa-apa fakta yang disebut dalamnya.

(2) Perakuan di bawah subseksyen (1) hanya boleh diterima jika ia adalah rekod berkenaan dengan kesalahan yang sama dan sabitan itu diperoleh dalam masa lima tahun dari tarikh sabitan ini.

**Penyampaian notis**

**118.** (1) Apa-apa notis yang dikehendaki supaya diberikan atau disampaikan di bawah Akta ini, boleh, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan, disampaikan kepada orang yang tersentuh olehnya seperti yang berikut:

*(a)* dengan menyerahkan salinan notis asal secara kendiri kepada orang itu;

*(b)* dengan menampalkan salinan notis itu di mana-mana bahagian rumah itu yang mudah dilihat atau di mana-mana tempat lain di mana orang itu biasanya tinggal;

*(c)* dengan menampalkan salinan notis itu di mana-mana bahagian kenderaan motor orang itu yang mudah dilihat; atau

*(d)* dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar.

(2) Jika sesuatu notis disampaikan melalui pos berdaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada hari yang berikutan hari notis itu sepatutnya diterima, dalam perjalanan biasa pos, jika notis itu di alamatkan—

*(a)* dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, kepada pejabat berdaftar syarikat itu;

*(b)* dalam hal suatu syarikat yang perbadankan di luar Malaysia, sama ada kepada individu yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian proses di bawah Akta Syarikat 1965, di alamat yang difailkan dengan Pendaftar Syarikat atau kepada pejabat berdaftar syarikat itu, di mana jua letaknya;

*(c)* dalam hal seorang individu atau kumpulan orang, kepada alamat persendirian yang disimpan dalam daftar Pengarah di bawah seksyen 8 dan 27A.

(3) Jika seseorang yang padanya dialamatkan surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini diberitahu tentang hakikat bahawa adanya surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang ia dimaklumkan demikian.

(4) (*Dipotong oleh Akta A1391*).

**Kesalahan am dan penalti**

**119.** (1) Mana-mana orang yang—

*(a)* tanpa alasan yang sah, bukti mengenainya terletak pada orang itu, enggan atau abai melakukan apa-apa yang dikehendakinya melakukan oleh Akta ini;

*(b)* tanpa alasan yang sah, bukti mengenainya terletak pada orang itu, tidak mematuhi kehendak apa-apa notis yang disampaikan kepadanya di bawah Akta ini; atau

*(c)* tanpa alasan yang sah, bukti mengenainya terletak pada orang itu, melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini boleh, jika tiada apa-apa penalti khas diperuntukkan, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi *dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang disaman untuk menjawab suatu pertuduhan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang di bawah seksyen berikutnya boleh dikompaunkan, boleh hadir untuk menjawab tuduhan itu sama ada dengan sendiriannya atau melalui peguam bela dan peguam cara, dan boleh dalam mana-mana hal sedemikian, melalui surat yang dihantarkan kepada mahkamah melalui pos berdaftar, mengaku salah terhadap pertuduhan itu dan mematuhi perintah mahkamah itu dengan syarat bahawa peruntukan subseksyen ini tidak boleh terpakai bagi mana-mana orang yang telah disampaikan suatu notis di bawah seksyen 53.

(4) Apa-apa saman yang dikeluarkan berkenaan dengan suatu pertuduhan yang termasuk dalam subseksyen (3) hendaklah mengandungi suatu notis memberitahu orang yang dipertuduh itu akan haknya di bawah subseksyen itu serta amaun denda yang akan dikenakan ke atasnya yang mana jumlah wang itu hendaklah disertakan dengan surat pengakuan salah terhadap kesalahan itu.

(5) Jika mana-mana orang yang telah diwakili oleh seorang peguam bela dan peguam cara, atau telah mengaku salah melalui surat sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (3) dipenjarakan, mahkamah hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan suatu waran bagi pemberkasannya, dan hukuman penjara yang dikenakan itu hendaklah mula berjalan hanya selepas pemberkasan orang tersebut di bawah waran itu.

(6) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud menetapkan borang apa-apa saman atau waran yang hendak dikeluarkan menurut seksyen ini, dan pada amnya untuk membolehkan peruntukan seksyen ini dikuatkuasakan.

---

**CATATAN*—Dahulunya "Satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan, dalam hal sabitan yang kedua atau kemudiannya, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya"–*lihat* Akta A1065.

**Kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

**119A.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh pertubuhan perbadanan (sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu telah didakwa), tiap-tiap pengarah, setiausaha atau pengurus pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk menghalang pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankannya memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan kes itu.

**Kuasa Pengarah untuk menolak atau menggantung urusan atau transaksi**

**119B.** (1) Walau apa pun peruntukan perenggan 17(1)*(d)* dan subseksyen 29(1A), Pengarah boleh menolak atau menggantung apa-apa urusan atau transaksi atau sebahagiannya di bawah Akta ini jika terdapat perkara atau kes yang belum selesai berhubung dengan apa-apa pelanggaran Akta ini atau apa-apa pelanggaran undang-undang bertulis yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa—

*(a)* dalam hal lesen kenderaan motor, apa-apa perkara atau kes yang belum selesai yang berhubungan dengan kenderaan motor tertentu bagi seseorang itu tidak akan menjejaskan mana-mana kenderaan motor yang lain yang didaftarkan atas namanya; dan

*(b)* dalam hal lesen memandu, apa-apa perkara atau kes yang belum selesai yang berhubungan dengan kelas lesen memandu tertentu bagi seseorang tidak akan menjejaskan kelas lesen memandunya yang lain.

**Kuasa untuk mengkompaun**

**120.** (1) Mana-mana pegawai berikut, iaitu—

*(a)* Ketua Pegawai Polis, Pesuruhjaya Polis atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada

Inspektor yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi polis;

*(b)* Ketua Pengarah atau Pengarah atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah;

*(c)* Dato Bandar;

*(cc)* Presiden atau mana-mana pegawai Perbadanan Putrajaya yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatannya untuk tujuan tersebut oleh Presiden;

*(d)* Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau mana-mana pegawai yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia;

*(e)* seseorang pegawai pihak berkuasa yang berkenaan yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerajaan tempatan,

boleh mengikut budi bicaranya mengkompaunkan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun oleh pegawai itu atau dalam hal seseorang pegawai yang disebut dalam perenggan *(d)* atau *(e)*, apa-apa kesalahan terhadap mana-mana perintah atau kaedah yang dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan di bawah Bahagian III, dengan mendapatkan daripada orang yang dengan semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(2) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan serta cara dan tatacara mengenainya.

(3) Dalam seksyen ini, “pihak kuasa yang berkenaan” mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 67.

**Akuan bersalah melalui surat dan kompaun tidak menjejaskan peruntukan polisi insurans**

**121.** Jika mana-mana orang telah mengkompaunkan suatu kesalahan atau mengaku salah melalui surat terhadap suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiada apa-apa keterangan mengenai apa-apa tindakan sedemikian boleh diterima dalam mana-mana prosiding sivil yang timbul daripada transaksi yang sama dengan kesalahan itu dan dia hendaklah dengan yang demikian disifatkan telah tidak melakukan, dengan semata-mata atas alasan berbuat demikian, perlanggaran apa-apa syarat mana-mana polisi insurans berhubungan dengan pengakuan liabiliti tanpa izin penanggung insurans.

**Ketua Pengarah hendaklah diberitahu mengenai sabitan dan kompaun**

**122.** (1) Apabila, ketika mana-mana prosiding, yang membawa kepada sabitan, atau atas sabitan, mana-mana orang bagi apa jua kesalahan jenayah, sampai kepada pengetahuan mahkamah yang merekodkan sabitan itu bahawa orang itu (sama ada atau tidak orang itu memiliki suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini) adalah, atau telah menjadi, atau telah bertindak sebagai, pemandu atau konduktor atau pemunya suatu kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barangan atau kenderaan pekerja mahkamah hendaklah dengan serta-merta menghantarkan butir-butir mengenai sabitan itu, dan mengenai apa-apa hukuman yang dijatuhkan baginya, kepada Ketua Pengarah.

(2) Jika mana-mana mahkamah mensabitkan seseorang dengan suatu kesalahan terhadap seksyen 41 hingga 49, dan orang yang disabitkan itu adalah pemegang suatu lesen untuk memandu suatu kenderaan motor, atau lesen untuk bertindak sebagai pemandu atau konduktor kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barangan atau kenderaan pekerja, mahkamah hendaklah dengan serta-merta menghantarkan butir-butir mengenai sabitan itu, dan apa-apa lesen sedemikian (sekiranya butir-butir itu dapat dipastikan), kepada Pengarah yang memberikan lesen itu atau kepada Pengarah bagi kawasan pendaftaran dalam mana orang yang disabitkan itu bermastautin.

(3) Jika mana-mana pegawai telah mengkompaunkan suatu kesalahan menurut subseksyen 120(1), kesalahan itu yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang butir-butirnya hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah, pegawai itu hendaklah dengan serta-merta menghantarkan butir-butir mengenai kesalahan itu kepada Ketua Pengarah.

**Pegawai tidak berpakaian seragam hendaklah mengemukakan kad pengenalan**

**123.** (1) Tiap-tiap pegawai polis atau warden lalu lintas apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, jika tidak berpakaian seragam, dan tiap-tiap pegawai pengangkutan jalan apabila bertindak sedemikian hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang dia mengambil tindakan suatu dokumen yang menunjukkan identitinya itu sebagaimana yang masing-masingnya diarahkan oleh Pesuruhjaya Polis dalam hal seorang pegawai polis, dan apa-apa dokumen pengenalan sebagaimana yang diarahkan oleh Dato Bandar atau Perbadanan Putrajaya dalam hal warden lalu lintas, dan apa-apa dokumen pengenalan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dalam hal pegawai pengangkutan jalan, untuk dibawa oleh seseorang pegawai polis, warden lalu lintas dan pegawai pengangkutan jalan.

(2) Adalah tidak menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai polis yang tidak berpakaian seragam, mana-mana warden lalu lintas yang tidak berpakaian seragam atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan jika pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan itu enggan mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan dokumen pengenalannya apabila dikehendaki oleh orang itu.

**Pembayaran fi lesen**

**124.** (1) Ketua Pengarah atau Pengarah boleh, jika difikirkannya patut dan tertakluk kepada Akta ini, memberi apa-apa lesen apabila menerima suatu cek sebanyak amaun fi yang kena dibayar baginya atau atas apa-apa cara bayaran sebagaimana ditetapkan oleh Menteri.

(2) Jika sesuatu cek yang dikeluarkan atau cara bayaran yang lain yang dibuat berkenaan dengan suatu fi lesen kemudiannya tidak dilayani, lesen itu adalah tidak sah dari tarikh ia diberikan, dan Ketua Pengarah atau Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menghantarkan kepada orang yang dikeluarkan lesen itu, melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepadanya di alamat yang diberinya, suatu notis menghendakinya menghantarkan lesen itu kepada Ketua Pengarah atau Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu diposkan dan jika orang itu gagal mematuhi notis itu dalam tempoh tersebut, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Perisytiharan badan awam**

**124A.** Menteri boleh mengisytiharkan mana-mana badan sebagai badan awam bagi maksud Akta ini.

**Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk menjalankan fungsi Pengarah**

**125.** Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh melalui kaedah-kaedah memberi kuasa kepada mana-mana orang, di atas syarat yang disifatkannya layak, untuk menjalankan apa-apa fungsi Pengarah di bawah Akta ini berkenaan dengan pelesenan kenderaan motor, pelesenan pemandu kenderaan motor dan pengutipan bayaran atau caj.

**Kuasa Menteri untuk memberi kuasa atau memberikan lesen**

**126.** (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini, Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk memberi kuasa atau memberi lesen atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang untuk menjalankan mana-mana fungsi seseorang pegawai pengangkutan jalan di bawah Akta ini yang didapatinya perlu.

(2) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud subseksyen (1), dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan

peruntukan yang terdahulu, boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* untuk menetapkan caj, fi atau levi yang hendaklah dibayar kepada mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan perkhidmatan yang diadakan;

*(b)* untuk menetapkan kelayakan orang yang akan diambil kerja oleh orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) dan untuk mengawal selia kekompetenan mereka;

*(c)* untuk menetapkan jenis rekod yang hendaklah disimpan oleh orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1);

*(d)* untuk menetapkan jenis penyata yang hendaklah dikemukakan oleh orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) kepada Ketua Pengarah pada lat tempoh tertentu; dan

*(e)* untuk mengawal selia pemeriksaan oleh Ketua Pengarah akan premis orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) dan rekod yang disimpan di situ.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberi kuasa orang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) untuk meminta, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan perkhidmatan yang diadakan olehnya.

(4) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan—

*(a)* jenis perkhidmatan yang berkenaan dengannya caj, fi atau levi boleh diminta, dipungut atau disimpan;

*(b)* orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi itu; dan

*(c)* tempoh pemberikuasaan untuk meminta, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi itu.

(5) Mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (3) hendaklah—

*(a)* menyimpan apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pemungutan caj, fi atau levi yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah;

*(b)* mengemukakan kepada Ketua Pengarah apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan pembayaran dan pemungutan caj, fi atau levi yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan

*(c)* membenarkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya untuk mendapatkan akses kepada atau memeriksa atau meneliti mana-mana dokumen, jentera atau kelengkapan yang disenggarakan atau digunakan bagi pembayaran atau pemungutan caj, fi atau levi.

(6) Pemberikuasaan mana-mana orang di bawah subseksyen (3) tidak menjadikan Kerajaan Persekutuan bertanggungan kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kegagalan orang yang diberi kuasa atau dilesenkan untuk menjalankan obligasinya di bawah Akta yang berkenaan dengannya caj, fi atau levi diminta, dipungut dan disimpan.

(7) Jika seseorang yang diberi kuasa atau dilesenkan di bawah subseksyen (1) melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat pemberikuasaan atau lesen atau mana-mana peruntukan seksyen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara khusus orang itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(8) Walaupun mana-mana orang telah diberi kuasa atau diberi lesen di bawah seksyen ini untuk menjalankan mana-mana fungsi seorang pegawai pengangkutan jalan, Menteri boleh memberikan

arahan kepada Ketua Pengarah atau Pengarah supaya menjalankan mana-mana fungsi itu.

**Pembatalan**

**126A.** (1) Pemberikuasaan atau lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 126 hendaklah, melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan, terus berkuat kuasa bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Menteri boleh membatalkan mana-mana pemberikuasaan atau lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 126.

**Kaedah-kaedah**

**127.** (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi apa-apa maksud yang mana kaedah-kaedah boleh dibuat di bawah Akta ini dan bagi menetapkan apa-apa perkara yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini, dan secara amnya bagi maksud menguatkuasakan Akta ini, dan secara khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

*(a)* bahasa dan skrip yang hendak ditulis bagi mana-mana isyarat lalu lintas, notis, rekod, permohonan, penyata atau dokumen lain;

*(b)* pengecualian, dengan atau tanpa syarat, bagi mana-mana orang, atau kelas orang, atau kenderaan atau kelas kenderaan, daripada perlunya mematuhi apa-apa kehendak Akta ini;

*(c)* dokumen, plat dan tanda yang akan dibawa oleh kenderaan yang dibenarkan atau apa-apa kelas kenderaan yang dibenarkan dan cara dokumen, plat dan tanda tersebut dibawa;

*(d)* penentuan bilangan penumpang yang sesuatu kenderaan perkhidmatan awam atau sesuatu kenderaan sewa dan

pandu dibina atau disesuaikan untuk membawanya dan bilangan yang boleh dibawa;

*(e)* pembawaan bagasi penumpang dan barangan (termasuk bungkusan) di dalam kenderaan perkhidmatan awam;

*(f)* kelengkapan yang akan dibawa oleh sesuatu kenderaan perkhidmatan awam;

*(g)* jenis meter teksi yang boleh dibenarkan, pengehadan penggunaannya dan kawalan ke atas ujian, pembaikan dan penyenggaraan meter teksi;

*(h)* pembawaan penumpang di dalam kenderaan barangan;

*(i)* pemberian lesen vokasional kepada pemandu dan konduktor kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pekerja dan kenderaan barangan, tatacara permohonan bagi lesen tersebut, syarat yang disertakan kepadanya, dan fi yang akan dicaj dan cara pembayaran mengenainya;

*(j)* ujian terhadap pemohon lesen pemandu kenderaan perkhidmatan awam;

*(k)* kelakuan orang yang memegang lesen vokasional dan cara pengenalan untuk dipakai oleh mereka;

*(l)* kelakuan orang yang diambil kerja dalam atau berkaitan dengan kenderaan perkhidmatan awam, kelakuan penumpang yang menaiki, dalam perjalanan di dalam atau menurun sesuatu kenderaan perkhidmatan awam dan kelakuan bakal penumpang yang sedang menunggu untuk menaiki kenderaan perkhidmatan awam;

*(m)* pemindahan daripada sesuatu kenderaan perkhidmatan awam mana-mana orang yang melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan *(l)*;

*(n)* menghendaki seseorang penumpang dalam sesuatu kenderaan perkhidmatan awam yang semunasabahnya disyaki oleh pemandu atau konduktornya melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan (1)

supaya memberikan nama dan alamatnya kepada seseorang pegawai polis atau kepada pemandu, konduktor atau pemeriksa tiket apabila dituntut;

*(o)* menghendaki seseorang penumpang dalam sesuatu kenderaan perkhidmatan awam supaya mengisytiharkan, jika diminta sedemikian oleh pemandu, konduktor atau pemeriksa tiket akan perjalanan yang dia bermaksud melalui atau telah melalui, dalam kenderaan itu, supaya membayar tambang bagi keseluruhan perjalanan tersebut dan supaya menerima apa-apa tiket yang diuntukkan baginya;

*(p)* menghendaki, jika tuntutan dibuat bagi maksud itu oleh pemandu, konduktor atau orang lain yang diberi kuasa oleh pemegang lesen bagi suatu kenderaan perkhidmatan awam, pengemukaan ketika di dalam perjalanan itu dan penyerahan balik di akhir perjalanan, oleh pemegangnya, akan apa-apa tiket yang dikeluarkan kepadanya;

*(q)* menghendaki seseorang penumpang dalam sesuatu kenderaan perkhidmatan awam, jika dikehendaki sedemikian oleh pemandu atau konduktor, supaya meninggalkan kenderaan apabila tamat perjalanan bagi tambang yang telah dibayar olehnya;

*(r)* menghendaki penyerahan balik oleh pemegang, apabila habis tempoh atau berakhir perjalanan yang dikeluarkan baginya, tiket yang dikeluarkan kepadanya.

(2) Apa-apa kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Kuasa Menteri untuk meminda jadual**

**127A.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda mana-mana jadual.

**Pemansuhan, peralihan dan kecualian**

***128.** (1) Ordinan Lalu lintas Jalan 1958 [*Ord. No. 49 tahun 1958*] dan Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Ordinan Lalu lintas Jalan) (Perluasan dan Pengubahsuaian) 1984 [*P.U.(A)136/1984*] setakat yang ia tidak berhubungan dengan pelesenan kenderaan perdagangan adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa segala perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Ordinan yang dimansuhkan setakat yang ia tidak berhubungan dengan pelesenan kenderaan perdagangan hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dipinda atau dibatalkan di bawahnya:

Dengan syarat selanjutnya bahawa apa-apa perakuan, lesen, permit plat, tanda, perakuan pendaftaran atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor, atau apa-apa kekurangan fi atau apa-apa pengecualian, yang dikeluarkan atau diberikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan dan berkuat kuasa sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa, hendaklah, setakat yang pengeluaran atau pemberian itu tidak berlawanan dengan Akta ini, disifatkan telah dikeluarkan atau diberikan di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia habis tempoh, atau diubahkan, dipinda atau dibatalkan di bawahnya.

(2) Jika apa-apa rayuan berkenaan dengan sesuatu keputusan yang dibuat di bawah Ordinan yang dimansuhkan masih belum selesai sebelum apa-apa pihak berkuasa atau mahkamah atau apabila apa-apa hak untuk merayu berkenaan dengan keputusan itu telah terakru, prosiding berkenaan dengan rayuan itu atau berkenaan dengan apa-apa rayuan di bawah hak merayu yang terakru hendaklah diteruskan atau diadakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini seolah-olah berkenaan dengan keputusan di bawah Akta ini, tertakluk kepada segala arahan yang pihak berkuasa atau mahkamah, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyifatkannya layak atau suai manfaat untuk memberi dalam perkara itu.

---

**CATATAN—lihat* seksyen 37 Akta A878—Pindaan ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral seksyen 128 mulai dari 1 Januari 1988 dan apa-apa tindakan yang telah dilakukan atau prosiding yang telah dimulakan berkenaan dengan kenderaan perdagangan semasa tempoh antara tarikh tersebut dan mula berkuat kuasanya Akta A878 dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai dan sentiasa dan pada setiap masa sah dan menurut undang-undang.

**Kuasa Menteri untuk membuat peruntukan peralihan tambahan, dsb.**

**129.** Menteri boleh, melalui kaedah-kaedah, membuat apa-apa peruntukan sebagaimana difikirkannya perlu, atau suai manfaat bagi maksud menyingkirkan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh berkuat kuasanya Akta ini, apa-apa kaedah sedemikian boleh dibuat supaya dapat berkuat kuasa mulai dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

---

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

KESALAHAN BERJADUAL

| Butiran | Jenis kesalahan (1) | Peruntukan undang-undang (2) |
|---|---|---|
| (i) | Memandu melebihi had laju | Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Had Laju) 1989 [*P.U. (A) 25/1989*] |
| (ii) | Tidak mematuhi isyarat lalu lintas | Subseksyen 79(2) Akta ini |
| (iii) | Memotong di garisan berkembar | Subseksyen 79(2) Akta ini |
| (iv) | Memandu di lorong kecemasan | Kaedah 53, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [*L.N. 166/1959*] |
| (v) | Memotong dan menghalang daripada memotong | Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [*L.N. 166/1959*] |
| (vi) | Memotong barisan | Kaedah 3(2)*(b)*, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [*L.N. 166/1959*] |
| (vii) | Menggunakan telefon bimbit semasa memandu | Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [*L.N. 166/1959*] |

---

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2]

KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA

(i) Memandu kenderaan selain bas di lorong bas

(ii) Memandu melebihi had laju yang ditetapkan

(iii) Tertakluk kepada seksyen 76A, tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas

---

JADUAL KETIGA

[Seksyen 119B]

(i) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [*Akta 127*].

---

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 333

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

SENARAI PINDAAN

| Undang-Undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Akta A709 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988 | 15-01-1989 |
| Akta A878 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994 | 04-03-1994 |
| Akta A891 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994 | 08-07-1994 |
| Akta A973 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996 | 01-01-1997 bagi perenggan 2*(a)*, 2*(b)*, 2*(c)*, 12*(b)*, seksyen 18 hingga 33, perenggan 35*(b)*, seksyen 38 dan 40 |
| Akta A1065 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 | 01-10-1999 bagi perenggan 2*(c)* hingga 2*(e)*; seksyen 3, 4 dan 18; subperenggan 19*(a)*(i), 19*(b)*(i), perenggan 19*(c)* kecuali setakat mana ia berhubung dengan kemasukan perenggan 65(4)*(e)* ke dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, 19*(d)*, 19*(e) dan* 19*(f)*; seksyen 21, 23, 26, 28 dan 29 (*lihat* P.U. (B) 382/ 1999) . |

| Undang-Undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| | | (*lihat* P.U. (B) 382/ 1999)<br><br>18-4-2000 bagi perenggan 2*(a)* dan 2*(b)*; seksyen 5 hingga 17; subperenggan 19*(a)*(ii), 19*(b)*(ii), perenggan 19*(c)* setakat mana ia berhubung dengan kemasukan perenggan 65(4)*(e)* ke dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan perenggan 19*(g)*; seksyen 20, 22, 24, 25 dan 27. (*lihat* P.U. (B) 94/ 2000) |
| Akta A1101 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2001 | 28-04-2005 bagi seksyen 10 hingga 15 dan seksyen 17 hingga 19 (*lihat* P.U. (B) 156/ 2005)<br><br>Seksyen yang lain belum berkuat kuasa |
| Akta A1262 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006 | 06-03-2006 |
| Akta A1356 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2009 | 01-10-2009 |
| Akta A1391 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2011 | 31-01-2011 |

| Undang-Undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Akta A1440 | Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 | 15-09-2012 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 333

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 2 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | | 18-04-2000 |
| | Akta A1262 | 06-03-2006 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 3 | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| 3A | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 4 | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| 4A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 4B | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 5 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 7 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 9 | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 10 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 11 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 12 | Akta A878 | 04-03-1994 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 13 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 14 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 15 | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 16 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 17 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 (bagi perenggan 12*(b)*) |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 19 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 20 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 21 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 22 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 23 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 26 | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 27 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| 27A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 29 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 34 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 34A | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| 35 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 35A | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 36 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 37 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 38 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 40 | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 41 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| 42 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 43 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 44 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| 45 | Akta A973 | 01-10-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2005 |
| 45A | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 45B | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 45C | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 45D | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 45E | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 45F | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 45G | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 48 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 50 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 53 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 53A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 53B | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 53C | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 54 | Akta A973 | 01-01-1997 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 56 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 58 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| 58A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 59 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 60 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 61 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 62 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 63 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 64 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 65 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1065 | 01-10-1999; 18-04-2000 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 (bagi perenggan 35*(b)*) |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66A | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| BAHAGIAN IIB | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66H | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66I | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66J | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66K | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 66B | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 66C | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 66D | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 66DA | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| 66E | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 66F | Akta A891 | 08-07-1994 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 66G | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 67 | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| 69 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 70 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 71 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 72 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 76A | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 79 | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 88 | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 85A | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 90 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 108 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 109 | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 110A | Akta A1262 | 06-03-2006 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 112 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 113 | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| 115A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 116 | Akta A1065 | 18-04-2000 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 116A | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 117 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 117A | Akta A973 | 01-01-1997 |
| 118 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |
| 119 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A1065 | 18-04-2000 |
| 119A | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 119B | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 120 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| | Akta A1101 | 28-04-2005 |
| | Akta A1356 | 01-10-2009 |
| 122 | Akta A1391 | 31-01-20111 |
| 23 | Akta A1065 | 01-10-1999 |
| 124A | Akta A878 | 04-03-1994 |
| 125 | Akta A709 | 15-01-1989 |
| | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 126 | Akta A891 | 08-07-1994 |
| | Akta A973 | 01-01-1997 |
| 126A | Akta A891 | 08-07-1994 |
| 127A | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| 128 | Akta A878 | 04-03-1994 |
| Jadual Pertama | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| Jadual Kedua | Akta A1391 | 31-01-2011 |
| | Akta A1440 | 15-09-2012 |